



Kementerian Belia dan Sukan
Malaysia



Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID **14**

ISSN 2180-1649

JUNE
JUN **2016**

Articles/Makalah

Aspirasi dan Kecenderungan Belia terhadap Kepimpinan Politik Malaysia
Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, & Jamil Ahmad

Kefahaman dan Penerimaan Belia Terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia
Nazri Muslim

Sambutan Golongan Muda terhadap Fit Malaysia
Wasitah Mohd Yusof, Asnida Hamid & Shariffah Mamat

Faktor Belia Tidak Bekerja dari Perspektif NEET
Rusmawati Said, Zulkarnain Yusop, Azmawani Abdul Rahman, Yuhanis Abd Aziz,
Asmaddy Haris & Mohd Rizal Mohd Sham

Time Allocation among Youth in Malaysia
Kee Chong Wei & Intan Hashimah Mohd Hashim

Persepsi Belia Malaysia di United Kingdom dan Ireland terhadap Pelaksanaan GST
Mohad Anizu Mohd Nor, Amal Hayati Ahmad Khair & Mohamad Nazri Abd Karim

Hibah Akhlak dalam Pendidikan Spiritual Belia
Mardzelah Makhsin, Nurulwahida Hj Azid @ Aziz, Mohamad Fadhli Bin Ilias,
Siti Ruhaida Mokhtar & Siti Nurmayra Jumiran

Friendship Patterns among Malaysian Youth in the Digital Era
Pramela Krish & Fazilah Idris

Kecenderungan Personaliti Belia dalam Media Sosial
Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin



Penaung/Patron

YB Encik Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan Malaysia
Minister of Youth and Sport

Ketua Editor/Chief Editor

Dr. Wasitah Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Editor Kerja/Executive Editor

Dr. Asma Abdullah - Ahli Lembaga Pengarah IYRES
Prof. Madya Dr. Sarjit S. Gill - Universiti Putra Malaysia
Shariffah Mamat - IYRES

Sidang Editorial/Editorial Board

Azura Abidin - IYRES
Mastura Mohamad - IYRES
Shahhanim Yahya - IYRES
Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES
Norati'qah Talib - IYRES
Asnida Abd Hamid - IYRES
Nor Hidayah Omar - IYRES
Nadya Shaffinaz Bajuri - IYRES
Noor Sheila Mhd Nasir - IYRES

Pewasit/Reviewer

Prof. Dr. Rohany Nasir - UKM
Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib – UPM
Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri – UPM
Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar – UPM
Prof. Madya Dr. Nobaya Ahmad – UPM
Prof. Madya Dr. Janice Nga Lay Hui – UMS
Prof. Madya Dr. Sivapalan Silvadurai – UKM
Prof. Madya Dr. Razeligh Kawangit – UKM
Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian – USM
Dr. Wendy Yee Mei Tan – UM
Dr. Abdul Hakim Mohad – UMS



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Malaysian Journal of Youth Studies

**VOLUME
JILID 14**

ISSN 2180-1649

**JUNE
JUN 2016**

Articles/Makalah

Aspirasi dan Kecenderungan Belia terhadap Kepimpinan Politik Malaysia ABDUL RAZAQ AHMAD, MOHD MAHZAN AWANG & JAMIL AHMAD	1-28
Kefahaman dan Penerimaan Belia terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia NAZRI MUSLIM	29-54
Sambutan Golongan Muda terhadap Fit Malaysia WASITAH MOHD YUSOF, ASNIDA HAMID & SHARIFFAH MAMAT	55-66
Faktor Belia Tidak Bekerja dari Perspektif NEET RUSMAWATI SAID, ZULKARNAIN YUSOP, AZMAWANI ABDUL RAHMAN, YUHANIS ABD AZIZ, ASMADDY HARIS & MOHD RIZAL MOHD SHAM	67-90
Time Allocation among Youth in Malaysia KEE CHONG WEI & INTAN HASHIMAH MOHD HASHIM	91-106
Persepsi Belia Malaysia di United Kingdom dan Ireland terhadap Pelaksanaan GST MOHAD ANIZU MOHD NOR, AMAL HAYATI AHMAD KHAIR & MOHAMAD NAZRI ABD KARIM	107-119
Hisbah Akhlak dalam Pendidikan Spiritual Belia MARDZELAH MAKHSIN, NURULWAHIDA HJ AZID @ AZIZ, MOHAMAD FADHLI BIN ILIAS, SITI RUHAIDA MOKHTAR & SITI NURMAYA JUMIRAN	121-136

Friendship Patterns among Malaysian Youth in the Digital Era PRAMELA KRISH & FAZILAH IDRIS	137-149
Kecenderungan Personaliti Belia dalam Media Sosial MOHD SHAHREMY IKMAL SHAHBUDIN	151-165
Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ melalui Media Sosial JAMILAH AHMAD & NUR NASLIZA ARINA MOHAMAD NASIR	167-194
Pembangunan Ekonomi Belia Luar Bandar SITI KHARIAH MOHD ZUBIR & MOHD RA’IN SHAARI	195-222
Keperluan Teknologi Maklumat Golongan Belia Orang Asli Di Kuala Lipis, Pahang ASAN ALI G.H., FAUZI HUSSIN, MOHD KHAIRUDIN KASIRAN, MOHAMAD HELMI HIDTHIIR & MOHD TARMIZI MUSA	223-236
Tingkahlaku Profesional dalam Kalangan Belia Muslim di Tempat Kerja MOHD FARIDZ ISMAIL, ISMI ARIF ISMAIL, HASLINDA AHMAD & SOAIB ASIMIRAN	237-256
Penglibatan Jiran Muda dalam Aktiviti Rukun Tetangga di Daerah Hulu Langat, Selangor WAN ZUMAIZA WAN MUSTAPHA, SARJIT S. GILL & ISMI ARIF ISMAIL	257-272

ASPIRASI DAN KECENDERUNGAN BELIA TERHADAP KEPIMPINAN POLITIK MALAYSIA

ABDUL RAZAQ AHMAD, MOHD MAHZAN AWANG & JAMIL AHMAD

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan meninjau dan mengenal pasti tahap aspirasi dan kecenderungan belia terhadap kepimpinan politik Malaysia. Kepimpinan politik Malaysia adalah berkaitan dengan aspek kredibiliti karakter pemimpin, idealisme perjuangan, gaya kepimpinan politik dan kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik. Belia dalam kajian ini terdiri daripada individu yang berusia sekitar 19 hingga 25 tahun. Metodologi kajian ini adalah berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Responden kajian ini dipilih menggunakan teknik stratifikasi daripada lima zon melibatkan 1200 orang sampel pelbagai etnik di Malaysia. Hasil kajian rintis berdasarkan analisis Cronbach Alfa bagi kesemua konstruk yang dikaji keseluruhannya berada di tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu di antara 0.830 hingga 0.955. Analisis data menggunakan SPSS versi 22.0 bagi menganalisis data yang berbentuk statistik deskriptif (min dan sisihan piawai). Hasil kajian menunjukkan tahap aspirasi belia secara keseluruhannya agak tinggi dengan skor min antara 4.049 hingga 5.900. Analisis terperinci menunjukkan bahawa belia meletakkan aspirasi yang tinggi terhadap kredibiliti karakter pemimpin daripada aspek pemimpin berpandangan jauh dan kompeten (min = 5.82, sisihan piawai = 0.86). Selain itu, belia meletakkan keutamaan kepada idealisme perjuangan politik yang berbentuk nasional (min = 5.90, sisihan piawai = 0.97). Bagi gaya kepimpinan politik pula, belia lebih mengharapkan kepada gaya kepimpinan berbentuk penyertaan berbanding dengan gaya mengarah dan gaya menyokong (min = 5.85, sisihan piawai = 0.97). Majoriti belia meletakkan harapan yang sangat tinggi agar pemimpin menunjukkan sikap kepedulian kepada permasalahan rakyat (min = 5.70, sisihan piawai = 1.16). Analisis data tersebut menggambarkan bahawa belia Malaysia mempunyai aspirasi yang tinggi tehadap kepimpinan politik Malaysia masa kini.

Kata Kunci: Kepimpinan Politik Malaysia, Aspirasi, Kecenderungan, Belia Pelbagai Etnik

ABSTRACT

The present study aims at surveying and identifying the level of Malaysian youth expectations and aspirations towards the Malaysian political leadership. The political leadership in this study refers to the credibility of the political leader, political idealism, political leadership styles, and preferred political leaders. Individuals aged between 19 and 25 years are considered to be youth in this study. This is a survey study which employs a questionnaire. The current study involves 1200 respondents that have been selected using stratification techniques from five

zones in Malaysia. Prior to data collection, a pilot test was carried out where the results of Cronbach Alpha values (0.830 and 0.955) indicating that all items and constructs reliable. Data from the actual study was analyzed using SPSS version 22.0 by focusing on descriptive statistics (mean and standard deviation). The results showed that the aspirations of youth as a whole are relatively high with the mean scores between 4.049 and 5.900. A detailed analysis shows that there is a high aspiration of the youth towards the character of political leaders especially from the aspect of looking forward and competency level (mean = 5.82, standard deviation = 0.86). In addition, the majority of youth is more likely to prioritize the national-based idealisme (mean = 5.90, standard deviation = 0.97). The majority of youth are keen on participative leadership rather than directive and supportive leadership styles (mean = 5.85, standard deviation = 0.97). They also have a very high expectation towards leaders who show their care and concern in solving the people problems (mean = 5.70, standard deviation = 1.16). These findings revealed that that Malaysian youths, nowadays have high aspirations toward national political leadership.

Keywords: Political Leadership, Aspirations, Inclinations, Multi-Ethnic

PENGENALAN

Artikel ini meninjau aspirasi belia terhadap kepimpinan politik Malaysia serta ciri-ciri pemimpin negara yang dikehendaki belia Malaysia. Hal ini amat penting kerana ‘Konsep Politik Kepimpinan’ mempunyai kaitan rapat dengan pemilihan pemimpin negara. Dalam konteks Malaysia, proses pilihan raya adalah wadah kepada pemilihan pemimpin negara. Walaupun belia adalah kumpulan pengundi terbesar dalam pilihan raya umum dalam Pilihan Raya Umum ke 13, sehingga kini tiada satu model pemikiran belia Malaysia dan pilihan mereka dalam pemilihan pemimpin politik Malaysia amatlah penting. Kerangka teori yang akan mendasari kajian ini adalah perbahasan literasi politik. Perbahasan literasi politik akan dikaitkan dengan aspirasi kepimpinan politik Malaysia oleh belia di Malaysia. Teori modenisasi dan teori pilihan rasional memandu pasukan kajian untuk memahami persoalan dan objektif kajian ini. Kajian ini mengandaikan bahawa belia Malaysia pelbagai etnik, sosio-budaya dan sosio-ekonomi memiliki cara fikir dan persepsi tersendiri terhadap konsep kepimpinan negara yang diidamkan. Kajian ini juga mengandaikan bahawa domain-domain pemilihan kepimpinan negara oleh belia Malaysia juga mempunyai prioriti yang berbeza serta mempunyai kaitan rapat dengan faktor-faktor sosio-budaya, sosio-ekonomi, persekitaran, interaksi sosial, usia (generasi muda), media dan mobiliti sosial.

Dekad ini juga menunjukkan terdapat kumpulan belia di institusi pengajian tinggi telah mengambil risiko menerusi luahan perasaan di tempat terbuka yang telah berakhir dengan pedakwaan di mahkamah (Mohd Fuad, Junaidi, Novel Lyndon & Viknesh, 2012; Mohd Fuad, et al. 2009). Media baru terutama laman sosial Facebook telah menzahirkan lagi perkara ini apabila belia generasi baharu

kerap kali memuatnaik berita daripada perspektif berbeza dengan media arus perdana. Dalam gerakan politik Malaysia sama ada dalam kumpulan gabungan parti Barisan Nasional (BN) dan juga Pakatan Rakyat (PR), golongan belia turut mendesak memberi peluang kepada belia dalam kepimpinan negara. Istilah popular seperti ‘pemimpin muda’ menjadi jolokan dalam pembentukan kepimpinan sama ada di peringkat komuniti, negeri dan negara. Burns (1978) telah membuat refleksi terhadap kepimpinan politik dari kaca mata konflik lalu menegaskan bahawa kecelaruan dalam kepimpinan yang berlaku menjadi suatu yang negatif. Kecelaruan itu berakar-umbi daripada ketidakseimbangan dalam proses pemilihan pemimpin. Ini adalah kerana mereka yang diberi kuasa sebagai pemimpin yang terdiri daripada lelaki dan perempuan tidak dapat mendukung prinsip-prinsip kepimpinan yang sebenar. Kegagalan untuk mengecam inti pati kepimpinan yang sesuai untuk abad ini membuatkan pihak-pihak yang terlibat tidak dapat menentukan satu kata sepakat untuk meletakkan satu standard yang objektif bagi mengukur ciri-ciri kepimpinan (Burns 1978).

Dimensi dalam Kepimpinan Politik

Terdapat banyak model dalam menilai kepimpinan politik. Tummers dan Knies (2014) mengenalpasti bahawa terdapat lima domain dalam kepimpinan yang perlu diambilkira dalam membuat kajian terhadap kepimpinan di peringkat nasional. Lima domain tersebut adalah Kepimpinan Akauntabiliti (*Accountability leadership*) iaitu satu bentuk kepimpinan yang mengarah kepada dorongan pengikut untuk menjelaskan justifikasi tindakan. Kepimpinan Perundangan (*Lawfulness leadership*) pula memfokuskan kepada pengikut untuk bertindak selaras dengan perundangan dan peraturan. Kepimpinan Beretika (*Ethical leadership*) lebih bersifat menggalakkan pengikut untuk bertenaga laku baik dan beretika. Manakala, Kepimpinan Ketaatan Politik (*Political loyal leadership*) mendorong pengikut untuk memastikan kesesuaian tindakan dengan kehendak politik, biarpun ia melibatkan kos yang tinggi. Kepimpinan Jaringan Tadbir urus (*Network governance leadership*) menggalakkan pengikut untuk berhubung secara aktif dengan barisan kepimpinan Negara (Tummers dan Knies 2014). Sarjit al. (2012) pula telah menggunakan domain berikut dalam mengkaji aspirasi kepimpinan politik belia iaitu pemilihan parti politik yang menjadi idaman kepada belia; profesion tokoh pemimpin politik: profesion calon; kelayakan akademik calon; dan faktor sepunya calon yang meliputi kesamaan ideologi politik, kesamaan negeri asal dan kesamaan agama; dan latar belakang calon yang meliputi sejarah politik dan juga pencapaian calon.

Dalam meneliti kepimpinan politik, Magstadt (2010) dan Seta Basri (2015) mengenalpasti sekurangnya terdapat 4 model kepemimpinan politik, iaitu karakter kepimpinan Negarawan, Demagogue, Ahli Politik Biasa dan *Citizen-Leader*. Negarawan adalah seorang pemimpin politik yang memiliki visi, karisma peribadi, kebijaksanaan praktis, dan kepedulian terhadap kepentingan umum yang kepemimpinannya itu bermanfaat bagi masyarakat. Demagogue adalah seseorang yang menggunakan keahliannya memimpin untuk memeroleh jabatan publik dengan cara menarik rasa takut dan prasangka umum untuk kemudian

menyalahgunakan kekuasaan yang diperoleh tersebut demi keuntungan peribadi. Ahli Politik Biasa adalah seorang pemegang jabatan awam yang rela untuk mengorbankan prinsip-prinsip yang dimiliki sebelumnya atau mengesampingkan kebijakan yang tidak popular agar dapat dipilih kembali. *Citizen-Leader* adalah seseorang yang mempengaruhi pihak atasan secara meyakinkan meskipun ia tidak memegang jabatan rasmi pemerintahan. Terdapat pelbagai kategori kepimpinan yang telah dikenal pasti dalam pelbagai kajian. Hasil daripada kajian lampau, berikut gaya kepimpinan yang dikenal pasti adalah *Transformational Leadership*, *Transactional* dan *Non-Transactional*, *Laissez-Faire Leadership* (Linton, 2003); *Participative style*, *Supportive style* dan *Instrumental style* (Pedraja-Rejas, Rodríguez-Ponce dan Juan Rodríguez-Ponce, 2006); *Charismatic leadership*, *Transformational leadership*, *Transactional leadership* dan *Team leadership* (Tsai, Wu and Chung, 2009); gaya kepimpinan transformasi (transformational) dan gaya kepimpinan transaksi (*Transactional*) (Voon et. al, 2011); dan Gaya kepimpinan Menyokong (*Supportive*), Mengarah (*Directive*), Penyertaan (*Participative*) dan Gaya Kepimpinan Berorientasikan Pencapaian (*Achievement Oriented Leadership*) (Tummers dan Knies, 2013; 2014). Dalam kajian ini, konstruk kepimpinan yang dikaji adalah melibatkan empat kategori utama, iaitu kredibiliti pemimpin, idealisme perjuangan, gaya kepimpinan politik dan keprihatinan dan kesepuhyaan dalam pemilihan pemimpin politik.

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah deskriptif melalui penggunaan soal selidik 7 skala Likert sebagai instrumen kajian. Kajian ini mengandungi 118 item yang melibatkan empat konstruk yang melibatkan utama, iaitu 61 item untuk kredibiliti karakter pemimpin, idealisme perjuangan (19 item), gaya kepimpinan politik (22 item) kepedulian dan faktor sepunya (16 item). Soal selidik ini dibina berdasarkan rujukan dan adaptasi daripada pelbagai sumber, antaranya ialah Kouzes & Posner (2002; 2007). Bagi kesahan kandungan, tiga orang pakar bidang telah membuat penilaian dan seterusnya dilakukan kajian rintis seramai 100 orang di Kajang, Selangor. Hasil kajian rintis keseluruhan konstruk berada di tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu di antara 0.830 hingga 0.955 dan valid digunakan dalam kajian sebenar. Sampel kajian seramai 1200 responden berdasarkan jadual persampelan Krejie & Morgan (1970) dan sampel dipilih secara stratifikasi daripada lima zon secara rawak yang diwakili oleh zon tengah (Selangor), zon utara (Pulau Pinang), zon selatan (Johor), zon timur (Pahang), zon Sabah dan Sarawak. Bagi setiap zon, sampel yang dipilih adalah 200 orang yang melibatkan belia pelbagai etnik berusia 19 – 25 tahun. Dan demografi terperinci adalah 334 responden adalah Melayu (27.8%), 299 responden Cina (24.9%), 167 responden India (13.9%), 200 responden Bumiputera Sarawak (16.7%) dan responden 200 Bumiputera Sabah (16.7%). Analisis data menggunakan SPSS versi 22.0 yang merujuk kepada analisis deskriptif sahaja. Manakala skor min dalam kajian ini adalah berdasarkan jadual 1 seperti dibawah:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 – 2.20	Sangat Rendah
2.21 – 3.40	Rendah
3.41– 4.60	Sederhana
4.61 – 5.80	Tinggi
5.81 - 7.00	Sangat Tinggi

DAPATAN KAJIAN
Aspirasi Kepimpinan Politik Malaysia dari Aspek Karakter Pemimpin

Bagi mengukur aspirasi belia terhadap karakter pemimpin, terdapat empat konstruk yang telah dikenalpasti iaitu integriti pemimpin, pandangan jauh pemimpin, pemimpin yang memberi inspirasi, pemimpin yang kompeten dan efikasi kendiri pemimpin. Analisis bagi setiap konstruk tersebut dilakukan bagi melihat secara terperinci ciri-ciri karakter pemimpin yang diharapkan oleh belia.

Integriti Pemimpin

Terdapat dua sub-konstruk yang diukur dalam menilai aspirasi belia terhadap integriti pemimpin politik iaitu dari segi berpendirian dan juga rendah hati.

Analisis di Jadual 2 menunjukkan para belia meletakkan prioriti kepada “Pemimpin politik yang tidak sompong” (item B6); manakala “Pemimpin politik yang menunjukkan keselarian antara pemikiran, perasaan perbualan dan tindakan” (item B1) adalah kurang menjadi keutamaan dalam kalangan belia.

Jadual 2: Tahap Aspirasi Belia terhadap Integriti Pemimpin Politik mengikut Aspek Berpendirian

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B1	Pemimpin politik yang menunjukkan keselarian antara pemikiran, perasaan perbualan dan tindakan	5.6892	1.20226
B2	Pemimpin yang berani mengaku apabila membuat sesuatu kesilapan	5.7150	1.25036
B3	Pemimpin yang mengambilkira pandangan orang bawah dalam membuat keputusan	5.8333	1.09844
B4	Pemimpin yang mempamerkan tingkah laku kesederhanaan	5.8808	1.07592
B5	Pemimpin politik yang tidak sompong	6.0050	1.09513
B6	Pemimpin yang menunjukkan keaslian dalam tingkah laku (Tidak Hipokrit)	5.8892	1.09295
Skor Min Keseluruhan		5.8354	0.92207

**Jadual 3: Tahap Aspirasi Belia terhadap Integriti Pemimpin Politik
mengikut Aspek Rendah Hati**

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B7	Pemimpin yang menunjukkan sikap mudah memaafkan	5.713	1.1886
B8	Pemimpin yang menghormati semua pemimpin lain walaupun mempunyai perbezaan	5.878	1.0473
B9	Pemimpin yang menunjukkan keperihatinan yang tinggi kepada rakyat	5.975	1.0288
B10	Pemimpin yang memberi pertimbangan kepada keperluan rakyat	5.839	1.1103
B11	Pemimpin yang membuat keputusan yang konsisten	5.774	1.0820
B12	Pemimpin yang membina suasana terbuka dalam kepimpinan politik	5.727	1.1238
Skor Min Keseluruhan		5.818	0.88545

Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti belia meletakkan keutamaan kepada “Pemimpin yang menunjukkan keperihatinan yang tinggi kepada rakyat” (item B9); sebaliknya pula meletakkan kurang priority kepada “Pemimpin yang menunjukkan sikap mudah memaafkan” (item B7).

Karakter Pemimpin yang Berpandangan Jauh

Terdapat dua sub-konstruk yang dikenalpasti bagi mengukur aspirasi belia terhadap karakter pemimpin dalam aspek berpandangan jauh iaitu pemimpin yang memiliki karakter sebagai pemangkin strategik dan penggerak minda.

Jadual 4 menunjukkan bahawa “Pemimpin politik yang berani bersempua dalam menegakkan kebenaran (item B15) dan “Pemimpin yang dapat menyelesaikan masalah dengan kreatif” (item B18) menjadi keutamaan kepada belia. Para belia meletakkan keutamaan yang kurang kepada “Pemimpin yang meletakkan standard pencapaian kepada pengikutnya” (item B19) dan “Pemimpin politik yang menekankan output dalam projek pembangunan”(item B20).

Jadual 4: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Berpandangan Jauh mengikut Aspek Pemangkin Strategik

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B13	Pemimpin yang tegas dalam kata-kata yang diucapkan	5.7908	1.08308
B14	Pemimpin yang berpegang kepada nilai dan etika kerja	5.8750	1.04576
B15	Pemimpin politik yang berani bersemuka dalam menegakkan kebenaran	5.9792	1.12017
B16	Pemimpin politik yang memberi sokongan yang teguh terhadap perubahan	5.7708	1.07747
B17	Pemimpin politik yang berkongsi idea-idea baru	5.8558	1.00127
B18	Pemimpin yang dapat menyelesaikan masalah dengan kreatif	5.9050	1.06783
B19	Pemimpin yang meletakkan standard pencapaian kepada pengikutnya	5.6933	1.14472
B20	Pemimpin politik yang menekankan output dalam projek pembangunan	5.6767	1.15393
Skor Min Keseluruhan		5.8183	0.86112

Jadual 5: Tahap Aspirasi Belia terhadap Karakter Pemimpin Politik yang Berpandangan Jauh mengikut Aspek Penggerak Minda

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B21	Pemimpin politik yang membawa suara rakyat kepada peringkat yang lebih tinggi	5.9400	1.04673
B22	Pemimpin yang berhujah secara rasional di parlimen	5.8417	1.06734
B23	Pemimpin politik yang mempunyai idea yang kreatif dan futuristik	5.8125	1.07314
Skor Min Keseluruhan		5.8647	0.89456

Analisis min menunjukkan bahawa para belia meletakkan lebih keutamaan kepada “Pemimpin politik yang membawa suara rakyat kepada peringkat yang lebih tinggi” (ítem B21) dan “Pemimpin yang berhujah secara rasional di parlimen” (ítem B22) berbanding “Pemimpin politik yang mempunyai idea yang kreatif dan futuristik” (ítem B23).

Karakter Pemimpin yang Memberi Inspirasi

Terdapat dua sub-konstruk bagi mengenal pasti aspirasi belia terhadap karakter pemimpin dari aspek ini iaitu pemimpin yang menjadi pendorong serta pimpinan

yang berpengaruh.

Jadual 6 menunjukkan bahawa para belia mengharapkan agar pemimpin politik sering tampil memperjuangkan isu rakyat (ítem B28), berupaya menyelesaikan masalah rakyat dengan tekun (ítem B25) dan sabar menghadapi karenah rakyat (ítem B30). Pemimpin yang mendedahkan kepada pengikut tentang prinsip dan idea baru dalam politik dan kepimpinan (ítem B24) diletakkan keutamaan yang terendah.

Jadual 6: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Memberi Inspirasi mengikut Aspek Menjadi Pendorong

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B24	Pemimpin yang mendedahkan kepada pengikut tentang prinsip dan idea baru dalam politik dan kepimpinan	5.6133	1.13132
B25	Pemimpin yang berupaya menyelesaikan masalah rakyat dengan tekun	5.8792	1.03140
B26	Pemimpin yang berupaya membuka minda ahli parti dan rakyat supaya menerima pembaharuan dan perubahan	5.7492	1.08269
B27	Pemimpin politik yang mempunyai keupayaan dalam menarik rakyat menuju hala tuju dan falsafah kepimpinan	5.6950	1.18172
B28	Pemimpin politik yang sering tampil memperjuangkan isu rakyat	5.8917	1.04523
B29	Pemimpin yang mewujudkan suasana kerja dalam masyarakat secara profesional	5.8108	1.04449
B30	Pemimpin yang sabar menghadapi karenah rakyat	5.8267	1.06657
Skor Min Keseluruhan		5.7808	0.87088

Jadual 7: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Memberi Inspirasi mengikut Aspek Berpengaruh

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B31	Pemimpin politik yang mempunyai pengaruh dalam pembuatan keputusan tanpa meminggirkan pandangan dari ahli	5.6283	1.24559
B32	Pemimpin yang menjadi idola dan dihormati oleh orang lain	5.6425	1.14781
B33	Pemimpin yang memberi motivasi kepada semua ahli parti dan rakyat	5.7950	1.03949
B34	Pemimpin yang menyemai semangat dinamik dan berani berdepan dengan perubahan	5.7283	1.08190
Skor Min Keseluruhan		5.6985	0.93948

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa “Pemimpin yang memberi motivasi kepada semua ahli parti dan rakyat” (ítem B33) dan “Pemimpin yang menyemai semangat dinamik dan berani berdepan dengan perubahan” (ítem B34) adalah menjadi keutamaan kepada para belia berbanding dengan “Pemimpin politik yang mempunyai pengaruh dalam pembuatan keputusan tanpa meminggirkan pandangan daripada ahli” (ítem B31) dan “Pemimpin yang menjadi idola dan dihormati oleh orang lain” (B32).

Pemimpin yang Kompeten

Terdapat empat sub-konstruk yang dikenalpasti dalam mengenalpasti aspirasi belia terhadap pemimpin yang kompeten iaitu kompetensi tugas (orientasi tindakan), kompetensi tugas (sosialibiliti), kompetensi emosi, dan kompetensi rohani.

Jadual 8 menunjukkan bahawa ítem B36 mencatatkan skor min tertinggi. Hal ini bermakna bahawa belia lebih cenderung meletakkan “Pemimpin politik yang jelas dengan misi dan visi perjuangannya” lebih utama berbanding “Pemimpin yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan ahli parti dan ketua komuniti” (ítem B37).

Jadual 8: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Kompeten mengikut Aspek Kompetensi Tugas (Orientasi Tindakan)

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B35	Pemimpin politik yang boleh meyakinkan rakyat tentang perubahan dan pembangunan	5.7975	1.07895
B36	Pemimpin politik yang jelas dengan misi dan visi perjuangannya	5.9092	1.04730
B37	Pemimpin yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan ahli parti dan ketua komuniti	5.7158	1.14652
B38	Pemimpin politik yang berinovasi dalam kepimpinan dan perjuangan	5.7450	1.06580
B39	Pemimpin politik yang prihatin dalam pelbagai isu	5.8383	1.12097
Skor Min Keseluruhan		5.8012	0.89003

Jadual 9: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Kompeten mengikut Aspek Kompetensi Tugas (sosialibiliti)

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B40	Pemimpin yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi orang lain	5.7750	3.05568
B41	Pemimpin yang mempunyai kuasa tarikan yang membuat pengikut bergerak ke hadapan	5.7517	1.14503
B42	Pemimpin politik yang senang bergaul dengan semua masyarakat dan rakyat	5.9858	1.10679
B43	Pemimpin yang tidak prejudis dalam berkomunikasi	5.9575	1.02952
B44	Pemimpin yang memberi perangsang kepada ahli parti dan komuniti dalam bekerja sebagai satu pasukan	5.9250	0.99089
Skor Min Keseluruhan		5.8790	1.00794

Jadual 9 menunjukkan bahawa belia meletakkan keutamaan yang tinggi kepada “Pemimpin politik yang senang bergaul dengan semua masyarakat dan rakyat (ítem 42); Pemimpin yang tidak prejudis dalam berkomunikasi (ítem 43); dan Pemimpin yang memberi perangsang kepada ahli parti dan komuniti dalam bekerja sebagai satu pasukan (ítem 44)”.

Jadual 10 menunjukkan bahawa para belia meletakkan “Pemimpin politik yang bijaksana dalam menjawab pelbagai isu (ítem B45)” dan “Pemimpin yang proaktif dalam tindakan untuk kemajuan negara (ítem B46)” sebagai yang paling

utama. Sebaliknya para belia meletakkan “Pemimpin politik yang banyak mengetuai pelbagai program dalam dan luar negara (ítem B50)” sebagai ciri yang paling kurang utama.

Jadual 10: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Kompeten mengikut Aspek Kompetensi Rohani

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B45	Pemimpin politik yang bijaksana dalam menjawab pelbagai isu	5.9575	1.05512
B46	Pemimpin yang proaktif dalam tindakan untuk kemajuan negara	5.9608	1.07017
B47	Pemimpin yang bekerja keras dalam usaha mencapai visi dan misi perjuangan	5.8517	1.08427
B48	Pemimpin yang membina semangat bekerja yang produktif dalam kepimpinan dan perjuangan	5.7408	1.07918
B49	Pemimpin politik yang membina hubungan rapat dengan ahli parti dan masyarakat	5.7383	1.17729
B50	Pemimpin politik yang banyak mengetuai pelbagai program dalam dan luar negara	5.6850	1.23506
B51	Pemimpin yang memberi pengupayaan (Empowerment) kepada pemimpin lain untuk menjayakan tugas secara berkesan	5.7275	1.12885
Skor Min Keseluruhan		5.8088	1.118562

Jadual 11: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Kompeten mengikut Aspek Kompetensi Tugas (sosialibiliti)

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B40	Pemimpin yang dapat memberikan penjelasan yang jelas dan rasional dalam berkomunikasi	5.7750	3.05568
B41	Pemimpin yang sopan dan bertingkahlaku yang disenangi	5.7517	1.14503
B42	Pemimpin politik yang sabar dan tekun	5.9858	1.10679
B43	Pemimpin yang berintegriti dari kacamata komuniti	5.9575	1.02952
B44	Pemimpin yang bersedia mengadaptasi kaedah kerja mengikut kesesuaian pandangan semua pihak	5.9250	.99089
Skor Min Keseluruhan		5.8790	1.00794

Jadual 11 menunjukkan bahawa para belia meletakkan tiga elemen utama dalam karakter pemimpin politik dari aspek kompetensi tugas, iaitu “Pemimpin politik yang sabar dan tekun (ítem B42); Pemimpin yang berintegriti dari kacamata komuniti (ítem B43) dan Pemimpin yang bersedia mengadaptasi kaedah kerja mengikut kesesuaian pandangan semua pihak (ítem B44).

Efikasi Kendiri Pemimpin

Jadual 12 menunjukkan bahawa para pemimpin politik berupaya mengambil berat tentang perasaan orang lain (ítem B58), pandai mengambil hati komuniti pelbagai etnik (ítem B59) dan berani meneroka sesuatu yang belum pernah dilakukan (Item B57).

Jadual 12: Tahap Aspirasi Belia terhadap Pemimpin Politik yang Kompeten mengikut Aspek Kompetensi Tugas (Sosiabiliti)

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
B57	Pemimpin yang berani meneroka sesuatu yang belum pernah dilakukan	5.7608	1.09299
B58	Pemimpin yang mengambil berat tentang perasaan orang lain	5.8650	1.24956
B59	Pemimpin yang pandai mengambil hati komuniti pelbagai etnik	5.7492	1.26527
B60	Pemimpin yang berhujah tidak mengikut emosi	5.7675	1.31779
B61	Pemimpin politik yang kerap meluangkan masa untuk orang lain	5.6308	1.29780
Skor Min Keseluruhan		5.7547	1.03178

Berdasarkan analisis terperinci terhadap aspek integriti, pemimpin berpandangan jauh, inspirasi, kompetensi kepimpinan dan efikasi kendiri, perbincangan di atas dimana terdapat dua aspek utama dalam kredibiliti pemimpin berada di tahap yang tinggi diikuti oleh integriti. Manakala, aspek efikasi kendiri dan inspirasi adalah kurang utama dalam menentukan kredibiliti pemimpin politik daripada perspektif belia pelbagai kaum. Hal ini menunjukkan bahawa belia masa kini meletakkan pemimpin yang pilihan mereka yang memiliki visi yang jelas serta mampu merealisasikannya.

Aspirasi Kepimpinan Politik Malaysia dari Aspek Idealisme Perjuangan

Dalam mengenalpasti aspirasi kepimpinan politik Malaysia daripada aspek idealisme perjuangan politik, terdapat empat kategori idealisme perjuangan yang dianalisis adalah perjuangan politik yang berasaskan idea nasional, perjuangan yang berasaskan perspektif agama, perjuangan yang beraasaskan perkembangan kontemporari dan perjuangan yang berasaskan etnik.

Jadual 13: Tahap Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan Berteraskan Idea Nasional

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
C62	Pemimpin yang memperjuangkan idea kenegaraan kepelbagaian kaum	5.9492	3.10746
C63	Pemimpin yang sentiasa bertoleransi dalam masyarakat berbilang kaum	5.9292	.96259
C64	Pemimpin politik yang sentiasa mengutamakan kemakmuran dan kesejahteraan negara	5.9333	.98980
C65	Pemimpin yang mengutamakan kepada kestabilan negara	5.9275	1.02865
C66	Pemimpin politik yang memperjuangkan kepentingan pelbagai etnik	5.9325	.97232
C67	Pemimpin yang sentiasa mengambil berat tentang ekonomi rakyat	5.9325	1.06563
Skor Min Keseluruhan		5.9340	0.96170

Jadual 13 menunjukkan bahawa secara keseluruhan nilai min berada berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa belia meletakkan prioriti kepada perjuangan nacional. Secara terperinci, hasil analisis menunjukkan bahawa para belia lebih mengutamakan pemimpin yang memperjuangkan idea kenegaraan kepelbagaian kaum (ítem C62); memperjuangkan kepentingan pelbagai etnik (ítem C66); dan sentiasa mengambil berat tentang ekonomi rakyat (ítem C67).

Jadual 14: Tahap Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan Berteraskan Perpektif Agama

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
C68	Pemimpin yang memberi penekanan utama kepada agama dalam pelbagai isu agama	5.7592	1.23319
C69	Pemimpin yang memberi penekanan jelas kepada toleransi agama	5.6192	1.19526
C70	Pemimpin yang menunjukkan keterampilan diri mengikut perspektif agama	5.5275	1.26580
C71	Pemimpin politik yang banyak bercakap tentang pelbagai isu daripada perspektif agama	5.2042	1.57254
C72	Pemimpin yang terlibat aktif dalam gerakan keagamaan sama ada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa	5.5108	1.35699
Skor Min Keseluruhan		5.5242	1.11088

Berbanding dengan perjuangan berasaskan idea nasional, skor min keseluruhan untuk perjuangan berasaskan agama adalah lebih rendah. Analisis terperinci menunjukkan bahawa turut memberi penekanan kepada “Pemimpin yang memberi penekanan utama kepada agama dalam pelbagai isu agama (ítem C68)” dan “Pemimpin yang memberi penekanan jelas kepada toleransi agama (ítem C69)”; berbanding dengan “Pemimpin yang terlibat aktif dalam gerakan keagamaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa (ítem C72)”.

Jadual 15: Tahap Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan Berasaskan Perjuangan Kontemporari

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
C73	Pemimpin yang banyak memperjuangkan isu dan permasalahan semasa	5.7008	1.15720
C74	Pemimpin yang peka kepada perubahan global dan lokal	5.6792	1.10857
C75	Pemimpin yang menunjukkan sikap terbuka terhadap idea-idea daripada golongan muda	5.8250	1.10245
C76	Pemimpin politik yang berhujah secara rasional dan konkrit terhadap pelbagai isu semasa	5.7942	1.12377
C77	Pemimpin yang sentiasa memberi idea yang membina bagi mencapai pembangunan	5.7642	1.29870
Skor Min Keseluruhan		5.7527	0.94638

Jadual 15 menunjukkan bahawa para belia mengharapkan agar pemimpin menunjukkan sikap terbuka terhadap idea-idea daripada golongan muda (ítem C75) serta berupaya berhujah secara rasional dan konkrit terhadap pelbagai isu semasa (ítem C76). Ia adalah prioriti dalam agenda perjuangan politik yang berteraskan isu kontemporari.

Dalam aspek perjuangan yang berteraskan etnik (Jadual 16), para belia meletakkan keutamaan yang lebih tinggi kepada “Pemimpin yang membawa banyak isu berkaitan dengan etnik masing-masing untuk diselesaikan diperingkat nasional” (ítem C79) serta “Pemimpin yang memberi perhatian untuk membantu kestabilan ekonomi etnik masing-masing” (ítem C80).

Jadual 16: Tahap Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan Berteraskan Etnik

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
C78	Pemimpin yang memperjuangkan kebajikan etnik masing-masing untuk diangkat di peringkat nasional	5.4808	1.39329
C79	Pemimpin yang membawa banyak isu berkaitan dengan etnik masing-masing untuk diselesaikan diperingkat nasional	5.6967	1.15575
C80	Pemimpin yang memberi perhatian untuk membantu kestabilan ekonomi etnik masing-masing	5.6375	1.29260
C81	Pemimpin politik yang memperjuangkan pendidikan etnik masing-masing untuk pembangunan nasional	5.5817	1.39581
Skor Min Keseluruhan		5.5992	1.14633

Daripada analisis terperinci berkaitan dengan idealisme perjuangan boleh digambarkan yang mana idea perjuangan nasional, diikuti oleh perjuangan kontemporari. Manakala perjuangan persektif agama dan perjuangan etnik kurang menjadi aspirasi oleh belia pelbagai etnik. Ini menunjukkan bahawa belia masa kini lebih terbuka dalam memilih pemimpin, tidak hanya menekankan kepada etnik dan agama.

Aspirasi Kepimpinan Politik Malaysia dari Aspek Gaya Kepimpinan Politik
 Terdapat empat gaya kepimpinan politik yang dikaji adalah gaya kepimpinan menyokong, gaya kepimpinan mengarah, gaya kepimpinan penyertaan, dan gaya kepimpinan yang berorientasikan pencapaian.

**Jadual 17: Tahap Aspirasi Belia terhadap
Gaya Kepimpinan Menyokong (*Supportive*)**

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
D82	Pemimpin yang mesra dan ramah dengan pelbagai golongan lapisan masyarakat	5.9750	1.76786
D83	Pemimpin yang mengambil berat tentang keperluan majoriti	5.7225	1.18603
D84	Pemimpin yang prihatin dengan masalah majoriti rakyat	5.7067	1.13580
D85	Pemimpin yang bersedia memberi pertolongan bagi penyelesaian masalah	5.9017	.96321
D86	Pemimpin politik yang meluangkan masa untuk mengetahui perkembangan rakyat jelata	5.9108	1.01427
Skor Min Keseluruhan		5.8433	.94974

Jadual 17 menjelaskan aspirasi belia terhadap gaya kepimpinan menyokong. Hasil analisis menunjukkan bahawa ítem D82 “Pemimpin yang mesra dan ramah dengan pelbagai golongan lapisan masyarakat”, D85 iaitu “Pemimpin yang bersedia memberi pertolongan bagi penyelesaian masalah” dan ítem D86 iaitu “Pemimpin politik yang meluangkan masa untuk mengetahui perkembangan rakyat jelata” lebih diutamakan oleh para belia.

**Jadual 18: Tahap Aspirasi Belia terhadap
Gaya Kepimpinan Mengarah (*Directive*)**

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
D87	Pemimpin yang menyatakan secara jelas apa yang dikehendaki daripada rakyat	5.8517	1.02333
D88	Pemimpin yang menyatakan hala tuju perjuangan secara spesifik	5.7833	1.04193
D89	Pemimpin yang memberi arahan secara jelas bagi pencapaian sesuatu matlamat	5.8217	1.05868
D90	Pemimpin yang banyak memberi maklumat tentang perlaksanaan idea perjuangan	5.7350	.94279
D91	Pemimpin politik yang sering memberi penekanan tentang tugas dan tanggungjawab ahli parti	5.7225	1.06212
Skor Min Keseluruhan		5.7828	.87695

Jadual 18 adalah berkaitan dengan aspirasi belia terhadap gaya kepimpinan mengarah. Hasil analisis menunjukkan bahawa “Pemimpin yang menyatakan secara jelas apa yang dikehendaki daripada rakyat” (ítem D87) dan ítem D89 - “Pemimpin yang memberi arahan secara jelas bagi pencapaian sesuatu matlamat” lebih diutamakan oleh belia berbanding dengan “Pemimpin politik yang sering memberi penekanan tentang tugas dan tanggungjawab ahli parti” (ítem D91).

Jadual 19: Tahap Aspirasi Belia terhadap Gaya Kepimpinan Turut Serta/Penyertaan (*Participative*)

n=1200	Item	Min	Sisihan Piaui
D92	Pemimpin yang mengambil kira pandangan rakyat sebelum membuat sebarang keputusan	5.8642	1.09927
D93	Pemimpin yang mengambil kira pandangan rakyat sebelum membuat keputusan	5.8825	1.12164
D94	Pemimpin yang mengalau-alukan penyertaan rakyat dalam pembuatan keputusan	5.7967	1.04222
D95	Pemimpin yang banyak terlibat dalam aktiviti masyarakat	5.8742	1.09209
D96	Pemimpin politik yang sering menjemput pelbagai lapisan masyarakat dalam aktiviti yang dikendalikan	5.8325	1.07490
Skor Min Keseluruhan		5.8500	0.94105

Jadual 19 menunjukkan bahawa prioriti telah diberikan oleh belia kepada ítem D93, ítem D95 dan ítem D92 dalam mengenal pasti gaya kepimpinan berbentuk penyertaan. Ini bermakna gaya kepimpinan yang mengambil kira pandangan rakyat sebelum membuat keputusan, melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat, dan mengambil kira pandangan rakyat sebelum membuat sebarang keputusan adalah amat penting kepada belia.

Dalam aspek gaya kepimpinan berorientasikan pencapaian pula (Jadual 20), para belia meletakkan aspirasi yang amat tinggi kepada “Pemimpin politik yang berusaha gigih untuk pencapaian misi dan visi perjuangan (Item D101)” dan berwawasan (ítem D100).

**Jadual 20: Tahap Aspirasi Belia terhadap
Gaya Kepimpinan Berorientasikan Pencapaian**

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
D97	Pemimpin yang menetapkan matlamat secara jelas untuk dicapai oleh ahli parti dan rakyat	5.6983	1.07158
D98	Pemimpin yang menetapkan sasaran dalam pembangunan negara dan komuniti	5.7842	1.02068
D99	Pemimpin yang berupaya mengenalpasti keutamaan keperluan negara dan rakyat	5.7675	1.06977
D100	Pemimpin yang berwawasan	5.8567	1.02648
D101	Pemimpin politik yang berusaha gigih untuk pencapaian misi dan visi perjuangan	5.9158	1.09075
Skor Min Keseluruhan		5.8045	.90064

Secara keseluruhan ini menunjukkan bahawa majoriti belia memiliki kecenderungan kepada pemimpin yang turut serta (gaya kepimpinan penyertaan) dan menyokong berbanding gaya kepimpinan mengarah dan yang berorientasikan pencapaian.

Kecenderungan Belia dalam Pemilihan Pemimpin Politik

Bahagian ini memberi tumpuan kepada sejauhmanakah faktor-faktor berikut menjadi aspirasi belia: faktor populariti pemimpin politik, kedudukan pemimpin politik, dan faktor sepunya.

**Jadual 22: Kecenderungan Belia dalam Pemilihan Pemimpin Politik
mengikut Aspek Populariti Pemimpin Politik**

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
E102	Saya cenderung untuk memilih pemimpin yang dikenali ramai (Popular)	4.2625	2.86422
E103	Saya suka kepada pemimpin politik yang kerap muncul di media	4.1967	1.81220
E104	Saya suka pemimpin yang mudah diakses dalam media sosial	4.3892	1.73692
E105	Saya gemar kepada pemimpin yang berkongsi idea dalam media sosial (Facebook, Twitter)	4.8267	5.3925
E106	Saya suka kepada pemimpin politik yang banyak dirujuk apabila ada masalah negara dan masyarakat	5.3925	1.31715
Skor Min Keseluruhan		4.6135	1.53858

Jadual 22 memaparkan tahap kecenderungan belia terhadap pemilihan pemimpin politik dari aspek populariti. Keputusan analisis deskriptif menunjukkan bahawa pemimpin politik yang banyak dirujuk apabila ada masalah negara dan masyarakat (ítem E106) adalah yang paling ditekankan oleh para belia. Sebaliknya pula, pemimpin yang dikenali ramai (popular) (item E102) dan yang kerap muncul di media (ítem E103) tidak menjadi keutamaan kepada para belia.

Jadual 23 menunjukkan tahap kecenderungan pemilihan pemimpin politik dari segi faktor sikap kepedulian. Hasil analisis menunjukkan bahawa pemimpin yang sering meluangkan masa bersama rakyat dalam tragedi dan bencana (ítem E110) dan perihatin kepada masalah rakyat (ítem E108) menjadi perhatian utama kepada para belia. Manakala, pemimpin politik yang mengambil tahu tentang keperluan belia (sukan, rekreasi, hiburan dan lain-lain) diletakkan oleh belia sebagai kurang utama (ítem E111).

Jadual 23: Kecenderungan Belia dalam Pemilihan Pemimpin Politik mengikut Aspek Sikap Kepedulian Pemimpin Politik

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
E107	Saya lebih suka kepada pemimpin yang mudah didekati	5.7242	1.32207
E108	Saya suka kepada pemimpin yang perihatin kepada masalah rakyat	5.8000	1.32909
E109	Saya suka pemimpin politik yang memperjuangkan isu negara di peringkat dunia	5.6517	1.33797
E110	Saya suka pemimpin yang sering meluangkan masa bersama rakyat dalam tragedi dan bencana	5.8467	1.28629
E111	Saya suka pemimpin politik yang mengambil tahu tentang keperluan belia (sukan, rekreasi, hiburan dan lain-lain)	5.5750	1.43100
Skor Min Keseluruhan		5.7195	1.16437

Dari segi faktor sepunya pula (iaitu persamaan latar belakang antara pemimpin dengan belia) menunjukkan bahawa para belia lebih mengutamakan kepada pemimpin politik daripada bangsa saya sendiri (ítem E112). Faktor-faktor kesamaan daripada segi jantina (item E113), negeri kelahiran (ítem E114) dan kesamaan latar belakang akademik (E117) diletakkan sebagai faktor yang kurang utama.

Jadual 24: Kecenderungan Belia dalam Pemilihan Pemimpin Politik mengikut Aspek Faktor Sepunya Calon

n=1200	Item	Min	Sisihan Piawai
E112	Saya mengutamakan pemimpin politik bangsa saya sendiri	4.4300	2.03229
E113	Saya mengutamakan pemimpin yang sama jantina dengan saya	3.5633	2.04111
E114	Saya mengutakatakan pemimpin dari negeri kelahiran saya	3.9164	2.10352
E115	Saya mengutamakan pemimpin daripada agama yang sama dengan saya	4.3117	1.84636
E116	Saya mengutamakan pemimpin politik yang status sosio ekonomi yang hampir sama dengan saya	4.1292	1.78936
E117	Saya suka kepada pemimpin muda berbanding dengan golongan senior dalam politik Malaysia	4.0783	1.70674
E118	Saya mengutamakan pemimpin yang mempunyai latar belakang akademik yang tidak jauh berbeza dengan saya	3.9283	1.69821
Skor Min Keseluruhan		4.0492	1.45806

Secara keseluruhan, belia lebih cenderung kepada pemimpin politik yang menunjukkan sikap kepedulian yang tinggi terhadap rakyat. Populariti pemimpin dan faktor sepunya tidak menjadi menjadi pilihan kepada belia pelbagai etnik di Malaysia. Situasi ini menggambarkan bahawa ciri-ciri kepedulian terhadap masyarakat terus menjadi perhatian dalam menentukan kepimpinan politik Malaysia.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Aspirasi Belia Terhadap Karakter dan Gaya Kepimpinan Politik

Karakter pemimpin politik telah dikenalpasti sebagai aspek penting dalam kajian berkaitan kepimpinan politik. Dalam kajian ini, karakter pemimpin politik yang menjadi harapan para belia telah dilakukan. Secara amnya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti belia mengutamakan pemimpin politik yang berpandangan jauh dan kompeten. Sebaliknya pula, pemimpin yang memberi inspirasi dan efikasi kendiri pemimpin adalah kurang diutamakan oleh belia.

Hasil kajian secara terperinci mendapati bahawa para belia meletakkan keutamaan yang tinggi kepada pemimpin berintegriti. Namun, nilai integriti pemimpin politik sukar dilihat melainkan dengan perbuatan individu (Zainal Yang, 2003). Justeru, perilaku luaran menjadi kayu ukur utama kepada para belia. Ia termasuklah karakter pemimpin politik yang tidak sompong. Selaras dengan

itu juga, para belia meletakkan keutamaan kepada pemimpin yang menunjukkan keperihatinan yang tinggi kepada rakyat. Tingkah laku prihatin terhadap masalah rakyat menarik perhatian belia dalam menilai karakter pemimpin politik. Hal ini bermakna bahawa perlakuan pemimpin secara luaran menjadi kayu ukur kepada karakter seorang pemimpin. Aspek yang serupa pernah diutarakan oleh Jamaie (2003) dalam kajian terhadap pola kepimpinan politik di Malaysia.

Data daripada kajian ini juga turut menemui bahawa perilaku pemimpin yang konsisten serta mudah memaafkan dalam tindakan (ahli politik yang menunjukkan keselarian antara pemikiran, perasaan perbualan dan tindakan) bukan satu keutamaan kepada belia. Walaupun aspek nilai budaya lokal yang merangkumi sikap bermaafan adalah penting dalam kepimpinan dan pengurusan pembangunan komuniti (Andi Nurfitri, Suhana Saad dan Azmi Aziz, 2015), ia tidak dilihat sebagai suatu perkara yang paling utama kepada para belia. Hasil kajian ini mengetengahkan satu jurang nilai yang perlu diberi perhatian kerana hasil daripada kajian oleh Andi Nurfitri, Suhana Saad dan Azmi Aziz (2015) mendapati bahawa nilai-nilai budaya local adalah atasas kepimpinan cemerlang.

Kredibiliti pemimpin turut dilihat daripada karakter pemimpin yang berpandangan jauh iaitu merangkumi elemen karakter sebagai pemangkin strategik dan penggerak minda. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pemimpin politik yang berani bersemuka dalam menegakkan kebenaran dan pemimpin yang dapat menyelesaikan masalah secara kreatif menjadi keutamaan kepada belia. Sebaliknya pula, elemen yang berkaitan dengan keupayaan pemimpin dalam meletakkan standard pencapaian kepada pengikutnya dan penekanan kepada output dalam projek pembangunan dikategorikan oleh belia sebagai elemen yang kurang utama. Biarpun aspek tersebut adalah kemestian sebagai pemimpin politik yang hebat (Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, dan Muhammad Firdaus Muhammad Sabri 2014), namun pada pandangan belia daripada kajian ini menunjukkan ia kurang diutamakan.

Hasil kajian ini turut mendapati bahawa para belia meletakkan keutamaan kepada pemimpin politik yang membawa suara rakyat kepada peringkat yang lebih tinggi, pemimpin politik sering tampil memperjuangkan isu rakyat, pemimpin yang berusaha menyelesaikan masalah rakyat dengan tekun dan sabar menghadapi karenah rakyat (dan pemimpin yang berhujah secara rasional di parliment). Sebaliknya pula, penampilan pemimpin politik yang mempunyai idea yang kreatif dan futuristik serta kerap mendedahkan kepada pengikut tentang prinsip dan idea baru dalam politik dan kepimpinan diletakkan keutamaan yang terendah oleh para belia. Ia dilihat selari dengan kajian lampau terhadap sokongan belia kepada kepimpinan politik yang mendapati bahawa majoriti pengundi sensitif kepada isu-isu yang berlingkar dalam negara termasuklah masalah ekonomi, sosial dan politik (Junaidi Awang Besar et. al 2014).

Berdasarkan analisis daripada kajian ini, sikap dan perilaku pemimpin

yang kerap memberi motivasi, menyemai semangat dinamik dan berani berdepan dengan perubahan adalah menjadi keutamaan kepada para belia berbanding dengan pemimpin politik yang menonjolkan pengaruh mereka dalam pembuatan keputusan. Perkara ini adalah satu kemestian bagi pemimpin politik di rantau ini yang terkenal dengan nilai, etika dan budaya Timur (Mohd Faidz Mohd Zain, Jamaie Hamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob, dan Mohamad Rodzi Abd Razak, 2011). Malah penampilan pemimpin politik yang disimbolkan sebagai idola dan dihormati ramai kurang menjadi keutamaan kepada para belia.

Daripada aspek kompetensi pemimpin politik, hasil kajian menunjukkan bahawa belia lebih suka kepada pemimpin politik yang jelas dengan misi dan visi perjuangannya. Ia adalah selari dengan dapatan kajian antarabangsa berkaitan pemimpin efektif yang mengutarakan beberapa kriteria penting sebagai pemimpin yang berwawasan. Para belia didapati kurang pedulikan tentang pemimpin yang mempunyai ikatan yang kukuh dengan ahli parti dan ketua komuniti. Bahkan, para belia lebih cenderung untuk meletakkan keutamaan yang tinggi kepada pemimpin politik yang senang bergaul dengan semua masyarakat dan rakyat, tidak prejudis dalam berkomunikasi, dan sering memberi perangsang untuk bekerja sebagai satu pasukan.

Adalah menjadi harapan kepada belia untuk mendapat seorang pemimpin politik yang bijaksana dalam menjawab pelbagai isu dan proaktif dalam tindakan untuk kemajuan negara. Dua elemen ini diletakkan sebagai keutamaan oleh para belia. Para belia juga turut berhadap agar pemimpin politik sabar dan tekun dalam memimpin kemajuan negara, memiliki imej bersih (berintegriti) dari kacamata komuniti dan bersedia mengadaptasi kaedah kerja mengikut kesesuaian pandangan semua pihak. Persoalan integriti yang dibangkitkan belia adalah kemestian dalam kepimpinan politik sesebuah negara. Cabaran untuk meningkatkan integriti adalah isu di kebanyakan negara (Mohammed Yimer 2015). Sebaliknya pula, para belia meletakkan pemimpin politik yang banyak mengetuai pelbagai program dalam dan luar negara sebagai ciri yang paling kurang utama. Justeru, pemimpin belia diharapkan oleh para belia daripada kajian ini untuk memiliki kemahiran dalam usaha mengambil berat tentang perasaan orang lain, pandai mengambil hati komuniti pelbagai etnik dan berani meneroka sesuatu yang belum pernah dilakukan.

Selain daripada karakter pemimpin politik, kajian ini turut meninjau aspirasi belia terhadap gaya kepimpinan yang menjadi harapan para belia. Terdapat empat gaya kepimpinan polotik yang dikaji dalam kajian ini adalah gaya kepimpinan menyokong, gaya kepimpinan mengarah, gaya kepimpinan penyertaan, dan gaya kepimpinan yang berorientasikan pencapaian. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti belia memiliki kecenderungan kepada pemimpin yang turut serta (gaya kepimpinan penyertaan) dan menyokong berbanding gaya kepimpinan mengarah dan yang berorientasikan pencapaian. Hasil kajian secara terperinci menunjukkan bahawa pemimpin yang mesra dan ramah dengan pelbagai golongan lapisan masyarakat, bersedia memberi pertolongan bagi penyelesaian

masalah serta kerap meluangkan masa untuk mengetahui perkembangan rakyat jelata amat menjadi prioriti kepada para belia. Dapatan daripada kajian ini membuktikan bahawa belia mempunyai aspirasi gaya kepimpinan yang tersendiri. Walaupun kesemua gaya kepimpinan politik memiliki kelebihan dan kelemahan, namun perlu disedari bahawa kesemuanya mempunyai kesan yang kuat terhadap para pengikut (Vigoda-Gadot 2006).

Analisis terhadap gaya gaya kepimpinan mengarah pula menunjukkan bahawa belia cenderung memberi prioriti kepada pemimpin yang menyatakan secara jelas apa yang dikehendaki daripada rakyat serta memberi arahan secara jelas bagi pencapaian sesuatu matlamat adalah lebih diutamakan oleh belia berbanding dengan pemimpin politik yang sering memberi penekanan tentang tugas dan tanggungjawab ahli parti.

Analisis terhadap gaya kepimpinan berbentuk penyertaan pula menunjukkan bahawa elemen yang berkaitan dengan sikap pemimpin yang kerap mengambil kira pandangan rakyat sebelum membuat keputusan; dan melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat adalah amat penting kepada belia. Dalam aspek gaya kepimpinan berorientasikan pencapaian, majoriti belia meletakkan aspirasi yang amat tinggi kepada pemimpin politik yang berusaha gigih untuk pencapaian misi dan visi perjuangan dan berwawasan.

Harapan Belia Bagi Idealisme Perjuangan Politik

Empat kategori idealisme perjuangan yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah perjuangan politik yang berasaskan idea nasional, perjuangan yang berasaskan perspektif agama, perjuangan yang berasaskan perkembangan kontemporari dan perjuangan yang berasaskan etnik. Keempat-empat idealisme perjuangan ini adalah berkait-rapat dengan perkembangan perjuangan parti politik di Malaysia semenjak kemerdekaan negara pada tahun 1957. Dapatan kajian keseluruhan menunjukkan bahawa belia meletakkan prioriti kepada perjuangan nasional. Analisis terperinci terhadap elemen dalam perjuangan nasional menunjukkan bahawa para belia lebih mengutamakan pemimpin yang memperjuangkan idea kenegaraan kepelbagaiannya kaum; memperjuangkan kepentingan pelbagai etnik; dan perjuangan yang menumpukan perhatian kepada ekonomi rakyat. Dapatan kajian ini memberi nilai tambah kepada kajian lampau oleh Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Muhammad Hazim Abdul Ghani (2014) yang merumuskan bahawa perjuangan nasionalisme masih dominan dalam perjuangan politik kepartian di Malaysia.

Perjuangan terhadap isu-isu kontemporari diletakkan di tangga kedua utama. Hasil kajian terperinci menunjukkan bahawa sikap keterbukaan terhadap idea-idea daripada golongan muda, keupayaan berhujah secara rasional dan konkret terhadap pelbagai isu semasa adalah prioriti kepada belia dalam agenda perjuangan politik yang berteraskan isu kontemporari.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa perjuangan berasaskan agama diletakkan sebagai pilihan ketiga dalam aspirasi idealisme perjuangan politik. Elemen-elemen perjuangan keagamaan yang menjadi keutamaan para belia berdasarkan kajian ini adalah berkaitan dengan perjuangan yang berasaskan kepelbagaiannya isu agama serta penekanan terhadap toleransi agama. Manakala, perjuangan agama di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa diletakkan sebagai elemen yang kurang utama oleh para belia.

Analisis data daripada kajian ini menunjukkan bahawa idealisme perjuangan yang berteraskan etnik dikategorikan sebagai pilihan terakhir. Dua elemen yang diberi perhatian belia apabila berfikir tentang perjuangan berasaskan etnik adalah berkaitan dengan kesungguhan pemimpin politik dalam membawa isu berkaitan dengan etnik masing-masing untuk diselesaikan diperingkat nacional serta soal kestabilan ekonomi etnik masing-masing.

Perlu dijelaskan bahawa biarpun idea perjuangan nasional menjadi keutamaan kepada majoriti belia, idealisme perjuangan perjuangan berteraskan isu kontemporari, perjuangan yang berasaskan agama dan perjuangan berasaskan etnik turut menjadi perhatian kepada aspirasi belia.

Kecenderungan Belia Terhadap Kepimpinan Politik

Kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik adalah aspek penting untuk diteliti kerana ia membayangkan harapan belia terhadap pemimpin politik yang akan memimpin negara kelak. Untuk itu, tiga faktor utama yang diteliti adalah faktor populariti pemimpin politik, kepedulian pemimpin politik, dan faktor sepunya. Dapatkan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa para belia amat mengharapkan agar para pemimpin politik menunjukkan sikap kepedulian yang tinggi terhadap rakyat. Manakala populariti dan faktor sepunya kurang menjadi keutamaan kepada belia.

Hasil kajian terperinci menunjukkan bahawa faktor sikap kepedulian adalah amat penting kepada belia dalam memilih pemimpin politik. Kepedulian dalam konteks ini merangkumi sikap pemimpin yang sering meluangkan masa bersama rakyat terutama dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa tragedi dan bencana. Sikap prihatin dengan masalah rakyat adalah keutamaan sikap pemimpin politik dari kaca mata belia. Data daripada kajian ini turut memberi kejutan apabila para belia didapati meletakkan sikap pemimpin politik yang prihatin kepada kesengsaraan rakyat sebagai lebih utama berbanding dengan sikap pemimpin yang mengambil tahu tentang keperluan belia (sukan, rekreasi, hiburan dan lain-lain). Ia seolah-olah menggambarkan bahawa para belia mempunyai semangat pembangunan komuniti yang lebih makro sehingga meletakkan kepentingan diri di belakang.

Faktor sepunya dan populariti pemimpin diletakkan sebagai kurang utama. Faktor sepunya dalam kajian ini merujuk kepada kesamaan latar belakang pemimpin politik. Ia melibatkan gender, latar belakang akademik dan sosio-budaya. Analisis

terperinci terhadap elemen dalam faktor sepunya menunjukkan bahawa kesamaan etnik diberi perhatian lebih berbanding dengan jantina, negeri kelahiran dan kesetaraan latar belakang akademik. Manakala analisis terhadap faktor populariti pula menunjukkan bahawa perhatian yang lebih diberikan belia kepada pemimpin politik yang menjadi rujukan dalam penyelesaian masalah negara dan masyarakat. Namun, cara penampilan pemimpin politik memerlukan strategi baru kerana faktor populariti dari mata belia bukanlah merujuk kepada pemimpin yang kerap muncul di media. Justeru, satu bentuk penampilan yang menonjolkan kecekapan dan kebijaksanaan pemimpin politik memerlukan satu model baru.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa belia mempunyai kecenderungan yang tinggi kepada pemimpin politik yang berkredibiliti terutamanya yang berpandangan jauh dan yang berteraskan idea baru dalam bentuk yang lebih kreatif serta berorientasikan pembangunan negara, berintergriti, kompeten dan berinspirasi. Justeru, pemimpin politik perlu membuat persediaan yang lebih bersifat futuristik agar idea pembangunan negara lebih selari dengan aspirasi belia. Selain daripada itu juga, program yang diadakan oleh belia mesti memberi latihan berbentuk futuristik sebagai persediaan kepimpinan baru akan datang. Ini bagi membolehkan masyarakat menerima kepimpinan sedemikian. Idealisme perjuangan politik berasaskan idea nasional amat diutamakan dalam kalangan belia pelbagai etnik. Situasi ini menggambarkan sikap terbuka dalam kalangan belia untuk menerima perjuangan berlandaskan kenegaraan, kestabilan negara dan kesejahteraan masyarakat dalam konteks negara pelbagai etnik di Malaysia. Pada masa yang sama juga golongan belia juga masih lagi mengekalkan dan mengutamakan perjuangan politik yang berasaskan kepada etnik dan budaya kaum. Gaya kepimpinan yang menjadi aspirasi utama dalam kalangan belia adalah gaya kepimpinan yang berorientasikan pencapaian matlamat iaitu yang menetapkan hala tuju yang jelas dalam pembangunan negara, yang dapat mengenalpasti keutamaan, dan sentiasa berusaha gigih bagi mencapai misi dan visi negara. Selain itu, gaya penyertaan bersama dalam kepimpinan juga menjadi aspirasi belia pelbagai etnik iaitu pemimpian yang membuat keputusan dengan mengambil kira pandangan rakyat serta melibatkan kepelbagaian etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti. Belia lebih mengutamakan pemimpin yang menunjukkan kedulian yang tinggi kepada masalah rakyat, meluangkan masa bersama rakyat, memperjuangkan isu negara di peringkat dunia mudah didekati serta prihatin kepada keperluan dan kehendak belia. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai garis panduan dalam pemilihan calon yang boleh diterima oleh belia bagi merealisasikan moto *winnable candidate* yang dilaungkan oleh pelbagai parti politik dalam mencorakkan masa depan. Dua cadangan utama daripada kajian ini adalah: (1) kepimpinan politik Malaysia hari ini amat perlu mengambil kira aspirasi politik belia kerana belia merupakan golongan yang terbesar yang dapat menentukan landskap politik Malaysia; (2) kepimpinan negara perlu mempunyai wawasan dan pandangan yang jauh, berintegriti, berusaha gigih bersama rakyat bagi mencapai matlamat, misi dan visi negara serta

menunjukkan sikap kepedulian yang tinggi kepada rakyat.

RUJUKAN

- Andi Nurfitri, Suhana Saad dan Azmi Aziz. 2015. Membangun kepimpinan organisasi berasaskan budaya lokal: Suatu analisis perbandingan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 9, 54-66.
- Burns, J.M, 1978. Leadership. New York: Harper and Row.
- Jamaie Haji Hamil. 2003. Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO. *Akademika* 62 (Januari) 2003: 17-39.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Muhammad Hazim Abdul Ghani. 2014. Persepsi Politik Dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(2), 135-161.
- Kouzes, J.M & Posner, B.Z. 1999. The Credible Leader. California. https://classes.lt.unt.edu/Spring_8W2_2015/CECS_5510_080/wcd0001/sdp_resolving_conflict2/story_content/external_files/credible_leader.pdf (12 November 2015)
- Kouzes, J.M & Posner, B.Z. 2002. The Leadership Challenge. (Edisi ke tiga puluh). San Francisco: Josey-Bass.
- Mohammed Yimmer. 2015. Governance ad Leadership. *Academic Research Journal*. 3(3), 129-137.
- Mohd Faidz Mohd Zain, Jamaie Hamil, Mohd Rizal Mohd Yaakob, dan Mohamad Rodzi Abd Razak. 2011. Pengaruh Nasionalisme Melayu Mewarnai Budaya Politik Melayu Dalam UMNO. *Jurnal Melayu*. 7, 193-216.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek dan Noor Aziah Hj. Mohd Awal. 2011. Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 7 Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development (105-115).
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon dan Mohd Faidz Mohd Zain. 2014. ‘Realignment’ pengundi Cina dalam PRU ke-13, 2013. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 54 - 64 Abdurrahman Haqqi. 2006. Pemimpin Berilmu Perkasa Mampu Berkhidmat Maksimum. *Berita Minggu*. 12 November: 15.

- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon dan Viknesh a/l Ramachandran. 2012. Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 8 (1 - 11) 1 Themed Issue on The Environment and Society in the Malaysian-Indonesian Development Experience: Issues and Challenges.
- Mohd Fuad, M.J. et al. 2009. Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1, 99-116.
- Mohd Fuad, M.J., Junaidi, A.B., Novel, L. & Viknesh, R. 2012. Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*. 8 (8), 1-11.
- Pedraja-Rejas, L., Rodríguez-Ponce, E., & Rodríguez-Ponce, J. 2006. Leadership styles and effectiveness: A study of small firms in Chile, *Interciencia*, 31(7), 500-504.
- Sarjit S. Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Mohd Razali Harun & Mohd Roslan Rosnon. 2012. Penglibatan dan Pemilihan Pemimpin Politik Dalam Kalangan Belia Minoriti Di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 6, 43-62.
- Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri. 2014. Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kejayaan Dan Kegagalan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Bumiputera di Malaysia.
- Tsai, Y., Wu, S-W., & Hsien-Jui Chung. 2009. The exploration of relationship between organizational culture and style of leadership, Service Systems and Service Management, ICSSSM 2009 6th International Conference, 585-590.
- Tummers, L. & Knies, E. 2014. The public leadership questionnaire: The development and validation of five dimensions of public leadership behaviors. IRSPM Conference Ottawa, Canada 9-11 April 2014 <http://www.lipse.org/userfiles/uploads/IRSPM%20Tummers%20Knies%20-%20The%20public%20leadership%20questionnaire%20FINAL.pdf>.
- Tummers, L. G., & Knies, E. 2013. Leadership and meaningful work in the public sector. *Public Administration Review*, 73(6), 859-868.
- Vigoda-Gadot, E. 2006. Leadership style, organizational politics, and employees' performance: An empirical examination of two competing models. *Personnel Review*. 36(5), 661-663.

Voon, M. C. et al. 2011. The influence of leadership styles on employees' job satisfaction in public sector organizations in Malaysia, International Journal of Business, Management and Social Sciences, 2(1), 24-32.

Zainal Yang. 2013. Nilai, Etika dan Budaya Kerja dalam Pentadbiran Sektor Awam di Malaysia Dari Perspektif Islam (Satu Imbasan Kembali Tinjauan Karya. Jurnal Pengurusan Awam. 2(1), 45-67.

Profil Penulis:

Abdul Razaq Ahmad

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

razaq@ukm.edu.my

Mohd Mahzan Awang

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

mahzan@ukm.edu.my

Jamil Ahmad

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

jamil3191@yahoo.co.uk

KEFAHAMAN DAN PENERIMAAN BELIA TERHADAP PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

NAZRI MUSLIM

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ia melibatkan seramai 400 responden yang dipilih sekitar Lembah Kelang. Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan program SPSS. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, statistik jadual silang (cross tabulation) dan correlation coefficient digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap perlembagaan. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap Perlembagaan Persekutuan diterima dengan baik iaitu melebihi 65% berada di tahap sederhana. Dapatkan kajian juga menunjukkan faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah sangat mempengaruhi tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap Perlembagaan Persekutuan.

Kata Kunci: Belia, Etnik, Perlembagaan Persekutuan, Kontrak Sosial, Unsur Tradisi

ABSTRACT

This study aimed to analyze the level of knowledge, understanding and acceptance of youth towards the Federal Constitution of Malaysia. 400 respondents were selected around the Klang Valley. Questionnaires were used for data collection and analyzed using SPSS. Descriptive statistics such as frequency, percentage, mean, statistical cross tabulation and the correlation coefficient were used to describe the background of the respondents, the level of knowledge, understanding and acceptance of youth of the constitution. The findings showed that the level of knowledge, understanding and acceptance of youth of the Federal Constitution was average, which is at 65%. The findings also indicated factors such as ethnicity, religion, the primary and secondary education greatly affect the level of knowledge, understanding and acceptance of youth of the Federal Constitution.

Keywords: Youth, Ethnic, Federal Constitution, Social Contract, Traditional Element

PENGENALAN

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, begitu beriltizam ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi antara etnik dan wilayah. Ini penting bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang etnik.

Statistik menunjukkan bahawa terdapat tiga etnik yang utama di Malaysia iaitu Bumiputera (Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak), Cina dan India yang masing-masing merangkumi 65.9%, 25.3% dan 7.5% daripada jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2005. Statistik ini memperlihatkan terdapatnya kepelbagaiannya masyarakat di Malaysia yang terbahagi kepada tiga etnik yang besar iaitu Bumiputera yang terdiri daripada etnik Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina dan India serta lain-lain etnik.

Isu-isu bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu menjadi faktor penting untuk mewujudkan hubungan etnik yang erat dalam kalangan rakyat Malaysia. Isu-isu ini menurut Ratnam (1969), akan menentukan suasana hubungan etnik pada masa hadapan dengan melihat bagaimana persoalan mengenai kedudukan istimewa orang Melayu, agama dan bahasa diselesaikan. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai institusi raja, kedudukan agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu terdapat pertalian yang rapat di antaranya iaitu satu unsur tidak boleh diketepikan tanpa mengetepikan unsur tradisi yang lain. Pengekalan satu unsur bermakna pengekalan unsur-unsur yang lain seperti aur dengan tebing (Abdul Aziz Bari 2001).

Latar Belakang Kajian

Bagi sesebuah negara yang berdaulat, perlembagaan merupakan sumber undang-undang tertinggi sesebuah negara dan setiap individu perlu mematuhi keluhurannya. Kewujudannya adalah sebagai panduan mengatur dan menyelaras pemerintahan sesebuah negara. Selain itu, perlembagaan juga berperanan sebagai satu panduan bagi pembentukan undang-undang.

Di Malaysia, tidak ada satu institusi yang boleh mengatasi ketinggian Perlembagaan Persekutuan. Malahan ketiga-tiga badan kerajaan yang merujuk kepada doktrin pengasingan kuasa iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif mahupun Yang di-Pertuan Agong adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan (Mohamed Suffian Hashim 1987). Sebagai contoh, kuasa perundangan hendaklah dijalankan tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan. Manakala kuasa kehakiman iaitu mahkamah hendaklah juga dijalankan tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh perlembagaan.

Ketika merangka perlembagaan Persekutuan, etnik Melayu dan bukan Melayu bersetuju atas beberapa perkara yang sangat penting kepada kestabilan negara yang merujuk kepada kontrak sosial. Melalui kontrak sosial ini, orang bukan Melayu telah diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berdasarkan prinsip jus soli. Manakala orang Melayu diperuntukkan dalam perlembagaan mengenai agama Islam sebagai agama persekutuan, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan Raja-raja Melayu yang merangkumi unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan. Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah diterima dan diisytiharkan sebagai Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

Dalam konteks hubungan etnik di Malaysia, perkara-perkara yang dianggap menguntungkan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan diimbangi dengan peruntukan lain yang juga memberi kelebihan kepada etnik bukan Melayu. Perkara yang menetapkan Islam sebagai agama bagi persekutuan diimbangi dengan peruntukan kebebasan bagi setiap rakyat untuk menganut dan mengamalkan apa-apa agama dalam suasana aman dan harmoni. Begitu juga perkara yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga diimbangi dengan peruntukan bahawa tidak ada seorang pun yang boleh dilarang daripada menggunakan (melainkan bagi maksud rasmi) atau mengajar atau mempelajari apa-apa bahasa lain. Hal yang sama juga berlaku ke atas perkara yang menetapkan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak diimbangi dengan peruntukan bahawa kerajaan tidak boleh melucut, menarik balik atau menyebabkan hak etnik lain terhakis.

Justeru, unsur-unsur tradisi ini amat penting dibicarakan kerana ia menjadi faktor untuk mewujudkan identiti Malaysia dan memupuk persefahaman ke arah perpaduan. Ia juga adalah satu kontrak sosial yang telah disepakati semasa menggubal perlembagaan dan diperlukan untuk kestabilan serta kemajuan dan memainkan peranan penting dalam perjalanan perlembagaan (Mohd Salleh Abas 1985). Unsur-unsur ini juga telah wujud ratusan tahun sebelum perlembagaan diwujudkan pada tahun 1957 dan berperanan menstabilkan sistem politik negara. Ini dinyatakan oleh Laporan Suruhanjaya Reid yang menekankan betapa pentingnya perlembagaan mengambil kira faktor-faktor sejarah, tradisi, ekonomi dan sosial yang wujud pada tahun 1957 (Abdul Aziz Bari 2001).

Selain daripada peranannya sebagai penstabil politik, perkara-perkara yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam dan Bahasa Melayu serta kedudukan Raja-Raja Melayu juga dilindungi di bawah Akta Hasutan dan dianggap sebagai isu-isu sensitif yang dilarang daripada dijadikan isu perbincangan awam. Ini seperti yang dinyatakan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sewaktu membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan 1971 iaitu:

...marilah kita sekalian sematkan di dalam hati ingatankita terhadap pengajaran-pengajaran yang telah diperoleh daripada peristiwa 13 Mei, dan janganlah kita bincangkan dan bahaskan lagi tentang apa yang menyebabkan tercetusnya peristiwa itu dan bagaimana ia bermula kerana ini mungkin akan melupakan kita kepada anasir yang tidak bertanggungjawab yang kerjanya menanamkan benih-benih syak wasangka dan perasaan bimbang di kalangan kaum-kaum serta menggunakan perkara-perkara sensitif anasir tersebut telah mendapat kesempatan besar untuk membangkitkan perasaan perkauman apabila kempen pilihan raya berjalan dalam bulan April dan Mei 1969. Mereka sengaja menimbulkan perasaan takut dan marah dengan cara mempersoalkan dan mempersendakan syarat-syarat dalam perlembagaan mengenai Bahasa Malaysia dan kedudukan istimewa orang Melayu sehingga menimbulkan

lagi perasaan tidak terjamin yang dirasai oleh orang Melayu apabila mereka melihat bagaimana luasnya perbezaan-perbezaan di antara mereka dengan orang bukan Melayu terutama sekali di dalam lapangan ekonomi dan pelajaran (Malaysia 1972).

Pernyataan Masalah

Isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia telah banyak berubah dalam tempoh lima dekad lalu. Kontroversi kaum di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa fasa. Pada tahun 1950-an, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan kaum, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala kuota dan urbanisasi mencorakkan hubungan etnik pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1990-an dan milenium, isu-isu agama begitu kuat mempengaruhi hubungan etnik di negara ini. Menurut beliau lagi, jika dibandingkan isu-isu dalam hubungan kaum di Malaysia sejak lima dasawarsa lalu, isu agama yang muncul sejak akhir-akhir ini begitu kritikal impaknya (Baharom Mahusin 2006). Pandangan ini disokong oleh Syed Husin Ali (2008) yang menyifatkan sentimen hubungan etnik pada masa kini berada pada tahap tinggi yang boleh menyebabkan konflik dan pertumpahan darah.

Sebagai contoh di Malaysia, terdapat 21 kes konflik perkauman antara 1945 hingga Mei 1969. Terkini konflik perkauman berlaku di Kampung Rawa, Pulau Pinang 1998 dan Kampung Medan pada Mac 2001 (Azman Amin Hassan 2005).

Jadual 1: Konflik Sosial dari Tahun 1996-2002 yang Dilaporkan

Jenis Konflik/Tahun	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	Total
Agama	7	2	25	11	8	9	3	65
Pergaduhan Kaum	12	4	10	5	8	28	14	81
Gangguan Awam	0	0	4	2	2	1	1	10
Pembunuhan	0	1	0	0	0	0	0	1
Keselamatan	6	0	1	7	6	17	1	38
Perkauman	2	2	1	1	1	0	0	7
Pendidikan	1	0	0	0	0	0	0	1
Penindasan	0	1	0	0	0	0	0	1
Masalah Sosial	1	0	4	0	0	2	0	7
Protes	0	0	10	8	0	0	1	19
Politik	1	0	8	31	8	13	15	76
Ekonomi	0	0	4	0	1	2	1	8
Kejiranan	3	3	0	0	0	3	0	9
Setinggan	0	0	0	0	0	0	3	3
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	1	1
Total	33	13	67	65	34	75	40	327

Sumber: Dipetik dari Azman Amin Hassan (2005), Solving conflicts in a multicultural society: The case of Kampung Medan. In Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM. hlm 111.

Berdasarkan statistik dan pemantauan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, terdapat 327 kes yang dilaporkan berkaitan dengan konflik sosial dari tahun 1996 hingga 2002. Dari Jadual 1, 81 kes berkaitan dengan pergaduhan perkauman iaitu yang tertinggi, diikuti 76 kes politik, 65 konflik agama dan sebagainya. Kebanyakan pergaduhan perkauman melibatkan pelajar sekolah yang dikategorikan sebagai masalah disiplin. Namun, jika ini tidak diambil tindakan pencegahan dan pemantauan, ia akan memberi kesan yang serius terhadap masa hadapan.

Agama adalah perkara sensitif untuk diperdebatkan sebagaimana sensitifnya perdebatan berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perbincangan mengenai agama Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan sering menjadi kontroversi khususnya pada dekad 90-an dan milenium, di mana isu-isu yang dianggap menggugat kedudukan Islam di Malaysia mula dibangkitkan melalui saluran perundangan. Ini dapat ditunjukkan melalui beberapa kes yang menjadi perbahasan masyarakat seperti Azlina Jailani, Kamariah Ali, Muhammad Abdullah@Moorthy, desakan meminda atau memansuhkan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, cadangan penubuhan Interfaith Commission of Malaysia (IFC), penubuhan kumpulan pendesak hak kebebasan beragama yang dikenali sebagai Article 11 dan lain-lain (Zainal Abidin Borhan 2008).

Dalam hal ini, Abdul Monir Yaacob (2005) mengatakan bahawa hal agama terutama Islam telah dibangkitkan secara terbuka oleh pengikut agama lain seperti Perkara 121(1A) yang menyentuh bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil negara. Implikasinya jika dibiarkan berlarutan boleh menjaskan keharmonian dan kestabilan negara. Malah, jika tidak ditangani secara bijaksana boleh menjaskan perpaduan kaum.

Jika merujuk kepada persoalan kontrak sosial, persetujuan yang tidak direkodkan itu diterima oleh golongan bumiputera dan pendatang di mana mereka sanggup menerima kedudukan istimewa orang Melayu dan elemen lain sebagai balasan atas kesanggupan peribumi menerima mereka sebagai warganegara yang mempunyai hak asasi seperti mengundi dan seumpamanya. Namun, timbul persoalan iaitu setakat mana persetujuan ini boleh diterima oleh generasi muda hari ini (Awang Sariyan 2008). Ini kerana pada peringkat awal, tradisi dan karisma pemimpin dianggap sebagai asas yang kuat untuk membina keabsahan sesuatu undang-undang tetapi masyarakat moden hari ini memerlukan undang-undang yang berdasarkan rasional selaras dengan perubahan yang telah berlaku dalam negara (Faridah Jalil 2007).

Begitu juga dengan persepsi sebahagian masyarakat bukan Melayu yang menganggap kontrak sosial ini sebagai sesuatu yang dikaitkan dengan

kewarganegaraan yang diberikan kepada mereka yang pada masa itu terdiri daripada imigran. Itu sebabnya generasi bukan Melayu sekarang menganggapnya sebagai sesuatu yang sudah berlalu. Mereka tidak nampak kenapa ia masih perlu dibangkitkan kerana bagi mereka kewarganegaraan adalah sesuatu yang diberikan secara automatik. Mereka berpendapat kompromi ini terikat kepada masa tertentu dan tidak lagi relevan (Zainal Kling 2008). Orang Melayu menganggap peruntukan sedemikian sebagai sesuatu yang suci, manakala bagi sesetengah orang bukan Melayu mempersoalkan sama ada peruntukan tersebut adalah berkaitan dan mengikat sehingga ke hari ini.

Ini ditambah lagi dengan sikap generasi muda yang tidak faham dengan unsur-unsur tradisi yang menjadi teras perpaduan di Malaysia. Jelasnya pada masa kini, sudah ada kecenderungan di kalangan generasi muda yang mula mempertikaikan kontrak sosial yang selama ini menjadi teras perpaduan dan persefahaman antara etnik. Golongan ini telah mula mempersoalkan semula kedudukan istimewa orang Melayu, peranan bahasa Melayu serta kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara (Hasanah Hussin 2007). Penjelasan ini menunjukkan timbul persepsi bahawa generasi muda bukan Melayu tidak bersetuju dengan kontrak sosial, manakala generasi muda Melayu bersetuju mengenainya, namun adakah persepsi ini terbukti benar. Kemungkinan maksud kontrak sosial yang difahami sekarang berbeza seperti yang asal iaitu persetujuan antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam beberapa perkara yang termaktub dalam perlombagaan yang melibatkan agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan kewarganegaraan. Manakala generasi muda menganggap kontrak sosial itu hanyalah peninggalan sejarah yang tidak mengikat mereka.

Polemik isu-isu ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman rakyat Malaysia masih lagi rendah dan kurang dihayati, tidak seperti mana berlaku semasa persetujuan mengenai kontrak sosial dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Awang Sariyan 2008). Kesedaran dan kefahaman yang rendah terhadap unsur-unsur tradisi ini selaras dengan pendapat Tun Dr. Mahathir Mohamed yang mahukan kefahaman tentang kontrak sosial antara kaum yang telah wujud di negara ini sejak sebelum mencapai kemerdekaan perlu ditingkatkan. Menurut beliau, tindakan tersebut adalah perlu bagi mengelakkan perselisihan antara kaum terutama apabila timbul isu-isu perkauman yang dibesar-besarkan (Utusan Malaysia 2001).

Ini selari dengan titah ucapan Yang di Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-12 di Dewan Rakyat yang menjelaskan sejarah kemerdekaan dan Perlembagaan Persekutuan perlu dijelaskan kepada golongan muda supaya mereka lebih memahami asas pembentukan negara (Berita Harian 2009). Adakah permasalahan ini memperlihatkan tahap pengetahuan dan kefahaman serta penghayatan generasi muda semakin berkurangan terhadap kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama semasa menggubal perlombagaan dahulu? Awang Sariyan (2008) juga berpendapat bahawa belum ada kajian yang

dibuat tentang adakah masyarakat kini, khususnya generasi muda memahami isu yang berkaitan dengan kontrak sosial atau lebih asas lagi fahamkah masyarakat akan kandungan kontrak sosial itu.

Ternyata daripada perbincangan di atas, memperlihatkan bahawa sentiasa ada percubaan dari semasa ke semasa untuk mencabar kontrak sosial termasuk peruntukan Islam dan hak keistimewaan Melayu.

OBJEKTIF

Objektif–objektif kajian ini ialah:

1. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan belia terhadap Perlembagaan Persekutuan khususnya yang melibatkan peruntukan yang sering kali menimbulkan konflik dalam masyarakat.
2. Untuk mengenal pasti tahap kefahaman belia terhadap Perlembagaan Persekutuan khususnya yang melibatkan peruntukan yang sering kali menimbulkan konflik dalam masyarakat.
3. Untuk mengenal pasti tahap penerimaan belia terhadap Perlembagaan Persekutuan khususnya yang melibatkan peruntukan yang sering kali menimbulkan konflik dalam masyarakat.

Skop Kajian

Skop kajian terhad kepada persepsi belia di Lembah Kelang mengenai tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan terhadap Perlembagaan Persekutuan.

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai perlumbagaan boleh dibahagikan kepada dua. Pertama mengikut pendekatan sejarah atau politik seperti yang dibuat oleh Ratnam (1969), Means, Karl von Vorys (1975) dan Heng Pek Khoon (1988). Ratnam dan Karl von Vorys contohnya, menilai pembangunan dan perkembangan politik Melayu dan Heng Pek Khoon pula mengesan perkembangan kesedaran politik di kalangan etnik Cina. Kajian Means pula menjurus kepada beberapa aspek penting dalam perlumbagaan berdasarkan Laporan Suruhanjaya Reid, memorandum dari organisasi dan individu dan laporan akhbar. Kedua mengikut pendekatan perundangan seperti Hickling (1960), Sheriden & Groves (1979), Mohamed Suffian Hashim, Trindade and Lee (1983) dan Abdul Aziz Bari (2005).

Buku terawal ditulis mengenai Perlembagaan Persekutuan ialah *Malaysian Constitutional Documents* yang merupakan kompilasi beberapa dokumen penting mengenai Perlembagaan Persekutuan 1957 dan diikuti dengan sebuah buku iaitu *An Introduction to the Federal Constitution* yang merupakan terbitan buku pengenalan kepada perlumbagaan yang pertama. Kedua-dua buku tersebut ditulis oleh Hickling

iaitu orang yang terawal menulis mengenai perlembagaan persekutuan. Namun penulisan beliau tidak menyentuh mengenai peruntukan agama Islam secara lengkap tetapi sebaliknya hanya menyentuh tentang Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah perundangan negeri dan mempunyai bidang kuasa terhadap orang Islam sahaja. Hickling juga menyentuh mengenai kedudukan istimewa orang Melayu iaitu walaupun perlembagaan menekankan prinsip kesamarataan, namun perkara ini dibenarkan bagi tujuan keselamatan. Beliau juga menjelaskan bahawa tanah rizab Melayu termasuk di dalam tafsiran kedudukan istimewa orang Melayu.

Seterusnya diikuti oleh Sheriden dan Groves iaitu *The Constitution of Malaysia* yang diterbitkan sehingga edisi kelima yang membincangkan aspek-aspek perlembagaan yang mana penekanan hanya diberikan kepada aspek-aspek teknikal peruntukan perlembagaan tanpa membincangkan tema-tema perlembagaan secara jelas. Penulisan yang sama juga telah dihasilkan oleh Groves yang bertajuk *The Constitution of Malaysia*.

Penulisan seterusnya dibuat oleh Mohamed Suffian Hashim melalui bukunya yang bertajuk *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. Buku ini juga tidak lari dari membincangkan aspek-aspek teknikal peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan di samping membincangkan secara sepintas lalu sejarah Perlembagaan Persekutuan. Tulisan Mohd Salleh Abas pula menerangkan mengenai perlembagaan secara keseluruhan mengikut perkara-perkara dalam perlembagaan itu sendiri dan menyentuh mengenai sejarah perkembangan perlembagaan sejak dari zaman penjajah sehingga kepada pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Hal yang sama juga dibuat oleh Mohd Aris Othman (1983), Hashim Yeop A. Sani (1973), Sheriden (1987), Salleh Buang (1993) dan Andrew Harding (1996). Penulisan tersebut lebih kepada menerangkan peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan yang bersifat pengenalan kepada Perlembagaan Malaysia.

Buku yang diselenggarakan oleh Ahmad Ibrahim (1999) cuba membuat pembaharuan dalam kajian perlembagaan dengan membincangkan aspek tertentu dalam perlembagaan, namun tidak memberi gambaran umum tentang perlembagaan secara keseluruhannya. Kajian Abdul Aziz Bari (2003) pula cuba melihat kepada situasi yang berlaku dalam negara khususnya perkembangan politik dan keputusan mahkamah dan dikaitkan dengan peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan serta idea dan landasan kenapa peruntukan-peruntukan berkenaan dimasukkan dalam perlembagaan.

Buku yang disunting oleh Harding dan Lee (2007) juga cuba merungkai isu-isu yang muncul dalam perlembagaan. Buku ini juga tidak membincangkan secara khusus peruntukan dalam perlembagaan tetapi melihat kepada isu-isu yang menjadi perbahasan umum seperti hubungan kerajaan negeri dan kerajaan pusat, institusi beraja dan kes-kes yang menarik perhatian umum seperti Anwar Ibrahim, darurat dan kehakiman. Buku ini boleh dikira untuk mengambil pendekatan memasyarakatkan perlembagaan yang sering kali dianggap dokumen teknikal semata-mata dan hanya

difahami oleh pengamal undang-undang. Buku ini dimulai dengan perbincangan mengenai usaha-usaha ke arah kemerdekaan dan ditutup dengan ulasan secara umum tentang Perlembagaan Persekutuan setelah 50 tahun.

Tinjauan sorotan karya secara khusus mengenai unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan telah disentuh oleh Mohd Salleh Abas dalam *Traditional Elements of the Malaysian Constitution* dalam Mohamed Suffian, H.P. Lee & Trindade (ed.) 1983. *The Constitution of Malaysia, Its Development 1957- 1977* dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dalam bukunya bertajuk Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia. Mohd Salleh Abas membicarakan peranan unsur-unsur unsur tradisi ini di dalam perlembagaan Malaysia yang meliputi pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan menjelaskan kenapa unsur tersebut dimasukkan dalam perlembagaan.

Abdul Aziz Bari (2001) pula membincangkan saling mengait antara keempat-empat unsur tersebut dan kepentingan unsur-unsur tersebut dipelihara dan diterima oleh rakyat Malaysia. Namun kajian yang dibuat oleh Mohd Salleh Abas dan Abdul Aziz Bari adalah bersifat kualitatif iaitu dengan hanya merujuk kepada sumber kedua tanpa dilakukan kajian empirikal bagi menyokong pendapat mereka. Mohd Salleh Abas hanya menjelaskan perkaitan sejarah dan peruntukan yang berkaitan dengan unsur-unsur tradisi serta menjustifikasi kenapa unsur-unsur tersebut terdapat dalam perlembagaan. Pendapat beliau hanya disandarkan kepada peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan dan dokumen-dokumen lain tanpa disokong dengan kajian empirikal.

Kajian oleh Awang Sariyan (2008) mendapati bahawa kontrak sosial yang dimaksudkan merupakan unsur penting dalam sejarah pembentukan bangsa dan negara ini. Sebelum kedatangan penjajah Inggeris, Tanah Melayu diidentifikasi dengan penduduk asalnya yang teras iaitu bangsa Melayu. Apabila penjajah membawa orang Cina dan India secara beramai-ramai untuk menjadi tenaga kerja bagi manipulasi ekonomi penjajah sendiri, maka situasi demografi negara ini secara langsung berubah. Atas desakan penjajah Inggeris, orang Melayu perlu menerima syarat kemerdekaan yang akan diberikan hanya jika kaum-kaum yang asalnya pendatang itu diterima sebagai warganegara. Sebagai imbalan kepada pemberian taraf kewarganegaraan itu, maka para pemimpin kaum-kaum lain itu setuju menerima peruntukan yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu. Perkara yang menjadi asas persetujuan itu ialah kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera. Itulah yang dinamai kontrak sosial dalam konteks pembentukan negara ini sesudah lepas daripada belenggu penjajahan.

Kajian yang dibuat oleh Rosfazila Abd. Rahman dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2007) pula menunjukkan tahap pengetahuan orang Melayu terhadap hak istimewa mereka dalam perlembagaan adalah baik (97%), dan tahap pemahaman

mereka terhadap hak istimewa masih rendah (62.5%). Walaupun kajian ini dibuat secara kuantitatif, namun tidak menyeluruh sifatnya kerana bilangan responden yang sedikit dan terdiri dari orang Melayu sahaja. Kajian ini juga cuba membuat pembaharuan dalam kajian-kajian mengenai perlembagaan apabila menggunakan soal selidik dan satu permulaan yang baik.

Kajian-kajian tersebut hanya merujuk kepada dokumen-dokumen dan penulisan mengenai kedudukan peruntukan agama Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa melihat dari persepsi belia. Berdasarkan kajian lepas, masih terdapat ruang yang belum dikaji iaitu dari persepsi masyarakat khususnya generasi muda terhadap Perlembagaan Persekutuan yang menjurus kepada unsur-unsur tradisi khususnya peruntukan Islam dan orang Melayu yang sering menjadi polemik dan isu dalam masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk. Namun, pada masa yang sama persepsi umum khususnya parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan dan orang perseorangan terhadap unsur-unsur ini sering kali dibangkitkan dalam media massa.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian, Populasi dan Pensampelan

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif mengenai persepsi kalangan belia. Soal selidik disediakan oleh pengkaji bagi tujuan untuk mencapai objektif kajian.

Pemilihan sampel adalah berdasarkan pensampelan rawak di sekitar Lembah Kelang. Bagi memastikan setiap etnik diwakili, maka pensampelan rawak strata digunakan dan seramai 400 orang dijadikan responden dalam kajian ini berdasarkan formula di atas berdasarkan nisbah 60: 30:10 mengikut etnik Melayu, Cina dan India berdasarkan komposisi jumlah penduduk di Malaysia

Pemilihan sampel pula dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Pemilihan secara ini sesuai jika populasi besar dan bertaburan di merata tempat. Ia juga dapat menjimatkan masa serta mengurangkan pelbagai masalah kerana pengkaji mengelompokkan sampel dalam satu kelompok sebelum pemilihan secara rawak dilakukan. Maka, untuk menentukan bilangan responden, Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan 1970) digunakan. Dari itu, seramai 400 belia akan dijadikan responden dalam kajian ini berdasarkan Jadual tersebut.

Instrumentasi dan Penggubalan Soal Selidik

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Semua soalan berbentuk positif dan responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka mengikut skala Likert. Soal selidik terdiri dari empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D, E dan F.

Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian meliputi item-item yang dibina berasaskan sorotan karya dan objektif kajian menyatakan persepsi mereka mengikut

skala Likert 1-5 iaitu 1- Sangat tidak setuju, 2 - Tidak Setuju, 3 - Tidak pasti, 4 – Setuju dan 5 - Sangat Setuju yang meliputi:

1. Bahagian A: Demografi
2. Bahagian B: Tahap pengetahuan.
3. Bahagian C: Tahap kefahaman.
4. Bahagian D: Tahap penerimaan.

Kesahan

Menurut Norusis (1994), kesahan sesuatu ujian dapat menggambarkan sejauh mana ujian tersebut dapat mengukur apa yang hendak diukur. Dalam kajian ini, kesahan soal selidik ditentukan oleh pakar. Seramai empat orang pakar akan menyemak yang terdiri dari dua pakar dalam bidang perlumbagaan, masing-masing seorang pakar dalam hubungan etnik dan pembinaan soal selidik. Akhir sekali soal selidik tersebut akan disemak guru bahasa Melayu bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu secara betul dan mudah difahami.

Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan

Tinjauan rintis dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan. Oleh itu, sebelum soal selidik diedarkan, 50 orang pelajar telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu. Hasil yang didapati menunjukkan 50 orang mahasiswa tersebut tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan tanpa bertanya apa yang dikehendaki oleh soalan tersebut.

Seterusnya, dengan menggunakan program SPSS, penyelidik telah mengira nilai kebolehpercayaan dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi. Didapati nilai Alpha Cronbach yang diperolehi bagi kesemua item soalan adalah melebihi 0.6 iaitu bagi item soalan Bahagian B ialah 0.7, Bahagian C ialah 0.8 dan Bahagian C ialah 0.9. Oleh itu, soal selidik yang dibina untuk menjalankan kajian ini adalah sesuai digunakan.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data akan diperoleh daripada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada soal selidik kepada responden yang menggunakan pensampelan rawak. Manakala data sekunder diperoleh daripada kajian keperpustakaan melalui buku, seminar, jurnal, akhbar dan majalah. Ia bertujuan untuk memahami teori dan konsep penting dalam kajian.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 20. Ujian yang digunakan termasuk min, sisihan piawai, *Chi square* dan *cross-tabulation*. Menurut Mohd Majid Konting (1990), penganalisisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS versi 20 dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan kerana itu bebas daripada ralat serta mampu memberikan maklumat lebih tepat.

Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, purata skor atau min, statistik jadual silang (*crosstabulation*) dan *correlation coefficient* digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menilai tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan serta persepsi belia terhadap agama Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Untuk membincangkan dapatan kajian secara deskriptif berkaitan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan, interpretasi skor min digunakan. Interpretasi skor min ditentukan dengan mengira selang kelas yang diukur mengikut skala seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Terhadap Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Penerimaan Terhadap Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan interpretasi skor min bagi menentukan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap perlumbagaan. Skor min 1.00 hingga 2.33 menunjukkan tahap rendah, skor min 2.34 hingga 3.67 menunjukkan tahap sederhana dan 3.68 hingga 5.00 menunjukkan tahap tinggi.

Latar Belakang Responden

Responden kajian terdiri dari masyarakat yang tinggal di sekitar Lembah Kelang. Seramai 400 orang telah menjawab soal selidik. Latar belakang responden ditanya dalam Bahagian A soal selidik. Perbincangan latar belakang responden ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil, latar belakang akademik dan tempat tinggal responden. Jadual 3 memaparkan maklumat mengenai responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada seramai 400 orang responden, seramai 194 orang (48.5%) adalah perempuan, manakala lelaki seramai 206 orang (51.5%). Sebilangan besar responden iaitu seramai 240 orang (60.0%) adalah dari etnik Melayu, diikuti oleh seramai 120 orang (30.0%) berbangsa Cina, manakala responden daripada bangsa India adalah seramai 40 orang (10.0%). Ini sepertimana yang telah ditetapkan dalam nisbah penentuan responden mengikut etnik iaitu Melayu 60%, Cina 30% dan India 10% bagi menggambarkan statistik penduduk Malaysia. Komposisi responden yang diperolehi ini juga menunjukkan bahawa sebilangan besar responden beragama Islam iaitu seramai 244 orang (61.0%), diikuti dengan responden beragama Buddha seramai 113 orang (28.2%). Manakala, terdapat seramai 34 orang (8.5%) responden menganuti agama Hindu, 8 orang (2.0%) beragama Kristian dan tiada agama seramai 1 orang (0.3%).

Jadual 3: Profil Responden

n = 400	Bilangan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	206	51.5
Perempuan	194	48.5
Bangsa		
Melayu	240	60.0
Cina	120	30.0
India	40	10.0
Agama		
Islam	244	61.0
Buddha	113	28.2
Hindu	34	8.5
Kristian	8	2.0
Tiada Agama	1	0.3
Pekerjaan		
Kerajaan	68	17.0
Swasta	206	51.5
Bekerja sendiri	30	7.5
Pelajar	2	0.5
Tidak bekerja	72	18.0
Pesara	22	5.5
Pendapatan		
Bawah RM1000	96	24.0
RM1001 – RM3000	114	28.5
RM3001 – RM5000	135	33.8
RM5001 – RM7000	33	8.3
RM7001 – RM9000	20	5.0
Lebih RM10000	2	0.5

Jadual 4 memaparkan maklumat mengenai latar belakang responden yang berkait dengan tahap pendidikan iaitu seramai 1 orang (0.3%) adalah dari Sekolah Rendah, seramai 109 orang (27.3%) Sekolah Menengah, seramai 151 orang (37.8%) STPM / Diploma dan seramai 139 orang (34.8%) Sarjana Muda / Sarjana / PhD.

Jadual 4: Latar Belakang Akademik Responden

n = 400	Bilangan	Peratusan
Pendidikan		
Sekolah Rendah	1	0.3
Sekolah Menengah	109	27.3
STPM / Diploma	151	37.8
Sarjana Muda / Sarjana / PhD	139	34.8

Dalam tinjauan yang dijalankan, responden juga ditanya mengenai kawasan tempat tinggal responden sekarang. Dapatkan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5. Didapati, majoriti iaitu seramai 292 orang (73.0%) responden tinggal di pinggir bandar berbanding seramai 108 orang (27.0%) responden tinggal di bandar.

Jadual 5: Tempat Tinggal Responden

n = 400	Bilangan	Peratusan
Tempat tinggal sekarang		
Bandar	108	27.0
Pinggir bandar	292	73.0

Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Penerimaan Terhadap Perlembagaan Persekutuan

Di bawah tajuk ini akan dibincangkan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap Perlembagaan Persekutuan. Terdapat dua persoalan kajian yang terangkum di bawah objektif yang pertama iaitu tahap pengetahuan, kefahaman, penerimaan setiap soalan dan secara keseluruhan dan tahap pengetahuan, kefahaman, penerimaan mengikut jantina, etnik, agama, pekerjaan, pekerjaan, tahap pendidikan, pendapatan dan tempat tinggal sekarang.

Tahap Pengetahuan Terhadap Perlembagaan Persekutuan Secara Umum

Jadual 6 memaparkan tahap pengetahuan masyarakat terhadap Perlembagaan Persekutuan. Didapati, sebahagian besar iaitu seramai 261 orang (65.3%) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dan 139 orang (34.8%) berada pada tahap tinggi mengenai pengetahuan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden di Lembah Kelang mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana mengenai perlembagaan disebabkan kepada terdedah kepada media yang lebih meluas khususnya media alternatif.

Jadual 6: Tahap Pengetahuan Masyarakat

	Tahap Pengetahuan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Perlembagaan Persekutuan Secara Umum	0 (0.0)	261 (65.3)	139 (34.8)

Tahap Kefahaman Terhadap Perlembagaan Secara Umum

Responden juga ditanya mengenai tahap kefahaman mereka mengenai Perlembagaan Persekutuan dan dapatan yang diperolehi dipaparkan dalam Jadual 7. Didapati, majoriti iaitu 281 orang (70.3%) mempunyai tahap kefahaman yang sederhana terhadap Perlembagaan diikuti tahap tinggi seramai 117 orang (29.3%) dan hanya 2 orang (0.5%) berada di tahap rendah. Pada tahap kefahaman, tahap sederhana lebih tinggi daripada tahap pengetahuan kerana mereka mengetahui mengenai perlembagaan tetapi kurang mengetahui sebab sesuatu peruntukan perlembagaan ini termaktub dalam perlembagaan.

Jadual 7: Tahap Kefahaman Masyarakat

	Tahap Kefahaman		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Perlembagaan Persekutuan Secara Umum	2 (0.5)	281 (70.3)	117 (29.3)

Tahap Penerimaan Terhadap Perlembagaan Persekutuan Secara Umum

Jadual 8 memberikan dapatan mengenai analisis tahap penerimaan masyarakat terhadap Perlembagaan Persekutuan. Jadual menunjukkan bahawa majoriti iaitu sebanyak 68.3% atau 273 responden mempunyai tahap penerimaan yang sederhana terhadap Perlembagaan, diikuti tahap tinggi sebanyak 31.3% atau 125 orang dan seramai 2 orang (0.5%) berada di tahap rendah. Ini menunjukkan sepertimana tahap pengetahuan, tahap penerimaan, kebanyakan masyarakat adalah ditahap sederhana, manakala di tahap tinggi adalah lebih rendah di tahap pengetahuan.

Jadual 8: Tahap Penerimaan Masyarakat

	Tahap Penerimaan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Perlembagaan Persekutuan Secara Umum	2 (0.5)	273 (68.3)	125 (31.3)

Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Penerimaan Terhadap Perlembagaan Persekutuan Mengikut Profil Demografi

Kajian yang dijalankan merangkumi komposisi tahap pengetahuan responden terhadap Perlembagaan Persekutuan secara umum dengan mengambil kira beberapa

faktor demografi seperti jantina, etnik, agama, pekerjaan, tahap pendidikan, pendapatan dan tempat tinggal sekarang.

Tahap Pengetahuan Terhadap Perlembagaan Persekutuan Mengikut profil Demografi

Jadual 9 menunjukkan tahap pengetahuan tentang perlembagaan secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi mengikut demografi responden di mana etnik Melayu dan beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding etnik Cina dan India yang beragama Buddha dan Hindu. Mengikut tahap pendidikan dan pendapatan, pola yang sama iaitu semakin tinggi tahap pendidikan dan pendapatan, semakin tinggi tahap pengetahuan masyarakat tentang perlembagaan yang menunjukkan mereka lebih terdedah dengan perbahasan mengenai perlembagaan dalam media massa. Mengikut pekerjaan pula, tahap pegawai kerajaan lebih baik berbanding kategori pekerjaan yang lain disebabkan mereka telah didedahkan mengenai perlembagaan melalui kursus induksi dan sebagainya.

Jadual 9: Tahap Pengetahuan Terhadap Perlembagaan Persekutuan mengikut Faktor Demografi

	Tahap Pengetahuan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Jantina			
Lelaki	0(0.0)	134(65.0)	72(35.0)
Perempuan	0(0.0)	127(65.5)	67(34.5)
Etnik			
Melayu	0(0.0)	134(55.8)	106(44.2)
Cina	0(0.0)	101(84.2)	19(15.8)
India	0(0.0)	26(65.0)	14(35.0)
Agama			
Islam	0(0.0)	136(55.7)	108(44.3)
Buddha	0(0.0)	97(85.8)	16(14.2)
Hindu	0(0.0)	23(67.6)	11(32.4)
Kristian	0(0.0)	5(62.5)	3(37.5)
Tiada Agama	0(0.0)	0(0.0)	1(100.0)
Pekerjaan			
Kerajaan	0(0.0)	30(44.1)	38(55.9)
Swasta	0(0.0)	141(68.4)	65(31.6)
Bekerja sendiri	0(0.0)	18(60.0)	12(40.0)
Pelajar	0(0.0)	2(100.0)	0(0.0)
Tidak bekerja	0(0.0)	56(77.8)	16(22.2)
Pesara	0(0.0)	14(63.6)	8(36.4)
Pendidikan			

Sekolah Rendah	0(0.0)	0(0.0)	1(100.0)
Sekolah Menengah	0(0.0)	83(76.1)	26(23.9)
STPM / Diploma	0(0.0)	98(64.9)	53(35.1)
Sarjana Muda / Sarjana / PhD	0(0.0)	80(57.6)	59(42.4)
Pendapatan			
Bawah RM1000	0(0.0)	73(76.0)	23(24.0)
RM1001 – RM3000	0(0.0)	78(68.4)	36(31.6)
RM3001 – RM5000	0(0.0)	84(62.2)	51(37.8)
RM5001 – RM7000	0(0.0)	21(63.6)	12(36.4)
RM7001 – RM9000	0(0.0)	5(25.0)	15(75.0)
Lebih RM10000	0(0.0)	0(0.0)	2(100.0)
Temp. Tinggal Sekarang			
Bandar	0(0.0)	79(73.1)	29(26.9)
Pinggir bandar	0(0.0)	182(62.3)	110(37.7)

Tahap Kefahaman Terhadap Perlembagaan Persekutuan Mengikut Profil Demografi

Jadual 10 di atas menunjukkan tahap kefahaman tentang perlembagaan pada tahap tinggi mengikut demografi responden di mana etnik Melayu dan beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding etnik Cina dan India yang beragama Buddha dan Hindu. Pada tahap pendidikan pula, mereka yang berkelulusan STPM/Diploma lebih tinggi dan hal yang sama bagi mereka yang bekerja sendiri. Pendapatan pula menunjukkan semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi tahap kefahaman mereka terhadap perlembagaan.

Jadual 10: Tahap Kefahaman Terhadap Perlembagaan Persekutuan mengikut Faktor Demografi

	Tahap Kefahaman		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Jantina			
Lelaki	0(0.0)	146(70.9)	60(29.1)
Perempuan	2(1.0)	135(69.6)	57(29.4)
Etnik			
Melayu	2(0.8)	154(64.2)	84(35.0)
Cina	0(0.0)	100(83.3)	20(16.7)
India	0(0.0)	27(67.5)	13(32.5)
Agama			
Islam	2(0.8)	157(64.3)	85(34.8)
Buddha	0(0.0)	99(87.6)	14(12.4)
Hindu	0(0.0)	23(67.6)	11(32.4)

Kristian	0(0.0)	2(25.0)	6(75.0)
Tiada Agama	0(0.0)	0(0.0)	1(100.0)
Pekerjaan			
Kerajaan	0(0.0)	44(64.7)	24(35.3)
Swasta	2(1.0)	142(68.9)	62(30.1)
Bekerja sendiri	0(0.0)	16(53.3)	14(46.7)
Pelajar	0(0.0)	2(100.0)	0(0.0)
Tidak bekerja	0(0.0)	57(79.2)	15(20.8)
Pesara	0(0.0)	20(90.9)	2(9.1)
Pendidikan			
Sekolah Rendah	0(0.0)	0(0.0)	1(100.0)
Sekolah Menengah	0(0.0)	87(79.8)	22(20.2)
STPM / Diploma	0(0.0)	100(66.2)	51(33.8)
Sarjana Muda / Sarjana / PhD	2(1.4)	94(67.6)	43(30.9)
Pendapatan			
Bawah RM1000	0(0.0)	79(82.3)	17(17.7)
RM1001 – RM3000	1(0.9)	78(68.4)	35(30.7)
RM3001 – RM5000	1(0.7)	95(70.4)	39(28.9)
RM5001 – RM7000	0(0.0)	18(54.5)	15(45.5)
RM7001 – RM9000	0(0.0)	9(45.0)	11(55.0)
Lebih RM10000	0(0.0)	2(100.0)	0(0.0)
Temp. Tinggal Sekarang			
Bandar	2(1.9)	72(66.7)	34(31.5)
Pinggir bandar	0(0.0)	209(71.6)	83(28.4)

Tahap Penerimaan Terhadap Perlembagaan Persekutuan Mengikut Profil Demografi

Jadual 11 di atas menunjukkan tahap penerimaan tentang perlembagaan pada tahap tinggi mengikut demografi responden di mana etnik Melayu dan beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding etnik Cina dan India yang beragama Buddha dan Hindu. Ini menunjukkan etnik Melayu dan India lebih menerima perlembagaan berbanding etnik Cina disebabkan perkara seperti Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu dan Institusi Beraja berkait rapat dengan sistem sosial orang Melayu. Mengikut kategori pekerjaan pula, tahap penerimaan pegawai kerajaan lebih tinggi kerana kebanyakan pegawai kerajaan adalah etnik Melayu dan ini selari dengan tahap penerimaan mengikut etnik. Hal yang sama bagi tahap kelulusan pendidikan di mana mereka yang berkelulusan STPM/Diploma lebih tinggi penerimaan sepetimana tahap kefahaman. Ini menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi akan menyebabkan tahap penerimaan juga tinggi. Bagi pola kategori pendapatan pula, semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi tahap penerimaan terhadap perlembagaan.

Jadual 11: Tahap Penerimaan Terhadap Perlembagaan Persekutuan mengikut Faktor Demografi

	Tahap Penerimaan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Jantina			
Lelaki	0(0.0)	146(70.9)	60(29.1)
Perempuan	2(1.0)	127(65.5)	65(33.5)
Etnik			
Melayu	2(0.8)	142(59.2)	96(40.0)
Cina	0(0.0)	104(86.7)	16(13.3)
India	0(0.0)	27(67.5)	13(32.5)
Agama			
Islam	2(0.8)	144(59.0)	98(40.2)
Buddha	0(0.0)	103(91.2)	10(8.8)
Hindu	0(0.0)	23(67.6)	11(32.4)
Kristian	0(0.0)	3(37.5)	5(62.5)
Tiada Agama	0(0.0)	0(0.0)	1(100.0)
Pekerjaan			
Kerajaan	0(0.0)	37(54.4)	31(45.6)
Swasta	2(1.0)	132(64.1)	72(35.0)
Bekerja sendiri	0(0.0)	23(76.7)	7(23.3)
Pelajar	0(0.0)	2(100.0)	0(0.0)
Tidak bekerja	0(0.0)	59(81.9)	13(18.1)
Pesara	0(0.0)	20(90.9)	2(9.1)
Pendidikan			
Sekolah Rendah	0(0.0)	0(0.0)	1(100.0)
Sekolah Menengah	0(0.0)	97(89.0)	12(11.0)
STPM / Diploma	0(0.0)	92(60.9)	59(39.1)
Sarjana Muda / Sarjana / PhD	2(1.4)	84(60.4)	53(38.1)
Pendapatan			
Bawah RM1000	0(0.0)	81(84.4)	15(15.6)
RM1001 – RM3000	1(0.9)	72(63.2)	41(36.0)
RM3001 – RM5000	1(0.7)	89(65.9)	45(33.3)
RM5001 – RM7000	0(0.0)	18(54.5)	15(45.5)
RM7001 – RM9000	0(0.0)	11(55.0)	9(45.0)
Lebih RM10000	0(0.0)	2(100.0)	0(0.0)
Temp. Tinggal Sekarang			
Bandar	2(1.9)	60(55.6)	46(42.6)
Pinggir bandar	0(0.0)	213(72.9)	79(27.1)

Implikasi dan Cadangan

Implikasi perbincangan di atas ialah pertama, hasil kajian menunjukkan belia universiti menerima hakikat bahawa mereka perlu belajar dan hidup dalam suasana masyarakat pelbagai etnik, agama dan budaya. Belia di Malaysia terdiri dari majoriti belia Melayu, Cina dan sebilangan kecil belia India, Bumiputera Sabah dan Sarawak dan etnik lain lagi. Mereka juga menganut pelbagai agama dan datang dari pelbagai latar belakang seperti bandar dan luar bandar, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah, program pengajian, kelulusan masuk universiti, golongan berpendapatan tinggi dan rendah dan sebagainya.

Kedua, pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap perlombagaan berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan pengetahuan, kefahaman dan penerimaan masyarakat hanya berkisar kepada perkara yang sering dibangkitkan dalam media massa dan banyak lagi perkara yang berkaitan dengan perlombagaan kurang diketahui dengan baik.

Ketiga, anggapan umum yang mengatakan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia adalah rendah (Awang Sariyan (2008), Tun Dr. Mahathir Mohamed (Utusan Malaysia 2001) dan Raja Dr. Nazrin Syah (Utusan Malaysia, 2007)) adalah tertolak tetapi majoriti berada di tahap sederhana. Dapatkan kajian ini juga disebabkan perkara yang berkaitan perlombagaan seperti Islam dan orang Melayu sering kali dibangkitkan oleh media massa.

Keempat, dapatkan kajian menunjukkan faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah sangat mempengaruhi persepsi belia terhadap perlombagaan. Ini selari dengan kajian Adnan Kamis (1994), Amir Dawi Hasan (2004), Fazilah Idris (2008), Mansor Mohd Noor (2005) dan Zaharah Hassan, Bahaman Abu Samah dan Abu Daud Silong (2006). Maka, faktor-faktor ini sangat signifikan dalam mewarnai hubungan etnik di Malaysia kerana ia membangkitkan orientasi, nilai, sikap dan sosiologi budaya dalam sesbuah etnik. Perbezaan yang ketara daripada faktor-faktor ini menjadikan hubungan etnik dalam kelompok belia sebagai satu agenda yang patut diberi keutamaan.

Berikut adalah cadangan yang dikemukakan kepada pihak khusus kerajaan dalam pelaksanaan dasar atau program yang melibatkan pemahaman dan penerimaan terhadap perlombagaan. Adalah diharapkan daripada cadangan ini akan membantu mengatasi konflik yang berlaku yang berkaitan dengan isu-isu perlombagaan seperti Islam dan orang Melayu dalam perlombagaan.

Pertama, disebabkan terdapat perbezaan mengikut etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan aliran pendidikan sekolah menengah terhadap tahap pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan persepsi belia terhadap perkara yang menjurus kepada sesuatu etnik seperti Islam, orang Melayu, bahasa Melayu dan institusi Beraja dalam perlombagaan, maka faktor-faktor demografi ini sangat relevan dalam mempengaruhi isu-isu berbangkit. Ini kerana kajian oleh Amir Dawi

Hasan (2004) dan Mansor Mohd Noor (2005) menunjukkan melalui interaksi yang kerap antara pelbagai etnik dapat mengecilkan jurang pemisah antara etnik, sikap prejudis, rasisme dan etnosentrisme. Adalah dicadangkan agar Sekolah Wawasan diperluaskan di seluruh negara agar belia yang berlainan etnik ini dapat berinteraksi sejak peringkat sekolah rendah. Di samping itu, program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan atau RIMUP perlu digerakkan secara aktif semula. Ini akan menyebabkan mereka terdedah kepada etnik lain dan akan lebih bersifat terbuka terhadap agama dan budaya etnik lain. Manakala aliran pendidikan sekolah menengah perlu hanya satu sahaja iaitu sekolah menengah kebangsaan di mana sekolah menengah jenis kebangsaan diserapkan menjadi sekolah menengah kebangsaan.

Kedua, Kementerian Belia dan Sukan boleh mengambil beberapa langkah ke arah tersebut melalui:

- Memupuk kesedaran kepada para belia pentingnya interaksi antara etnik dengan memasukkan unsur-unsur interaksi sebagai agenda jabatan.
- Memastikan aktiviti kesukanan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan serta menjadikan ikon sukan sebagai lambang perpaduan.
- Melaksanakan pelbagai aktiviti kesukanan dan belia yang melibatkan pelbagai etnik seperti projek belia, persatuan belia dan sebagainya.

Ketiga, aspek yang berkaitan dengan media massa yang lebih berorientasikan mensensasikan sesuatu isu daripada memberi kefahaman kepada masyarakat khususnya yang melibatkan isu dalam perlumbagaan perlu dielakkan. Justeru pihak media massa seperti televisyen, radio dan agensi kerajaan seperti Jabatan Penerangan dan RTM perlu meningkatkan lagi penerangan tentang Islam dan orang Melayu dalam perlumbagaan. Sewajarnya isu-isu ini dibincangkan secara tertutup melalui Panel Penasihat Perpaduan Negara dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri. Sebaliknya media massa perlulah lebih menekankan kepada keadaan keharmonian rakyat Malaysia dari keretakan yang berlaku kerana Malaysia walaupun wujud konflik antara kaum, tetapi masih mampu mempertahankan hubungan etnik yang mantap daripada konflik berdarah. Justeru, penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu dimantapkan lagi.

Keempat, persetujuan tentang kontrak sosial ini perlu diterangkan dengan lebih meluas. Ini dibuktikan di mana ramai belia tidak mengetahui dan memahami tentang pembahagian kerusi semasa pilihan raya 1955, toleransi antara orang Melayu dan bukan Melayu sewaktu menuntut kemerdekaan dan pemberian kerakyatan secara jus soli. Maka, perkara-perkara ini perlu diperjelaskan kepada belia agar mereka menghayati dan menerima persetujuan yang telah dibuat oleh generasi terdahulu tentang kontrak sosial. Ini dilakukan dengan memberi penekanan kepada nilai dalaman atau nilai intrinsik Islam itu sendiri. Islam mengandungi nilai-nilai universal yang sesetengahnya turut dikongsi oleh agama lain yang boleh memberi sumbangan besar kepada masyarakat Malaysia.

Kelima, begitu juga dengan sistem pendidikan yang dikatakan gagal menerapkan kefahaman belia terhadap kontrak sosial sehingga mereka tidak faham dan seterusnya sukar untuk menerima apa yang termaktub dalam perlembagaan. Kesukaran tahap penerimaan inilah yang menyebabkan sering berlaku konflik apabila muncul isu yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan. Untuk itu, penulisan buku teks khususnya sejarah perlu ditulis dengan memberi penekanan kepada rasional kenapa sesuatu peruntukan untuk termaktub dalam perlembagaan seperti agama Islam dan orang Melayu mempunyai kelebihan dan keistimewaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Penekanan kepada rasional sesuatu perkara itu lebih menyebabkan belia mudah menerima kerana mereka adalah golongan belia dan mempunyai pemikiran yang kritis dan terbuka terhadap sesuatu isu. Keadaan seperti memaksa mereka menerima sesuatu tanpa ada kerasionallannya menyebabkan golongan ini akan menentangnya.

Keenam, ternyata Islam dan orang Melayu sangat memberi implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia kerana belia Melayu khususnya masih lagi sensitif dan peka terhadap hal yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Maka, isu ini perlu diberi perhatian yang serius agar setiap etnik di Malaysia mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap apa yang termaktub dalam perlembagaan. Hanya melalui tahap penerimaan yang tinggi inilah konflik yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dapat dikurangkan. Disebabkan kedua-dua isu ini sensitif dalam kalangan rakyat, sikap prejudis, rasisme dan etnosentrisme terhadap agama dan etnik lain perlu dielakkan. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan dialog antara agama dan etnik dengan lebih kerap dalam kalangan rakyat. Selain peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu bergerak aktif memainkan peranan yang sama.

Ketujuh, pihak tertentu juga perlu mengambil kira tentang perkara yang perlu diberi perhatian jika ingin menghasilkan modul untuk mengeratkan hubungan etnik di Malaysia. Maka, perkara-perkara seperti penerangan mengenai kerjasama etnik semasa menuntut kemerdekaan, penerangan mengenai kerjasama etnik sewaktu menggubal perlembagaan, rasional sesuatu peruntukan itu diperuntukkan dalam perlembagaan, penerangan mengenai kontrak sosial, penerangan mengenai unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan iaitu bahasa Melayu, agama Islam dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu, penulisan yang menekankan kepada semangat dan falsafah perlembagaan dan bukannya berbentuk perundangan semata-mata dan penerangan mengenai peranan unsur tradisi hendaklah ditekankan. Maka, dicadangkan agar dilaksanakan Program Pemekaan Kontrak Sosial yang bertujuan memekakan belia terhadap pengetahuan dan kefahaman tentang kontrak sosial. Ini boleh dilakukan oleh Jabatan Belia dan Sukan bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang diterajui oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dengan mengambil kira faktor-faktor di atas. Di samping itu, pelaksanaan kedudukan istimewa orang Melayu perlu dibuat secara telus agar ketidakpuasan hati di kalangan orang bukan Melayu dapat diketepikan. Ini kerana mereka merasakan peruntukan tersebut tidak sampai kepada orang Melayu secara keseluruhannya tetapi

sebaliknya hanya kepada elit tertentu sahaja yang selari dengan dapatan kajian ini.

Kelapan, jelas membuktikan bahawa tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap peruntukan perlembagaan secara konsistennya bergantung kepada etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan aliran pendidikan menengah. Tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan tidak begitu bergantung kepada kelulusan masuk universiti dan tempat tinggal belia. Ini menunjukkan belia yang berlainan etnik, agama serta pengasingan sistem aliran persekolahan negara memberi kesan terhadap tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap Islam dan orang Melayu dalam perlumbaan. Maka, pengasingan sistem aliran persekolahan ini tidak membantu ke arah mengatasi konflik yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Ini disebabkan mereka lebih banyak berinteraksi dengan etnik sendiri dari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Maka sistem persekolahan satu aliran kebangsaan atau konsep sekolah wawasan perlu diperluaskan di Malaysia.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia terhadap perlumbagaan berada di tahap sederhana. Anggapan umum yang mengatakan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan belia adalah rendah adalah tertolak tetapi majoriti berada di tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah sangat mempengaruhi persepsi belia terhadap perlumbagaan. Maka, golongan belia perlu mengetahui dan memahami bahawa Perlumbagaan Persekutuan adalah hasil proses tawar menawar antara tiga etnik terbesar pada ketika itu yang terdiri dari Melayu, Cina dan India melalui UMNO, MCA dan MIC. Proses tawar menawar tersebut telah mewujudkan keseimbangan kepentingan pelbagai etnik dalam Perlumbagaan Persekutuan sekarang. Jelasnya pada tahun 1957, sewaktu penggubalan perlumbagaan, orang Melayu dan bukan Melayu begitu menjaga kepentingan mereka bagi sebuah negara yang merdeka. Orang Melayu bukan sahaja prihatin terhadap sosio-ekonomi mereka, tetapi juga tentang kedudukan mereka. Namun ini tidak menghalang setiap etnik untuk bekerjasama dan akhirnya bersetuju dalam beberapa perkara seperti kerakyatan yang longgar, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu seperti yang dibincangkan dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. 2001. Perlumbagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari. 2005. Islam Dalam Perlumbagaan Malaysia. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

- Abdul Aziz Bari. 2008. Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: Arah Publications.
- Abdul Monir Yaacob. 2005. Hak dan tanggungjawab pelbagai kaum dari perspektif syariah. Dlm. IKIM. Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam. Kuala Lumpur: IKIM.
- Adnan Kamis. 1994. Satu kajian latar belakang sosial dan hubungannya dengan sikap prasangka atau toleransi terhadap integrasi nasional. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Ahmad Ibrahim et. al. .1999. Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. 1987. Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Dlm. Mohamed Suffian Hashim, H. P Lee dan F. A Trindade. Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya 1957-1977. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Amir Dawi Hassan. 2004. Hubungan etnik di IPT: Satu kajian etnografi dan model budaya di kalangan pelajar berlainan etnik. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Anon. 2001. Betulkan tanggapan generasi muda. Utusan Malaysia. 16 Februari.
- Anon. 2009. Hayati sejarah perlembagaan. Berita Harian. 17 Februari.
- Awang Sariyan. 2008. Mempertahankan bahasa negara di Malaysia. Dlm. Zainal Kling (penyt.). Kemerdekaan dan Perhambaan. Kuala Lumpur: GAPENA.
- Awang Sariyan. 2008. Trend penulisan kritis semasa: Analisis isu-isu utama bangsa dan negara. Kesturi 15 (1&2).
- Azman Amin Hassan. 2005. Solving conflicts in a multicultural society: The case of Kampung Medan. In Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society. Serdang: Penerbit UPM.
- Baharom Mahusin. 2006. Arah Hubungan Kaum Di Malaysia. Utusan Malaysia, 26 November.
- Faridah Jalil. 2007. Perlembagaan Persekutuan menangani cabaran semasa dan mendatang. Dlm. Faridah Jalil (penyt.). Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman. Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM.

- Fazilah Idris. 2008. The influence of individual attributes on inter-ethnic tolerance among early youth in Selangor. Tesis PhD, University Putra Malaysia.
- Harding, A. & H.P Lee. 2007. Constitutional Landmarks in Malaysia: The First 50 Years 1957-2007. Petaling Jaya: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Harding, A. 1996. Law, Government and the Constitution in Malaysia. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Hashim Yeop A. Sani. 1973. Perlembagaan Kita. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.
- Hasnah Hussin. 2007. Pembangunan etnik di Malaysia. Pemikir. April-Jun Bil. 43.
- Heng Pek Khoon. 1988. Chinese Politics in Malaysia. Singapore: Oxford University Press.
- Hickling, R. H. 1960. An Introduction to the Federal Constitution. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Karl von Vorys. 1975. Democracy Without Consensus. Princeton: Princeton University Press.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*. 30(3).
- Malaya. 1957. Report of The Federation of Malaya Constitutional Commission 1957. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Malaysia. 1972. Perbahatan Parlimen Mengenai Rang Undang2 Pindaan Perlembagaan 1971. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Malaysia. 1973. Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat, Penggal Ketiga, April 1973.
- Mansor Mohd Noor. 2005. Integrasi Etnik di IPTA. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mohamed Suffian Hashim, H. P Lee dan F.A Trindade. 1983., Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya, 1957-1977. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohamed Suffian Hashim. 1987. Mengenal Perlembagaan Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Salleh Abas. 1984. Sejarah Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Aris Othman. 1983. Perkembangan Perlembagaan Malaysia. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Ratnam, K. J. 1969., Communalism and the Political Process in Malaya. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Rosfazila Abd. Rahman dan Ayu Nor Azilah Mohamad. 2007., Persepsi orang Melayu terhadap peruntukan keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan. Prosiding Persidangan Undang-Undang Tuanku Jaafar 2007. Fakulti Undang-Undang UKM.

Salleh Buang. 1993. Perlembagaan Malaysia: Latar belakang sejarah, konsep penggubalan dan ciri-ciri umum (Bahagian I & II). Seminar Perlembagaan Malaysia: Ke Arah Kematangan Demokrasi dan Peningkatan Martabat Negara (2-4 Februari 1993: Shah Alam).

Sekaran, U. 1992. Research Methods for Business: A Skill Building Approach. Second Ed. New York: John Wiley & Sons.

Sheridan, L. A. 1987. The Constitution of Malaysia. 4th ed. Singapore : Malayan Law Journal.

Sheriden, L. A. dan Groves H. E. 1979. The Constitution of Malaysia. Singapore: Malayan Law Journal Ltd.

Syed Husin Ali. 2008. The Malays: Their Problem and Future. Petaling Jaya: The Others Press.

Zaharah Hassan, Bahaman Abu Samah dan Abu Daud Silong. 2006. Persepsi pelajar university terhadap perpaduan negara. Dlm Zaharah Hassan, Abdul Latif Samian dan Abu Daud Silong. Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society. Serdang: Penerbit UPM.

Zainal Abidin Borhan. 2008, Apakah Melayu dan kemelayuan akan terpinggir. Dlm. Zainal Kling (pnyt.) Kemerdekaan dan Perhambaan. Kuala Lumpur: GAPENA.

Profil Penulis:

Nazri Muslim

Pusat Citra

Universiti Kebangsaan Malaysia

SAMBUTAN GOLONGAN MUDA TERHADAP PROGRAM FIT MALAYSIA

WASITAH MOHD YUSOF, ASNIDA HAMID & SHARIFFAH MAMAT

ABSTRAK

Artikel ini berfokuskan kepada dapatan kajian ke atas pelaksanaan program Fit Malaysia dan implikasinya ke atas usaha pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Program Fit Malaysia merupakan program berasaskan sukan dan kecergasan yang dilaksanakan di seluruh negeri dalam usaha menggalakkan masyarakat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif melalui aktiviti kecergasan. Kajian ini dilaksanakan di tiga belas buah negeri dalam Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Sabah, Negeri Sembilan, Sarawak, Johor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak dan Pulau Pinang menerusi satu set borang soal selidik ke atas 2,489 orang responden yang berumur 18 tahun hingga 30 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa penyertaan dan sambutan yang sangat baik terutama daripada golongan belia Malaysia. Majoriti penyertaan adalah daripada golongan belia pertengahan iaitu yang berumur dalam lingkungan 18 tahun - 25 tahun. Hasil kajian juga mendapati, aktiviti yang paling mendapat sambutan ialah aktiviti larian. Kemeriahان sambutan ini merupakan suatu kejayaan terhadap penganjuran program ini dan akan diteruskan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan (sporting nation).

Kata Kunci: Fit Malaysia, Golongan Belia, Seluruh Negeri, Aktiviti Larian, Budaya Sukan

ABSTRACT

This article focuses on the findings of the implementation of the Fit Malaysia program and its implications on the efforts into nurturing a sports culture amongst Malaysians. Fit Malaysia is a sport and fitness centred program that implemented throughout the country to encourage the public to apply a healthy and active lifestyle through fitness activities. This study was conducted in thirteen states in Malaysia namely Kuala Lumpur, Malacca, Pahang, Sabah, Negeri Sembilan, Sarawak, Johor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak and Penang through a set of questionnaires to over 2,489 respondents aged 18-30 years. The study finds that there is high participation and a very good response, especially from the Malaysian youth. Majority of the participants are from the middle category of the youths aged between 18-25 years. The study also find that the most popular activity is running. It is a success of this initiative and will continue to excel in making Malaysia, a sporting nation.

Keywords: Fit Malaysia, Youth, Nationwide, Running Activity, Sporting Nation

PENGENALAN

Fit Malaysia merupakan satu gerakan secara besar-besaran (*National Movement*) di seluruh negara yang akan membawa Malaysia dari sebuah Negara Pencinta Sukan (*Sports loving nation*) kepada negara bersukan (*Sporting Nation*). Ia juga merupakan satu pendekatan terhadap perubahan gaya hidup masyarakat secara keseluruhannya.

Secara umumnya, masyarakat mempunyai persepsi bahawa amalan kecergasan dan bersukan hanya tertumpu kepada atlet dan golongan tertentu sahaja dan mereka berada di luar kelompok tersebut. Tahap kesedaran untuk mengamalkan rutin dan pemakanan yang sihat amat rendah berikutan komitmen terhadap pekerjaan, keluarga, atau umur. Kesedaran ini boleh diterapkan dalam diri individu dan masyarakat melalui pengaruh rakan-rakan dan ahli komuniti. Sebagai contoh, apabila mereka melihat rakan mereka yang “sama seperti mereka” berjaya menjadi sihat (Fit), mereka juga akan berusaha untuk melakukannya.

Program Fit Malaysia memfokuskan kepada bukan sahaja menggalakkan amalan gaya hidup sihat, tetapi memberi inspirasi kepada rakan & keluarga untuk bersama-sama sihat melalui penganjuran aktiviti berasaskan komuniti seperti menubuhkan kumpulan berbasikal, atau melakukan aktiviti berlari, berjalan dan bersenam secara mingguan bersama rakan sekerja/rakan sebaya.

Pendekatan Fit Malaysia lebih bersifat ‘*community centric*’ di mana aktiviti yang laksanakan tidak memerlukan fasiliti/peralatan khusus, mudah dipelajari dan boleh dilakukan pada bila-bila masa secara borseorangan atau berkumpulan. Ia juga tidak memerlukan masa yang lama dan tidak melibatkan kos yang tinggi.

Program Fit Malaysia dilaksanakan berasaskan teras-teras utama merangkumi aspek perpaduan, kesihatan, komuniti, inklusif dan menyerlahkan bakat sukan daripada komuniti. Teras-teras ini bermatlamatkan untuk mencapai objektif pelaksanaan program Fit Malaysia iaitu perpaduan, kesihatan, komuniti, inklusiviti dan bakat sukan. Melalui penganjuran program Fit Malaysia, dapat meningkatkan tahap kesihataan rakyat melalui penglibatan yang aktif dan konsisten dalam aktiviti sukan dan kecergasan. Serta, melalui sukan juga akan wujud semangat penyadupaduan golongan masyarakat tanpa mengira kaum. Selain itu, melalui penganjuran aktiviti sukan dan kecergasan juga dapat membina komuniti sukan yang saling membiri galakan, motivasi dan inspirasi terhadap satu sama lain. Dari segi inklusif pula, dapat melibatkan semua kelompok masyarakat tanpa batasan kaum, umur, jantina dan keadaan fizikal iaitu melibatkan semua golongan dan lapisan masyarakat. Di samping itu juga, melalui penganjuran program Fit Malaysia akan dapat meningkatkan penyerahan bakat sukan yang boleh yang boleh digilap ke peringkat antarabangsa.

Fit Malaysia berfokuskan kepada empat mekanisma pelaksanaan iaitu berjalan atau berlari, berbasikal, seni mempertahankan diri dan aktiviti kecergasan.

Bagi aktiviti berjalan atau berlari, melibatkan jarak yang mengikut kesesuaian lokasi namun dapat memberi impak kepada kesihatan di antara 5km hingga 10km. Bagi aktiviti berbasikal pula, melibatkan jarak yang sederhana mengikut kesesuaian lokasi yang juga dapat memberi impak kepada kesihatan iaitu di antara jarak 10km hingga 20km. Aktiviti seni mempertahankan diri terdiri daripada tradisional dan kontemporari seperti Silat, Silambam, Wushu, Muaythai, Capoeira, Urban Self Defence dan lain-lain. Serta, bagi aktiviti kecergasan pula ialah seperti Variasi Senamrobik, Bootcamp, Cross Training, Taichi, Zumba dan lain-lain.

SOROTAN LITERATUR

Pelan Strategik KBS 2010-2015 menyatakan bahawa, pembudayaan sukan untuk semua merupakan salah satu daripada elemen penting dalam Tujuh Teras Strategik KBS selain memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi, pemerkasaan pembangunan insan dan gerakan belia, pengukuhkan pembangunan sukan berprestasi tinggi, pembangunan industri sukan sebagai penjana ekonomi, peningkatan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar serta pemantapan penyelidikan pembangunan belia dan sukan.

Di samping itu, kajian Penglibatan Belia dan Masyarakat Dalam Sukan yang dijalankan oleh pasukan penyelidik dari UPM pada tahun 2009 juga telah mendapati tahap budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia masih lagi rendah iaitu sekitar 30% berbanding negara maju. Secara umumnya rakyat Malaysia cinta kepada pasukan kebangsaan dan sukan komersial antarabangsa namun penglibatan masyarakat dalam bidang sukan tidak memberangsangkan.

Peluang penyertaan dan penglibatan masyarakat umum telah dipergiatkan lagi dengan usaha berterusan pihak kerajaan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan dan rekreasi melalui program-program seperti Malaysia Cergas, Rakan Sukan, Sukan untuk Semua dan Sukan Prestasi Tinggi. Program-program tersebut adalah bertujuan untuk membangunkan budaya kesukanan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Di samping itu, penekanan terhadap dasar dan program pembangunan sukan turut diberikan tumpuan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (RMKe-10) melalui agenda dan program membangunkan budaya kesukanan. Budaya bersukan bertujuan menjadikan sukan sebagai satu amalan hidup yang aktif, cergas, sihat dan berdaya saing dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini adalah sejajar dengan usaha dan inisiatif KBS yang mengorak langkah persediaan menjadikan Malaysia ke arah negara bersukan (The Malay Mail, 2014).

Pembangunan ekonomi dan kehidupan sosial yang moden merupakan penentu utama dalam membentuk corak bersukan dalam masyarakat. Struktur sosial dijelmakan melalui sukan dan diperkuuhkan oleh sukan. Dalam konteks

di Malaysia yang mana aktiviti harian yang masih menunjukkan pengasingan antara kaum seterusnya dipaparkan melalui segregasi dalam beberapa sukan dalam kalangan rakyat Malaysia (Hamdan, 2004; 2008). Justeru itu, kerajaan Malaysia terlebih dahulu perlu menstrukturkan semula aktiviti-aktiviti ini supaya lebih berintegrasi dan seimbang supaya sukan juga turut menjadi begitu

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan meliputi penilaian terhadap penglibatan / partisipasi masyarakat dalam program dan aktiviti-aktiviti Fit Malaysia yang melibatkan pelaksanaan pelancaran di peringkat kebangsaan (Dataran Merdeka) dan negeri (Melaka, Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak).

DEFINISI OPERASI

Definisi kepada Masyarakat yang terlibat dengan Program Fit Malaysia adalah merujuk kepada Pemegang Taruh/*Stakeholders* iaitu Pengunjung, Pegawai Pelaksana (termasuk kementerian lain, NGO) dan Peserta-peserta yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti Fit Malaysia meliputi aktiviti pelancaran dan post pelancaran di negeri-negeri pilihan dalam pelancaran Fit Malaysia.

OBJEKTIF AM KAJIAN

Artikel ini mengetengahkan objektif kajian bagi mengenal pasti sejauh mana program Fit Malaysia dan pendekatan pelaksanaannya mampu melibatkan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti sukan serta menyokong kepada proses pembudayaan sukan masyarakat Malaysia.

Objektif Khusus Kajian

Mengukur jumlah/bilangan keterlibatan / partisipasi masyarakat dalam aktiviti-aktiviti Fit Malaysia di peringkat komuniti.

Mengukur populariti pilihan masyarakat terhadap 4 aktiviti-aktiviti Fit Malaysia (berlari, berbasikal, seni mempertahankan diri, kecergasan) di peringkat komuniti.

Mendapatkan maklum balas sambutan masyarakat ke atas program Fit Malaysia.

Mengukur mekanisme pelaksanaan aktiviti-aktiviti Fit Malaysia yang dilaksanakan di peringkat komuniti di lokasi pelaksanaan.

Menilai elemen perpaduan, pembangunan komuniti serta pengukuhan jaringan hubungan (hubungan dengan rakan, masyarakat) di peringkat komuniti.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian keratan rentas ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

- a) Kuantitatif: Survey dengan menggunakan borang soal selidik yang dikendalikan melalui kerja lapangan dan email.
- b) Kualitatif: Temu bual atau Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dan pemerhatian tidak turut serta.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian mengambil kira tempat pelaksanaan pelancaran program Fit Malaysia di seluruh Malaysia sehingga September 2015.

Saiz Sampel

Saiz sampel bagi kajian ini dikira dengan menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970). Saiz sampel dikira berdasarkan populasi dari setiap negeri yang terlibat dengan pelancaran program Fit Malaysia 2014. Kaedah pensampelan ini digunakan untuk mendapatkan sampel kajian bagi mewakili populasi. Penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

$$\text{Saiz Sampel} = \frac{\chi^2 NP (1-P)}{d^2 (N-1) + \chi^2 P (1-P)}$$

χ^2 = table value of Chi-Square @ df = 1 for desired confidence level
(0.05 = 3.84)

N = population size

P = population proportion (assumed to be 0.50)

d = degree of accuracy (expressed as a proportion) 0.05

Jumlah pengunjung yang hadir ke program Fit Malaysia dikira dengan menggunakan kaedah Jacobs (Jacobs Method), 1960.

Kerangka Pensampelan

Pemegang taruh yang terlibat dengan program Fit Malaysia

Populasi dan Kaedah Pensampelan

Pemilihan responden kajian adalah secara rawak mudah. Responden adalah terdiri daripada pegawai pelaksana, pengunjung dan peserta yang menyertai aktiviti-aktiviti dalam program Fit Malaysia.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian akan terdiri daripada:

- a) Satu set borang soal selidik
Borang soal selidik ini dibentuk berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Beberapa enumerator yang dilantik atau pegawai pelaksana program akan ditugaskan di kawasan kajian bagi proses pengumpulan data.
- b) Satu set protokol temu bual kumpulan berfokus (FGD) dan pemerhatian
Temu bual akan dilaksanakan dengan menggunakan satu set protokol temu bual yang akan dibangunkan. Kaedah temu bual ini dilaksanakan terhadap Pegawai pelaksana program. Manakala kaedah pemerhatian terhadap sambutan aktiviti-aktiviti Fit Malaysia akan dilaksanakan menggunakan set protokol dan senarai semak yang dibangunkan untuk mencatat hasil pemerhatian yang dilihat.
- c) Analisis dokumen
Analisis dokumen akan dijalankan ke atas laporan penilaian tidak turut serta dan kertas kerja pelaksanaan Fit Malaysia yang dikeluarkan oleh pelaksana program di peringkat Jabatan atau Pemegang Taruh/Stakeholder yang terlibat dalam pelancaran Fit Malaysia

Analisis Data

Perisian SPSS versi 21.0 akan digunakan untuk mendapatkan jumlah, purata, kekerapan, median dan sisihan piawai (bagi kaedah kuantitatif) manakala analisa data temu bual dan pemerhatian akan dilakukan mengikut tema (bagi kaedah kualitatif).

Jangka masa Pelaksanaan Kajian

Kajian bermula dari September 2014 sehingga September 2015 iaitu dengan melibatkan 13 buah negeri dalam Malaysia antaranya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Sabah, Negeri Sembilan, Sarawak, Johor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak dan Pulau Pinang.

PELANCARAN PROGRAM FIT MALAYSIA 2015

Program Fit Malaysia 2015 adalah sambungan daripada program Fit Malaysia yang dirancang pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2014. Oleh itu, tempat-tempat pelancaran program Fit Malaysia diteruskan kepada semua negeri dalam Malaysia.

Sehubungan dengan itu, disebabkan sokongan penuh yang diterima dari masyarakat melalui penganjuran program Fit Malaysia ini, program HotSpot Fit Malaysia Putrajaya diadakan pada hari Khamis setiap minggu jam 5.30 petang.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini mengikut negeri pelaksanaan program Fit Malaysia. Seramai 200 orang

responden yang diperuntukkan bagi setiap negeri. Namun, demi mendapatkan kualiti penganalisaan data yang terbaik, data yang tidak boleh digunakan dikira sebagai rosak. Berdasarkan daripada jumlah tersebut, pecahan dibahagikan kepada kumpulan etnik utama di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Pecahan Responden Mengikut Jantina

Bil	Negeri	N	Lelaki	Perempuan
1.	Kuala Lumpur	200	104	96
2.	Melaka	162	80	82
3.	Pahang	199	100	99
4.	Sabah	195	105	95
5.	Negeri Sembilan	200	99	101
6.	Sarawak	200	102	98
7.	Johor	152	86	64
8.	Perlis	187	44	142
9.	Kedah	200	106	94
10.	Kelantan	200	124	76
11.	Terengganu	200	97	103
12.	Perak	200	103	97
13.	Pulau Pinang	194	99	95

*N = Jumlah Responden

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden penilaian partisipasi masyarakat terhadap program Fit Malaysia mengikut etnik. Majoriti kaum daripada setiap negeri ialah bangsa Melayu. Namun, bagi negeri Sabah dan Sarawak sahaja majoriti adalah kaum peribumi sendiri iaitu Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak. Kaum lain-lain yang dinyatakan merupakan minoriti seperti Sikh, dan orang asli.

Jadual 2: Pecahan Responden mengikut Kaum

Bil	Negeri	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah	Bumiputera Sarawak	Lain-lain
1.	Kuala Lumpur	88	49	48	7	4	4
2.	Melaka	111	26	19	4	2	-
3.	Pahang	139	29	29	2	-	-
4.	Sabah	45	14	2	125	9	-
5.	Negeri Sembilan	124	37	30	3	-	6
6.	Sarawak	59	53	2	4	82	-
7.	Johor	143	4	3	-	-	2
8.	Perlis	185	-	1	-	1	-
9.	Kedah	142	32	26	-	-	-

10.	Kelantan	163	23	6	-	-	8
11.	Terengganu	194	2	1	1	-	-
12.	Perak	136	42	19	1	-	2
13.	Pulau Pinang	81	63	42	-	-	8

Jadual 3 berikut menunjukkan analisa populariti aktiviti mengikut aktiviti-aktiviti utama yang dianjurkan dalam program Fit Malaysia. Berdasarkan daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa aktiviti larian merupakan aktiviti yang paling digemari oleh responden di setiap negeri. Ini kerana aktiviti larian tersebut adalah mudah untuk disertai oleh semua lapisan masyarakat kerana mempunyai kategori tertentu. Di samping itu juga, aktiviti larian memberikan sijil penyertaan kepada peserta yang mengambil bahagian. Selain itu, aktiviti-aktiviti lain seperti berbasikal, seni mempertahankan diri dan aktiviti kecergasan pula mempunyai pengikut yang tersendiri memandangkan jenis aktiviti tersebut mempunyai keperluan yang khusus seperti berbasikal dan seni mempertahankan diri. Namun, aktiviti tersebut masih relevan untuk dijadikan aktiviti utama penganjuran program Fit Malaysia memandangkan terdapat pengikut tersendiri bagi sesuatu aktiviti yang dijalankan.

Jadual 3: Populariti Aktiviti

Bil	Negeri	Larian	Berbasiakal	Seni Mempertahankan Diri	Kecergasan
1.	Kuala Lumpur	88	50	28	34
2.	Melaka	47	19	20	34
3.	Pahang	102	34	21	43
4.	Sabah	35	9	13	31
5.	Negeri Sembilan	58	46	43	53
6.	Sarawak	116	21	20	43
7.	Johor	159	17	18	74
8.	Perlis	134	4	7	42
9.	Kedah	130	4	8	39
10.	Kelantan	84	42	48	26
11.	Terengganu	64	48	40	48
12.	Perak	62	58	36	44
13.	Pulau Pinang	53	47	44	50

Jadual 4 menunjukkan ringkasan dapatan penilaian Partisipasi Masyarakat terhadap Program Fit Malaysia. Secara keseluruhannya, jumlah penglibatan masyarakat dalam program Fit Malaysia di setiap negeri adalah sangat memberangsangkan dan mencapai bilangan sasaran yang ditetapkan. Melalui penganjuran program Fit Malaysia di setiap negeri di Malaysia ada menerapkan elemen tradisional daripada kaum-kaum tertentu iaitu seperti seni mempertahankan diri (silat, silambam, tai-chi, tae-kwan-do dan sebagainya).

Jadual 4: Ringkasan Dapatan Penilaian Partisipasi Masyarakat terhadap Program Fit Malaysia

Bil.	Elemen Utama	Maklum balas	Catatan
1.	Mengukur jumlah penglibatan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti Fit Malaysia di peringkat komuniti.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Secara keseluruhannya, jumlah penglibatan masyarakat dalam program Fit Malaysia di setiap negeri adalah sangat memberangsangkan dan mencapai bilangan sasaran yang ditetapkan. 2. Malahan, terdapat juga penganjuran program Fit Malaysia di sesuatu kawasan yang mencatatkan bilangan pengunjung melebihi sasaran seperti di Sarawak dan Pulau Pinang. 3. Ini menunjukkan masyarakat Malaysia menerima baik penganjuran sedemikian yang memfokuskan kepada amalan gaya hidup cergas melalui program Fit Malaysia. 	Penglibatan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program Fit Malaysia mendapat sambutan yang sangat menggalakkan
2.	Mengukur populariti pilihan masyarakat terhadap 4 aktiviti utama Fit Malaysia (berlari, berbasikal, seni mempertahankan diri, aktiviti kecergasan).	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktiviti larian merupakan aktiviti yang dipilih oleh responden sebagai aktiviti yang paling utama memandangkan penglibatannya tidak melibatkan pengeluaran kos yang besar di samping masih dapat mengamalkan gaya hidup cergas. 2. Selain itu, responden memilih aktiviti larian sebagai yang paling utama kerana dapat mengeratkan hubungan dengan menyertai bersama ahli keluarga, rakan-rakan dan sebagainya. 3. Manakala, antara aktiviti lain yang turut dipilih sebagai aktiviti utama ialah kecergasan kerana terdapat faktor daya penarik seperti muzik yang rancak, daya gerakan yang bertenaga, jenis aktiviti baru yang diperkenalkan. 4. Aktiviti seni mempertahankan diri juga turut dinyatakan sebagai utama kerana selain dapat meningkatkan tahap kecergasan, juga dilihat penting untuk keselamatan diri. 	Pada masa akan datang, dicadangkan supaya dipelbagaikan jenis aktiviti yang diadakan supaya dapat menarik lebih ramai penyertaan

	<p>3. Mendapatkan maklum balas sambutan masyarakat ke atas program Fit Malaysia.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kebanyakkan responden berpendapat bahawa penganjuran program Fit Malaysia patut diteruskan di masa-masa akan datang kerana telah dapat meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup cergas. 2. Di samping itu, responden berpendapat supaya penganjuran program ini dibuat program susulan di peringkat daerah dan JKKK supaya keterlibatan masyarakat lebih menyeluruh. 3. Penganjuran program Fit Malaysia secara keseluruhan dilihat sebagai suatu gerakan secara besar-besaran dalam usaha membudayakan sukan di kalangan masyarakat Malaysia. 	<p>Penganjuran program Fit Malaysia mendapat maklum balas yang positif daripada responden di setiap negeri pelaksanaannya dan majoriti menyarankan agar program ini sentiasa diteruskan pada masa akan datang</p>
4.	<p>Mengukur mekanisme pelaksanaan aktiviti-aktiviti Fit Malaysia yang dilaksanakan di peringkat komuniti di lokasi pelaksanaan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Secara keseluruhannya, pemilihan mekanisme pelaksanaan sesuatu aktiviti tersebut bergantung kepada jenis aktiviti yang dijalankan. Misalnya, terdapat aktiviti yang memerlukan pelaksanaan secara berkumpulan dan sebaliknya. 2. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti utama dalam penganjuran program Fit Malaysia merangkumi kedua-dua jenis mekanisme pelaksanaan iaitu secara berkumpulan ataupun individu. 3. Secara keseluruhan, responden memilih mekanisme pelaksanaan secara berkumpulan dalam menjalankan aktiviti bersukan kerana di samping dapat berkongsi malah dapat juga memberi sokongan dan galakan antara ahli kumpulan yang lain. 	<p>Pemilihan mekanisme pelaksanaan aktiviti sukan yang dijalankan adalah bergantung kepada jenis aktiviti sukan yang dipilih.</p>

<p>5. Menilai elemen perpaduan, pembangunan komuniti serta pengukuhan jaringan hubungan (hubungan dengan rakan, masyarakat) di peringkat komuniti</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melalui penganjuran program Fit Malaysia di setiap negeri di Malaysia ada menerapkan elemen tradisional daripada kaum-kaum tertentu iaitu seperti seni mempertahankan diri (silat, silambam, tai-chi, tae-kwan-do dan sebagainya). 2. Selain itu, elemen perpaduan juga ditunjukkan dalam persempahan muzik tradisional di Music Zone. 3. Penganjuran program Fit Malaysia juga dapat mengukuhkan jaringan hubungan iaitu hubungan dengan rakan, masyarakat dan komuniti kerana penglibatan individu di dalam program ini secara majoritinya hadir bersama ahli keluarga maupun rakan-rakan. 	<p>Elemen perpaduan, pembangunan komuniti serta pengukuhan jaringan hubungan turut dapat ditingkatkan melalui penganjuran program Fit Malaysia.</p>
---	---	---

KESIMPULAN

Kajian yang akan dilaksanakan ini diharap dapat mengenal pasti sejauh mana program Fit Malaysia mampu menggalakkan partisipasi masyarakat dalam aktiviti-aktiviti sukan yang terpilih iaitu larian, berbasikal, seni mempertahankan diri dan kecergasan. Selain itu, penganjuran program Fit Malaysia yang dianjurkan di seluruh Malaysia juga merupakan suatu usaha dalam menggalakkan pembudayaan sukan di kalangan masyarakat dalam usaha menjadikan negara sebuah negara bersukan (Sporting Nation).

RUJUKAN

- Amin et all. 2009. Kajian Penglibatan Belia dan Masyarakat dalam Sukan. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan.
- Aman. S. et all. 2014. Kajian Budaya Sukan dalam kalangan Rakyat Malaysia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Dasar Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W, 1970. Determining Sample Size of Research Activities. *Education Psychological Measurement*, (30), 607-610.
- Pelan Strategik KBS 2005-2010. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

The Malay Mail, 2014.

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (RMKe-9).

Profil Penulis:

Wasitah Mohd Yusof, PhD

Pendidikan Belia

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Pembangunan Belia Malaysia

Kementerian Belia dan Sukan.

Asnida Hamid

Penyelidik

Institut Pembangunan Belia Malaysia

Kementerian Belia dan Sukan.

Shariffah Mamat

Msc. Komunikasi Korporat

Penyelidik

Institut Pembangunan Belia Malaysia

Kementerian Belia dan Sukan.

FAKTOR BELIA TIDAK BEKERJA DARI PERSPEKTIF NEET

RUSMAWATI SAID, ZULKARNAIN YUSOP, AZMAWANI ABDUL RAHMAN, YUHANIS ABD AZIZ, ASMADDY HARIS & MOHD RIZAL MOHD SHAM

ABSTRAK

Belia adalah golongan yang perlu perhatian khusus kerana mereka adalah modal insan yang masih berada pada umur produktif untuk bekerja. Oleh itu, belia NEET- (Not in Employment, Education or Training) atau tidak dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan dilihat sebagai trend yang perlu dielakkan kerana ia boleh membawa kepada kesan negatif dalam meningkatkan ekonomi negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data dikumpulkan menggunakan kaedah perbincangan dalam kumpulan dan juga temu ramah bersama agensi yang telah dipilih. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti beberapa faktor utama yang menyebabkan belia berada dalam golongan NEET iaitu seperti faktor peribadi, faktor tempat kerja dan faktor keluarga. Kajian juga mendapati bahawa pendidikan juga menyebabkan mereka kecinciran daripada segi pekerjaan. Di akhir kajian ini beberapa syor diberikan untuk mengekang trend belia NEET di Malaysia.

Kata Kunci: Belia, NEET, Pekerjaan, Ekonomi, Modal Insan

ABSTRACT

Youths are precious human capital that needs special attention because they are considered as productive working age group. Therefore, youth not in employment, education or training (NEET) is seen as a phenomenon that needs to be avoided as it contribute negatively towards the country's economy. This study used qualitative approach where data is collected using focus group discussion and personal interviews with selected agencies. This study identified several key factors that lead youth to NEET. These include personal factors, work place factors and family factors. The study also found that education is the cause of dropouts in jobs. Last but not least,, the study provided several recommendations to curb the trend of NEET youth in Malaysia.

Keywords: Youth, NEET, Employment, Economy, Human Capital

PENGENALAN

Belia sebagai modal insan terpenting perlu dilibatkan dalam perancangan arah tuju negara terutamanya daripada aspek pembangunan ekonomi dan sosial bagi memastikan kelangsungan kemajuan dan pembangunan yang telah dirancang oleh kerajaan. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan kementerian khusus untuk memartabatkan institusi belia negara bagi memastikan peranan belia tidak

terpinggir daripada arus pembangunan. Antara inisiatif yang dilakukan oleh KBS adalah seperti membangunkan Indeks Belia Malaysia (IBM) pada tahun 2006 dalam usaha menetapkan kesejahteraan hidup belia negara. IBM bertindak sebagai penanda aras dalam mengukur pencapaian tahap kesejahteraan hidup belia. Kriteria pengukuran sentiasa ditambah baik di mana pada tahun 2015, 12 domain dan 58 indikator telah dibangunkan untuk mengikut keperluan semasa keadaan belia. Kriteria yang terdapat dalam IBM 2015 ialah pembangunan kendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, kesihatan, pendidikan, kesejahteraan ekonomi, keselamatan, penggunaan media, bebas tingkah laku devian, sosialisasi politik, dan waktu senggang.

Beberapa program pembangunan telah dijalankan dalam usaha melonjakkan status ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, seperti Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) memerlukan tenaga kerja produktif khususnya golongan belia yang berilmu dan berkemahiran. Dalam RMK 11 dijangkakan sejumlah 1.5 juta peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan. RMK 11 turut memberi penekanan untuk menjayakan Dasar Belia Malaysia (DBM) melalui pengupayaan, pendidikan, latihan kemahiran, keusahawanan dan kesukarelawan. Terdapat pelbagai lagi usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan keupayaan belia seperti Program Belia Mahir 1Malaysia, Belia 1Wawasan, *1Malaysia Youth City* dan juga Program Pertukaran Belia Antarabangsa.

Walau bagaimanapun, masih wujud dalam kelompok masyarakat situasi belia yang tercicir dan terpinggir. Ia turut berlaku di negara maju seperti Britain, Korea Selatan, Jepun dan Jerman. Kelompok belia yang tercicir dari arus pembangunan ini dikenali juga sebagai NEET (singkatan dalam English iaitu “*not in employment, education or training*”) iaitu belia yang di luar guna tenaga, tidak terlibat dengan sebarang program pendidikan dan tidak mengikuti sebarang program latihan kemahiran. Sumber data dan maklumat berkenaan dengan golongan belia NEET di Malaysia amatlah kurang. Untuk tujuan penyelidikan asas, penyelidik membuat pengiraan berdasarkan formula *International Labour Organization* (ILO) di mana angka ini agak konservatif. Pengiraan ini mengambil kira bilangan remaja, remaja di dalam guna tenaga, bilangan remaja tidak di dalam guna tenaga tetapi di dalam belajar, latihan dan bilangan keseluruhan remaja. Kadar NEET Malaysia dianggar dengan mengira perbezaan antara jumlah belia negara dengan bilangan belia yang bekerja serta belia yang tidak mengikuti pendidikan atau latihan pada sesuatu tahun.


Jadual 1 merupakan ringkasan senario belia NEET di Malaysia dari tahun 2011 hingga 2014.

Jadual 1 : Senario Belia NEET Malaysia, 2011 – 2014

Umur	2011	2012	2013	2014
15–19	618,394	598,200	579,784	546,002
20–24	292,332	287,444	276,033	262,920
25–29	129,274	127,855.70	121,183	109,278
Jumlah	1,040,000	1,013,500	977,000	918,200
Peratusan NEET daripada Guna Tenaga	8.20%	7.73%	7.17%	6.59%
Peratusan NEET daripada populasi	3.59%	3.45%	3.29%	3.05%

***Sumber:** Kiraan penyelidik berdasarkan formula *International Labour Organization* (ILO)

Tanpa data khusus untuk pengiraan NEET, bilangan sebenar belia NEET agak subjektif. Oleh itu penyelidikan untuk mengenal pasti golongan NEET ini amat penting untuk memastikan belia terpinggir menjadi golongan belia yang produktif. Dalam sektor pekerjaan pula, menurut kiraan daripada data guna tenaga oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2011-2014, belia NEET merangkumi 11.5% daripada keseluruhan sektor pekerjaan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.


Rajah 1 : Insiden NEET Malaysia, 2011 – 2014

***Sumber:** Kiraan dari Data Guna Tenaga, Jabatan Perangkaan 2011-2014

Oleh itu golongan belia NEET ini perlu diberi lebih pendedahan dan motivasi untuk terlibat dalam semua rancangan kerajaan yang dikhurasukan untuk belia agar lebih signifikan membantu Malaysia untuk bersaing di peringkat global.

Kajian tentang NEET ini dapat meneroka isu pasaran buruh dari sudut yang berbeza, di mana satu polisi khusus untuk kumpulan NEET ini dapat dibangunkan. Polisi yang melibatkan golongan belia perlu dirangka untuk mengambil kira perspektif jangka panjang kerana kemahiran dan kualiti yang diperlukan oleh golongan muda memerlukan tempoh yang lebih lama. Polisi yang berkesan perlu memiliki sifat lebih berinovasi seiring dengan perubahan keadaan ekonomi dan

tahap objektif yang ingin dicapai.

Bagi menunjukkan kepentingan dan sumbangan besar belia dan untuk memartabatkan institusi belia agar memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara, kerajaan bercadang mengubah had umur belia kepada 15 hingga 30 tahun. Selain menjadi guna tenaga produktif, kerajaan juga menyediakan prasarana latihan untuk belia di Malaysia menjalani latihan dan meningkatkan tahap kemahiran untuk bersedia dalam bidang pekerjaan. Antara tempat latihan terbabit yang menawarkan pelbagai bentuk pendidikan dan latihan kepada belia seperti institut pengajian tinggi atau kemahiran seperti TNB *Integrated Learning Solution* (ILSAS), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Giat MARA.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini adalah mengenai senario belia NEET di Malaysia yang terdiri dari golongan suri rumah dan golongan tercicir dari persekolahan (school drop-out). Kebanyakan negara yang telah menjalankan kajian dan mengumpulkan maklumat untuk membentuk profil bagi golongan belia NEET seperti negara Eropah, China, Jepun dan Britain, mendapati bahawa golongan belia wanita yang terlibat sebagai NEET adalah lebih tinggi berbanding belia lelaki. Di samping itu belia NEET sama ada lelaki atau wanita telah dikenal pasti sebagai golongan yang tidak aktif dan mendorong kepada kemerosotan pasaran buruh di negara tersebut.

Topik perbincangan berkisar kepada golongan di luar guna tenaga buruh yang semakin mendapat perhatian di kalangan penyelidik negara maju. “Latent workforce” iaitu satu istilah yang merujuk kepada golongan di luar guna tenaga buruh namun berpotensi untuk digembleng bagi membolehkan mereka menyertai pasaran pekerjaan. Seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2, terdapat 12 kategori di bawah “latent workforce” iaitu orang kurang upaya, ibu tunggal, pesara, suri rumah, banduan serta bekas banduan, bekas penagih, orang asli, warga emas, miskin tegar, golongan tercicir daripada persekolahan (drop-out), bekas pesalah juvana dan golongan gelandangan (Jabatan Tenaga Kerja, 2015).

Memandangkan kajian ini merupakan antara kajian terawal di Malaysia yang mengkaji isu kumpulan terpencil ini maka tumpuan akan diberikan kepada dua kategori utama iaitu, suri rumah dan golongan tercicir dari persekolahan. Kajian ini menggunakan istilah kerja rumah berbanding suri rumah kerana terdapat juga responden lelaki (suami) yang terlibat.

Jadual 2: Kategori bagi “*Latent Workforce*”

Kategori di bawah “ <i>latent workforce</i> ”	
1	Kurang upaya
2	Ibu tunggal
3	Pesara
4	Suri rumah
5	Banduan serta bekas banduan
6	Bekas penagih
7	Orang asli
8	Warga emas
9	Miskin tegar
10	Golongan tercicir dari persekolahan (drop-out)
11	Bekas pesalah juvana
12	Golongan gelandangan

Definisi NEET yang digunakan oleh kajian ini diasaskan oleh *International Labour Organisation* (ILO) iaitu individu yang berusia antara 15 hingga 29 tahun dan disepanjang tempoh kajian tidak berada dalam sistem pendidikan rasmi, tidak bekerja dan juga tidak mengikuti latihan dari mana-mana institusi latihan.

Seperti yang ditunjukkan sebelum ini, berdasarkan pengiraan daripada data guna tenaga oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2011-2014, belia NEET merangkumi 11.5% daripada keseluruhan sektor pekerjaan. Walaupun jumlahnya nampak kecil, tetapi dengan mengambil kira pengalaman negara maju lain, kadar NEET ini berhubungan secara positif dengan kadar pertumbuhan negara. Oleh itu dengan mengkaji corak ini lebih awal, kita berkemungkinan akan dapat mengelakkan trend yang sama dari berlaku di Malaysia. Walaupun pelbagai dasar dan bantuan telah disediakan, namun, insiden belia NEET masih wujud. Usaha untuk mengatasi masalah kelompok ini perlu diteruskan dan ditambah baik. Kekurangan maklumat atau pangkalan data (*database*) yang lengkap menyebabkan isu NEET sukar ditangani. Sehubungan itu, menjadi persoalan menarik untuk dikaji dalam konteks Malaysia ialah hubung kait belia NEET dengan demografi dan faktor utama yang menyebabkan belia ini tergolong dalam kelompok NEET.

Berdasarkan literatur/sorotan kajian yang sedia ada dan pemerhatian yang telah dijalankan terhadap situasi di Malaysia, didapati bahawa sumber data dan maklumat berkenaan dengan golongan belia yang terlibat dengan NEET amatlah kurang. Hal ini menyebabkan wujudnya kesukaran kepada ahli penggubal polisi dan pihak-pihak tertentu untuk merangka strategi bagi membanteras dan mengurangkan gejala NEET di negara kita. Malahan, data dan maklumat tersebut juga tidak dapat diperoleh melalui laman data Jabatan Perangkaan. Bagi mengatasi isu kekangan data dan maklumat belia NEET, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan membangunkan profil berkaitan golongan NEET. Objektif seterusnya adalah untuk

mengenal pasti faktor NEET di kalangan belia di Malaysia, melalui temu bual dalam kumpulan fokus dan juga temu ramah dengan agensi tertentu untuk maklumat sekunder.

Masalah belia NEET perlu diberi perhatian khusus kerana kelompok ini merupakan modal insan yang masih berada pada umur produktif namun tersisih daripada terlibat aktif dalam ekonomi dan juga turut menyumbang kepada jumlah penduduk yang berpendapatan rendah (*Bottom 40*). Selain daripada itu, peningkatan sosio-ekonomi belia NEET akan memperbaiki pencapaian Indeks Belia Malaysia.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian berkenaan isu NEET di Malaysia boleh dianggap antara pelopor awal untuk mengupas isu berbangkit bagi belia NEET daripada terus terpinggir dalam pembangunan negara. Di sinilah letaknya kepentingan kajian ini iaitu mendapatkan saranan secara “*bottom up*” oleh kumpulan NEET sendiri dalam usaha kerajaan menggilap potensi diri kumpulan minoriti ini. Kajian ini dapat mengimbangi keberkesanannya dasar kerana terdapat syor-syor yang spesifik agar menepati kumpulan sasaran iaitu belia NEET.

KAJIAN LITERATUR

Mula diperkenalkan di Britain, perkataan singkatan NEET (*not in employment, education and training*) kemudiannya meluas ke negara lain termasuklah Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Kajian NEET ini telah meluas di negara maju, contohnya Elder (2015) telah melaksanakan kajian NEET di 41 buah negara. Menurut *International Labour Organization*, NEET ditakrifkan sebagai peratusan populasi bagi sesuatu kelompok umur 15 hingga 30 tahun yang tidak bekerja dan tidak terlibat dalam pendidikan ataupun latihan (ILO, 2013a). Di Britain, definisi NEET merangkumi belia yang berumur di antara 16 hingga 24. Antara golongan yang lebih terdorong kepada NEET adalah golongan yang menganggur, tidak mencapai grade tahap 5 atau lebih GCSEs grade A-C, golongan yang telah dibuang atau digantung sekolah, golongan yang mempunyai anak sendiri dan golongan yang kurang sempurna atau mempunyai kecacatan. Manakala di Jepun golongan NEET adalah yang berumur di antara 15 hingga 34. Tiga golongan yang lebih terdorong kepada NEET adalah golongan anak muda atau berkahwin tetapi tidak bekerja, kurang pengalaman bekerja, keciran daripada pendidikan, golongan yang tiada kawan dan tiada kemahiran dalam komunikasi. Di China pula golongan NEET lebih kepada anak-anak muda yang memilih untuk tinggal bersama ibu bapa dan bergantung dengan keluarga dan mereka yang tidak mempunyai keyakinan diri untuk mencari pekerjaan disebabkan oleh taraf pendidikan.

Jadual 3 di bawah menerangkan ringkasan definisi dan ciri-ciri NEET negara tersebut bagi tujuan perbandingan.

Jadual 3: Definisi dan Ciri NEET di Negara Britain, Jepun dan China


Britain	Jepun	China
1. Anak muda yang berumur 16-24, tidak berada dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan	Individu yang berusia 15 hingga 34 tahun yang tinggal bersama ibu bapa mereka mencari pekerjaan, daripada tidak bersekolah tetap, atau mendapatkan menghadiri sekolah pendidikan dan mana latihan bagi tujuan mendapatkan pekerjaan.	Anak-anak muda yang memilih untuk mencari pekerjaan, daripada menghadiri sekolah atau mengikuti latihan khas.
2. Seseorang yang menganggur atau tidak aktif daripada segi ekonomi dan sama ada mencari kerja atau tidak aktif atas sebab selain daripada pelajar atau penjaga di rumah.	Golongan anak muda yang berkahwin tidak bekerja dan bergantung dengan dikategorikan sebagai NEET.	Mereka yang yang bekerja dan kecinciran kurang daripada itu daripada pendidikan. dikategorikan sebagai NEET.
3. Golongan muda mencapai tahap 5 atau lebih GCSEs grade A-C, bekerja dan kecinciran sekiranya kurang daripada itu daripada pendidikan.	Kurang pengalaman kerja dan kecinciran tiada daripada pendidikan.	Mereka yang yang tidak mempunyai keyakinan diri untuk mencari pekerjaan disebabkan oleh taraf pendidikan
4. Golongan yang telah dibuang atau digantung sekolah lebih kawan dan terdorong untuk terlibat dengan NEET berbanding mereka yang sebaliknya.	Golongan yang tiada kawan dan tiada terdorong untuk terlibat dengan kemahiran dalam NEET berbanding mereka yang komunikasi.	
5. Golongan yang mempunyai anak sendiri lebih terdorong untuk terlibat dengan NEET berbanding mereka yang sebaliknya.		
6. Golongan yang kurang sempurna, mempunyai kecacatan lebih terdorong untuk terlibat dengan NEET berbanding dengan mereka yang sebaliknya.		

Sumber: Kompilasi penulis dari pelbagai kajian lepas

Daripada jadual ini didapati, setiap negara membuat pelarasian dari segi definisi NEET agar lebih menepati ciri-ciri keadaan persekitaran dan cara kehidupan masyarakat setempat.

Masalah dan Kesan NEET: Pengalaman dari Negara Lain

Mengikut kajian NEET di Britain oleh Darlington (2012) yang berdasarkan *Labour Force Survey-Office for National Statistics* (2015) menunjukkan jumlah belia NEET meningkat setiap tahun dan jumlah yang terburuk adalah sepanjang tahun 2011 hingga 2012 seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Tren NEET 16 to 24 tahun di Britain (2001-2014)

***Sumber:** Tinjauan Tenaga Buruh - Pejabat Statistik Kebangsaan (2015).

Kajian lepas menyatakan kesan yang disebabkan oleh NEET ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu belia, komuniti dan negara. NEET menyebabkan belia kurang keyakinan diri, hilang motivasi, tahap kesihatan yang rendah (merokok, mengambil dadah, tekanan, "anxiety" dan masalah mental). Mengikut Simon Cox (BBC News, 24 Ogos 2011), golongan NEET adalah 20 kali lebih cenderung untuk terlibat dalam jenayah dan 22 kali lebih cenderung untuk terlibat dalam seks bebas dan mengandung di luar nikah. Selain itu, masalah yang sangat ketara bagi belia NEET adalah kehilangan pendapatan yang agak besar iaitu sebanyak £50 000 dibandingkan dengan belia yang bukan NEET dan hampir £225, 000 berbanding dengan seorang graduan (Impetus, 2014). Untuk kesan pada komuniti di Britain, kajian menunjukkan masalah NEET boleh menjurus kepada masalah gelandangan, penyalahgunaan dadah dan pelacuran. Manakala jenayah juvana didapati bertambah dengan anggaran sebanyak £23 juta seminggu. Akhir sekali kesan pada negara

adalah peningkatan kepada perbelanjaan awam, pengangguran dan cukai. Jumlah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan Britain disebabkan masalah NEET ialah kira-kira £22 bilion manakala jumlah pendapatan yang hilang akibat NEET adalah £77 bilion setahun.

Faktor Pendorong Belia NEET

Faktor utama wujudnya golongan NEET adalah faktor sosioekonomi dan pengaruh ibu bapa (Impetus, 2014). Kecenderungan untuk menjadi NEET adalah tertumpu kepada belia yang mempunyai ibu bapa tanpa kelulusan yang tinggi dan tiada pengalaman pendidikan di peringkat menengah atau kolej. Menurut Cox (2011), dua golongan berpotensi sebagai belia NEET adalah remaja yang tercicir dari persekolahan (school dropout) dan juga pelajar sekolah ataupun kolej yang sering ponteng atau tersisih di sekolah.

Bacher, et.al (2014) pula menunjukkan belia tergolong ke dalam NEET kerana kegagalan untuk mendapatkan tahap pendidikan yang diperlukan dengan faktor seperti latar belakang sosial yang terkebelakang, kekurangan sokongan daripada keluarga dan rakan, disamping kekurangan dari segi bahasa dan kebolehan berkomunikasi. Di samping itu, diskriminasi dan prejudis serta peminggiran sosial juga adalah faktor kegagalan untuk mendapatkan pekerjaan.

Rahman, (2006) dalam kajian NEET di Jepun, menemuramah dan menyоal selidik keatas pelajar sekolah menengah atas pelajar tahun 1 kolej dan universiti dan ketua kumpulan yang tiada mempunyai sebarang pengalaman bekerja. Hasil kajian menunjukkan mereka yang cenderung menjadi NEET adalah individu yang mempunyai karakter terlalu sensitif dan tidak suka atau tidak berupaya menyesuaikan diri kepada sesuatu keadaan dan situasi disebabkan keadaan keluarga, sekolah, sosial dan suasana tempat kerja.

Bynner dan Parson, (2002) pula menjalankan kajian jangkamasa panjang dengan mengambil data dari “*British Birth Cohort*” untuk tahun 1970 telah menemui beberapa faktor yang menyebabkan NEET. Mereka mendapati selain pencapaian akademik yang rendah, dua faktor lain yang menyumbang adalah kehidupan bandar bagi remaja lelaki dan kurangnya perhatian ibu bapa ke atas pendidikan mereka bagi remaja perempuan. Bagi remaja lelaki kekurangan pengalaman bekerja adalah satu masalah bila berada di dalam pasaran kerja, manakala bagi remaja perempuan kebanyakannya mereka adalah kalangan ibu muda. Kajian oleh *European Foundation for the Improvement of Living and Working Conditions* (2012) pula mengenal pasti faktor yang menyebabkan seseorang akan tergolong ke dalam NEET adalah kos ekonomi dan sosial.

Langkah Untuk Mengurangkan NEET

Untuk mengurangkan masalah NEET pelbagai negara menggunakan cara yang berbeza. Pada tahun 2009, kerajaan Britain memperkenalkan Skim Jaminan Belia yang menawarkan jaminan pekerjaan, latihan atau pengalaman pekerjaan kepada mereka

yang berumur 18 hingga 24 tahun yang aktif mencari pekerjaan dalam tempoh 6 bulan (Goujard, et.al, 2011). Terdapat tiga elemen yang kritikal yang perlu diberikan perhatian untuk mengurangkan NEET iaitu pertamanya adalah penyusunan semula badan yang bertanggungjawab. Adalah amat perlu adanya kerjasama antara mereka yang ditugaskan untuk mengendalikan hal ehwal belia dengan golongan majikan dan wakil belia atau belia itu sendiri. Segala aktiviti yang dijalankan perlu dinilai dengan teliti supaya dapat membentuk strategi tempatan yang berkesan. Keduanya adalah pengurusan dan organisasi yang cekap di mana langkah terbaik adalah apabila keseluruhan organisasi dapat memberikan komitmen yang padu untuk membentuk program yang dapat membantu golongan NEET. Kebiasaannya halangan utama adalah kekurangan dana untuk melaksanakan program. Akhir sekali adalah pembelajaran tertumpu (fokus) di mana kaedah terbaik untuk mengurangkan masalah NEET haruslah ada penumpuan dan prihatin terhadap keperluan individu-individu tertentu di mana ini biasanya melibatkan pembelajaran tidak formal dan juga peranan Kerajaan Tempatan dan Sukarelawan.

Dengan tujuan untuk membantu belia NEET, Hori (2005a) mencadangkan untuk menubuhkan jaringan sosial di kalangan belia menganggur dan penubuhan *Artificial Public Employment* di mana ia dijangka akan dapat meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi. Hori (2005b:8) juga mencadangkan penubuhan satu jaringan yang sama bagi sekolah dan agensi yang menyokong belia untuk membantu memajukan dan mengumpulkan kemahiran pekerjaan. Walaubagaimanapun, aktiviti di pusat perkembangan belia (afe kerja, selamat kerja, pusat pembawa dan lain-lain) dan badan sukarelawan (NPOs) memberikan tanggapan dan gambaran bahawa NEET adalah sebagai satu bahan eksperimen.

Oleh itu, untuk mengelakkan sasaran mereka daripada merasa rendah diri dan hilang keyakinan diri, institusi yang berkaitan dan media massa seharusnya merancang aktiviti mereka dengan teliti. Sistem pengambilan pekerja bagi graduan baru juga mempunyai peranan yang penting. Contohnya di Jepun, sistem pengambilan kerja seumur hidup telah dihapuskan untuk mengelakkan hilang keyakinan dan tawar hati diri sekiranya mereka gagal dalam beberapa percubaan dalam pencarian kerja. Amalan sebelum ini di mana persetujuan dibuat antara majikan, sekolah dan badan awam boleh merencatkan percubaan awal bakal graduan untuk mencari pekerjaan dan juga merencatkan pendidikan. Oleh itu, adalah amat perlu untuk mengemas kini polisi dan undang-undang buruh bagi memastikan adanya program yang proaktif di institusi perkembangan kemahiran vokasional di samping kemudahan fizikal untuk mereka yang memerlukan khidmat penjagaan kesihatan. Ketelitian dalam menangani masalah dan revolusi psikologi adalah perlu dari semua institusi terlibat, pihak keluarga hingga ke kerajaan, bagi menangani masalah NEET dan isu-isu lain yang timbul dan berkaitan dengannya.

METODOLOGI

Kajian ini adalah mengenai belia yang terpinggir dari segi pekerjaan. Hasil daripada kajian literatur dan perbincangan dengan pakar industri, instrumen untuk kajian

dibangunkan. Pengumpulan data adalah melalui perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan temu bual bersama agensi-agensi yang terlibat. FGD melibatkan sampel seramai enam hingga dua belas untuk setiap sesi untuk menjamin mutu dan kawalan perjalanan perbincangan (Onwuegbuzie, Dickinson, Leech & Zoran, 2009). Populasi bagi kajian ini adalah belia yang terpinggir dari pekerjaan di Malaysia. Kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan sampel meliputi semua 13 buah negeri di Malaysia yang terdiri dari golongan kerja rumah dan golongan drop out atau dikenali sebagai keciciran dari segi pekerjaan.

Secara umumnya kajian menggunakan 2 instrumen, iaitu borang maklumat diri responden dan soalan bersemuka kaji selidik. Lima soalan utama diajukan kepada responden yang terpinggir daripada segi pekerjaan seperti jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Soalan Utama

No. Soalan

- 1 Adakah anda berminat untuk bekerja/menyertai mana-mana pekerjaan?
 - 2 Adakah anda mendapat dorongan dan sokongan daripada mana-mana pihak?
 - 3 Adakah anda pernah bekerja sebelum ini?
 - 4 Adakah anda pernah terlibat dengan usaha mencari pekerjaan selama tempoh anda tidak bekerja?
 - 5 Pada pandangan anda, apakah faktor yang menyebabkan anda tidak bekerja/tidak mencari pekerjaan pada tempoh semasa?
-

Daripada jadual di atas, soalan adalah yang berkaitan dengan minat, dorongan, pekerjaan terdahulu, usaha mencari dan faktor tidak bekerja. Selain itu ada juga soalan halangan berstruktur juga turut ditanyakan terhadap responden seperti berikut jadual 5 berikut.

Jadual 5: Soalan Halangan Berstruktur

No. Soalan

- 1 Pada pandangan anda, adakah faktor budaya tempat tinggal mempengaruhi keputusan anda untuk mencari pekerjaan?
 - 2 Pada pandangan anda, adakah kemudahan infrastruktur seperti kemudahan sistem pengangkutan menjadi salah satu faktor yang menghalang daripada mencari pekerjaan?
 - 3 Pada pandangan anda, adakah faktor kekangan internet mempengaruhi keputusan anda untuk tidak bekerja?
 - 4 Pada pandangan anda, adakah kelulusan pendidikan menjadi faktor utama untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan anda?
 - 5 Adakah anda maklum tentang pekerjaan yang sesuai dengan anda walaupun anda berstatus suri rumah/berkahwin/mempunyai kekangan menjaga anak?
 - 6 Pada pandangan anda, apakah pekerjaan yang anda ingin ceburi sekiranya anda mendapat peluang untuk menyertai tenaga kerja?
-

Semasa sesi FGD kaedah pemerhatian untuk mendapatkan informasi terperinci tentang keadaan fizikal responden, situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku semasa sesi FGD dijalankan. Di samping itu untuk sesi perbincangan, catatan dibuat dan juga dirakam dengan menggunakan perakam suara dan video sepanjang sesi perbincangan. Responden juga diberi kupon penghargaan. Kemudian segala sesi perbualan di salin semula dalam bentuk teks sebelum maklumat dipindahkan dengan cara pengekodan maklumat dan pengiraan kekerapan. Soalan dianalisis dengan menggunakan teknik analisa tema dan statistik deskriptif untuk mendapatkan taburan data demografi dan faktor.

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual bersama agensi untuk mendapatkan maklumat bantuan dan saranan yang diperlukan oleh golongan NEET ini. Antara agensi yang terlibat dalam proses temu bual ini adalah:

Jadual 6: Soalan Halangan Berstruktur

No.	Agensi
1	Tekun Nasional (Bahagian Shah Alam Selangor)
2	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
3	Kementerian Pendidikan (Bahagian Kaunseling dan Psikologi)
4	Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) – Bahagian Program E-Rezeki

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data maklumat yang diambil dari 112 orang responden, berikut merupakan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, status, pelajaran, dan kawasan tempat tinggal. Responden juga diajukan soalan mengenai minat untuk bekerja, pernah bekerja, pernah berusaha mencari kerja dan juga dorongan untuk bekerja. Jadual 6 di bawah menunjukkan peratusan maklumat demografi responden.

Jadual 7: Maklumat Demografi Responden Belia NEET

	Data maklumat	Butiran (N=112)	(%)
1	Jantina	Lelaki	27
		Perempuan	73
2	Umur	15-24 tahun	43
		25-30 tahun	54
		Lain-lain	3
3	Status	Bujang	33
		Berkahwin	44
		Bercerai; balu atau duda	23

4	Pelajaran	SPM	56
		Diploma	11
		Sekolah rendah	10
		SRP/SPM	8
		Sijil	7
		STPM	6
		Ijazah	2
5	Kawasan	Bandar	71
		Luar bandar	29
6	Minat untuk bekerja	Berminat	95.5
		Tidak berminat	0.5
7	Pernah bekerja	Pernah	85.7
		Tidak pernah	14.3
8	Pernah berusaha untuk mencari kerja	Pernah	83
		Tidak pernah	17
9	Dorongan untuk bekerja	Diri sendiri	61
		Keluarga	35
		Lain-lain	4.3

Berdasarkan jadual 7 di atas, dari 112 orang responden yang terlibat adalah dari perbincangan kumpulan berfokus bagi kaji selidik NEET. 27% adalah lelaki dan 73% adalah wanita. Manakala 43% daripada responden berumur di antara 15-24 tahun, diikuti oleh 25-30 tahun dengan 54% dan yang lain-lain adalah 3%. Dalam Status perkahwinan 33% responden adalah bujang, diikuti oleh golongan yang berkahwin 44% dan 23% adalah golongan yang bercerai, balu atau duda. Majoriti daripada responden mempunyai SPM iaitu 56%, 11% responden mempunyai diploma, 10% di tahap sekolah rendah, dikuti dengan PMR (8%), sijil (7%), STPM (6%) dan ijazah (2%). Untuk kawasan penempatan, 71% daripada responden tinggal di kawasan bandar manakala 29% tinggal di kawasan luar bandar.

Sejumlah 95.5% responden menyatakan minat untuk bekerja. 85.7% responden menyatakan bahawa mereka pernah bekerja dan 83% pernah berusaha mencari pekerjaan. Untuk dorongan bekerja, 61% responden mendapat dorongan dari diri sendiri manakala 35% bersetuju mereka mendapat dorongan dari keluarga. Manakala 4.3% menyatakan dorongan bekerja adalah dari lain-lain sumber.

Faktor Belia Terpinggir dari Segi Pekerjaan

Dapatan daripada kajian mendapat terdapat beberapa faktor yang menyebabkan belia tidak bekerja di kategori seperti yang ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 8: Faktor Belia Tidak Bekerja

Data maklumat	Butiran	% (N=112)
Faktor tidak bekerja	Peribadi	45
	Tempat kerja	28
	Keluarga	23
	Logistik	4
Halangan berstruktur tidak bekerja	Pendidikan	62
	Infrastruktur	17
	Budaya tempat tinggal	11
	Intenet	10
Pekerjaan yang diminati	Berniaga/bekerja sendiri	52
	Lain-lain	36
	Kerja swasta	9
	Kerja kerajaan	4

Berdasarkan jadual 8 di atas, 45% faktor yang menyebabkan belia tidak bekerja adalah disebabkan oleh masalah peribadi. Dimensi yang terlibat adalah seperti mereka kurang mendapat pendedahan mengenai maklumat peluang pekerjaan. Sebagai contoh seorang peseerta dari Kelantan mengeluarkan kenyataan berikut:

“Saya kan saya duduk rumah kan, mungkin kurang pendedahan kot. Kita mari sini baru tahlulah. Lepas dari ni boleh tengok pendedahan kat luarlah. Orang duduk rumah kan tak tahu, internet gapo”

Di samping itu, faktor status yang telah berkahwin, mengandung atau bersalin adalah sebab biasa untuk responden wanita seperti yang disebutkan oleh responden dari Pahang:

“...Saya tak kisah pun mana-mana dapat. Sebelum ni kan saya berkahwin. Saya dapat kontrak... Tapi suami tak bagi, menyesal sangat.”

“...Masa saya habis diploma, saya mengandung. Sekarang anak saya umur dah 1 tahun. ...”

Walaubagaimanapun ada juga responden yang tidak mahu bekerja kerana telah selesa dengan keadaan hidup mereka sekarang dan menyatakan bosan dan penat untuk bekerja seperti yang dinyatakan oleh responden berikut dari negeri Terengganu:

“...Pernah. Kerani IT. Dua ke tiga tahun... Sebab ayah di kedai makan.. Kerja bosan...”

“..Saya memang tak minat. Saya bosan, dan ramai orang tak faham...”

“...Tak pernah. Tak minat kerja dengan orang...”

Terdapat responden yang menyatakan faktor kesihatan seperti tidak boleh berdiri lama membuatkan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapat dan melakukan kerja seperti responden berikut:

“...macam saya ada masalah kaki saya. Tak boleh melakukan pergerakan banyak. Tak boleh berdiri lama...”.

Faktor tempat kerja menduduki tempat kedua dengan 28%. Beberapa dimensinya adalah seperti tawaran gaji yang rendah, masa kerja yang panjang dan tidak fleksibel, majikan tidak mahu pekerja yang sudah berkahwin, diskriminasi jantina oleh majikan dan budaya tempat kerja juga turut mempengaruhi.

Faktor keluarga 23% juga turut menjadi antara faktor utama belia tidak bekerja, dengan kebanyakan responden menyatakan faktor menjaga anak kecil di samping kos yang tinggi untuk menghantar anak ke pusat jagaan menyebabkan responden NEET. Akhir sekali faktor keempat iaitu logistik 4% terdiri daripada masalah pengangkutan dan kerja yang ditawarkan jauh dari tempat tinggal juga antara penyumbang kepada belia menjadi NEET.

Selain itu, analisis juga turut dibuat ke atas halangan berstruktur menyebabkan belia tidak bekerja. 62% belia menyatakan faktor pelajaran seperti tahap pendidikan mereka menyebabkan mereka NEET. (sokong dengan kenyataan dari FGD). Mereka merasakan akibat daripada keciciran dalam pelajaran (drop-out) mendorong kepada faktor halangan untuk mendapat pekerjaan yang dirasakan sesuai. Semasa ditanya kenapa tidak cuba mencari pekerjaan yang sesuai, seorang peserta dari Kelantan menjawab

“ ...kalau ada kita nak cuma tak jumpa carilah. Saing kita ada masuk tapi saing ada diploma, degree, kita tak layaklah...”

Halangan berstruktur seterusnya dengan peratusan yang tinggi adalah adalah kemudahan infrastruktur. 17% responden bersetuju kemudahan infrastruktur seperti ketiadaan pengangkutan awam di kawasan tempat tinggal menyebabkan kesukaran yang dihadapi mereka untuk ke tempat kerja. Seperti yang diluahkan oleh peserta di Sabah.

“...bagus kamu kan, kamu boleh dapat apa saja di bandar, macam kami di pendalaman ni, sukar untuk kami dapat apa yang kamu ada, dari segi pelajaran kami, kami juga mahu ditambahbaik, kami perlukan kenderaan, kemahiran...”

Masalah pengangkutan dari peserta negeri Terengganu:

“..masalah pengangkutan ..nampak iklan kerja tapi tak ambil yang jauh-jauh, semua jauh...”

“..bas itu ada, tapi tak selalu lalu. Contohnya kita kena masuk kerja pukul 8. Bas pun lalu pukul 8.30. Susah nak kerja...”

Kedaan ini pula seperti yang dihadapi oleh peserta dari Sarawak.

“...kebanyakannya di kampung dah takda bas, dulu ada bas. 1 jam kena tunggu, pergi kerja pun lambat, nak beli kereta tak mampu. Pengangkutan awal kalau ada jarang-jarang dan tak masuk ke kawasan kampung. Prebet sapu kena tunggu penuh baru jalan..”

Selain itu, ada juga responden bersetuju bahawa budaya tempat tinggal dan persekitaran tempat tinggal seperti pengaruh jiran dan keluarga terdekat menyebabkan mereka menjadi NEET (11%). Contoh faktor budaya persekitaran oleh peserta dari Terengganu.

“...semua orang kerja kedai keluarga uruskan perniagaan. Jadi rasa tak penting nak kerja lain...”

Contoh faktor budaya persekitaran oleh peserta dari Perak.

“..budaya tempat tinggal mempengaruhi ... jiran-jiran suka menyibuk...”

Contohnya faktor budaya persekitaran dalam masyarakat kita oleh peserta dari Negeri Sembilan.

“...budaya kabel dalam kerajaan. Maka saya rasa ini kerajaan ke swasta ke sama posisinya. Kalau tak da orang dalam, walaupun belajar ijazah atau sarjana dan sampai PhD, pun payah juga kan kalau tak ada orang dalam. Jadi pada saya itu tak patut lah budaya tu...”

Akhir sekali hanya 10% dari responden yang bersetuju bahawa ketiadaan Internet menjadikan mereka NEET. Seperti komen daripada peserta dari Negeri Sembilan.

“..kadang-kadang ada belia bersungguh-sungguh tapi tak tahu sebab tiada promosi. Yang tiada pendedahan. Maka kena bagi kaunseling. Kerajaan perlu turun dan tengok sendiri. Tapi yang pendalaman pun tiada kemudahan internet...”

Semasa sesi FGD, responden juga turut diajukan soalan mengenai pekerjaan yang diminati. Sebahagian besar responden menyatakan bahawa mereka lebih cenderung untuk membuka perniagaan/kerja sendiri (52%). Antara dimensi perniagaan/kerja sendiri yang diminati adalah ingin membuka kedai roti, katering, butik, jahitan, andaman, pembinaan, penternakan dan perniagaan dalam talian. Manakala 36% responden menyatakan minat untuk bekerja lain-lain, sebagai contoh jurulatih sukan. Akhir sekali 9% berminat untuk kerja swasta dan 4% berharap mereka diberi peluang untuk kerja kerajaan.

Bantuan

Kajian ini juga telah mendapatkan maklumat berkaitan bantuan yang diharapkan oleh golongan belia NEET. Maklumat yang diperoleh daripada sesi FGD telah di analisa mengikut tema dan kekerapan ianya disebut semasa sesi FGD. Secara keseluruhannya, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 8, merupakan perkara utama mengenai bantuan yang diharapkan oleh golongan belia NEET.

Jadual 9: Bentuk Bantuan yang Diharapkan Belia NEET

Jenis bantuan yang diharapkan	
1	Meningkatkan peluang kerja dalam bidang kemahiran
2	Hebahan/ Promosi pekerjaan yang lebih meluas
3	Bantuan modal, peralatan, dan lokasi strategik untuk memulakan perniagaan
4	Kemudahan keadaan kerja
5	Kemudahan komunikasi dan informasi
6	Kemudahan urusan pinjaman kewangan
7	Sistem gaji minimum di perkemaskin

Berdasarkan jadual 9 di atas, belia NEET mengharapkan agar pihak berkait meningkatkan peluang kerja dalam bidang kemahiran. Kebanyakan responden berminat untuk menyertai latihan kemahiran, akan tetapi tidak merasakan tidak yakin terhadap peluang pekerjaan yang ada yang memerlukan kepakaran bidang kemahiran tersebut.

Selain itu hebahan promosi pekerjaan yang lebih meluas juga merupakan bentuk bantuan yang diharapkan oleh golongan NEET. Antaranya seperti meningkatkan maklumat mengenai bidang kerja yang memerlukan latihan kemahiran, memberi informasi tentang peluang pekerjaan melalui TV dan iklan, dan juga membuka gerai peluang pekerjaan di pasar raya untuk memberi informasi kepada belia terutamanya belia luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan internet.

Bantuan modal, peralatan, dan lokasi strategik untuk memulakan perniagaan juga merupakan antara saranan bantuan yang diperlukan oleh belia NEET. Golongan peniaga yang baru hendak mula bermiaga perlulah menjadi golongan sasaran untuk menerima bantuan ini bagi mengurangkan kos untuk memulakan perniagaan mereka. Agensi dan kerajaan juga disarankan untuk membuat tindakan susulan dengan perkembangan perniagaan yang dijalankan selepas memberi bantuan modal dan proses pembayaran balik peminjam bagi membendung penyalahgunaan wang yang dipinjam. Harapan agar kerajaan mengenalpasti dan memberikan lesen perniagaan kepada mereka yang benar-benar memerlukan juga merupakan saranan yang diberikan. Kerajaan juga disarankan untuk membendung aktiviti penjualan lesen kepada pihak ketiga bagi meraih keuntungan.

Di samping itu, kemudahan keadaan kerja juga diperlukan sebagai saranan bantuan oleh belia NEET. Antaranya adalah seperti memberi perhatian untuk mengadakan waktu kerja yang fleksibel untuk golongan ibu tunggal bagi memudahkan mereka bekerja sekali gus menjaga anak kecil dan menghantar mereka ke sekolah. Kemudahan pengangkutan juga turut menjadi permintaan belia NEET.

Kemudahan komunikasi dan informasi seperti menyediakan jaringan internet yang lebih mudah dan lancar terutama di kawasan pendalamatan untuk memudahkan urusan perniagaan dan juga meningkatkan pendedahan kepada belia tentang peluang kerja dalam internet juga merupakan cadangan bentuk bantuan yang diharapkan kepada pihak kerajaan.

Selain itu, kemudahan urusan pinjaman kewangan seperti menyediakan pinjaman mikro kredit yang kurang tekanan dan kadar bunga, Waktu pembayaran pinjaman yang lebih fleksibel, Memudahkan proses pinjaman dan karenah birokrasi atau orang dalam, dan juga pinjaman perniagaan tanpa prosedur yang rumit adalah sangat dihargai oleh golongan belia NEET.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, belia lingkungan umur 15-29 tahun menjadi golongan NEET terdiri dari beberapa faktor seperti yang telah diperbincangkan sebelum ini. Berdasarkan pemerhatian, pihak penyelidik mengklasifikasikan syor mengatasi NEET ini kepada isu keciciran daripada sistem pekerjaan atau lebih dikenali sebagai belia terkeluar dari guna tenaga. Syor yang dicadangkan ini memberi tumpuan kepada memperkasakan program yang sudah sedia ada dan juga penstrukturkan semula program dan diambil kira selaras dengan Rancangan Malaysia kesebelas (RMK-11). Penekanan terhadap dua cadangan utama iaitu mengenai isu keciciran daripada segi pekerjaan, pertama strategi pemerkasaan di mana pelan strategi bertindak sebagai usaha intensif meningkatkan kemahiran dan meningkatkan kebolehpasaran. Manakala strategi kedua ialah penyatuan semula di mana pelan strategi ini bertindak sebagai usaha intensif untuk menggalakkan belia untuk kembali menyertai pekerjaan.

Antara syor yang dicadangkan adalah seperti Pendekatan Khidmat Kaunseling dan Psikologi. Satu penemuan yang ditemui dalam kajian NEET di Eropah berpunca daripada kekangan masa kaunselor sekolah dalam membantu pelajar (Cedefop, 2010). Perkara ini juga ditemui dalam perbincangan kumpulan fokus, faktor dorongan menjadi suatu isu yang sepatutnya di ambil kira. Keberkesanannya perkhidmatan kaunseling ini boleh diukur melalui perwujudan pakar kaunselor mengikut bidang yang berbeza.

Antara strategi pemerkasaan yang dicadangkan adalah program kebolehpasaran belia seperti Program meningkatkan kemahiran yang mendapat perhatian ketika ini seperti Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Pemerkasaan Program Latihan Kemahiran Belia juga adalah keperluan bagi strategi kebolehpasaran belia. Seperti di UK, Skim Jaminan Belia yang menawarkan jaminan pekerjaan, latihan atau pengalaman pekerjaan kepada mereka yang berumur 18 hingga 24 tahun yang aktif mencari pekerjaan dalam tempoh 6 bulan (Goujard, et.al, 2011) telah diadakan semenjak tahun 2009. Program 1Belia 1Kemahiran dianjurkan bagi memberi ruang dan peluang kepada para belia daripada kumpulan sasar untuk menyertai latihan Persijilan Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Langkah ini didapati selari dengan contoh yang dibuat oleh Kerajaan UK yang memperkenalkan “Jaminan September” (*September Guarantee*) yang memberi jaminan tempat belajar yang sesuai untuk pelajar sekolah yang berusia 16 atau 17 tahun (Lupton et.al (eds), (2009). terhadap kumpulan sasaran yang tercicir daripada arus akademik. Antara strategi penyatuan semula yang dicadangkan adalah Galakan Penyertaan Belia NEET Yang Maksimum Program PADU dan program 3K Belia Bestari di bawah Kementerian Belia Sukan adalah program yang bersesuaian di naik taraf dan diberi perhatian menarasarkan kepada belian NEET Malaysia ketika ini. Program Projek Angkat dan Upaya (PADU) di bawah kementerian Belia dan Sukan(KBS) iaitu satu pendekatan baharu untuk membimbing serta mendekati belia berisiko tinggi terlibat dalam jenayah diyakini mampu membantu belia daripada dipergunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab sebagai ‘askar-askar upahan’ oleh kumpulan kongsi gelap, samseng dan sindiket dadah.

development they will not share too much as the preference to keep that kind of relationship can only happen if they knew them personally. This is in line with Haythornthwaite (2005) who stated that social network sites enable users to make their profiles visible to familiar people and that most of the time interaction takes place with people they already know offline. Thus it would not be wrong to say these youths disapprove being close too online unless they were their old friends. These youths moved in social groups in an effort to be more accepted but were wary about social ills and related cybercrime. They is a tendency or desire to communicate using SNS is very high among youths as they are able to do it within their comfort zone without meeting them face-to-face. Parents do play a role in their children online behavior to some point, although parents do not question their children's involvement in SNS. This finding could be related to the younger group who are still at school. Either parents may be ignorant on cyber activities or they do not have the time to monitor their children. This is something to be concerned about as youths are vulnerable to social ills. It is also interesting to find parents who befriend their children online and this surely allows them the opportunity to tap on the children's online behavior to some point.

CONCLUSION AND RECOMMENDATIONS

The study explores how youths between ages 15 and 30 used the diverse social networking sites to develop and engage in maintaining friends. On the whole, the study does not support claims suggesting that users replace face-to-face socializing with SNS (Turkle, 2011). What motivates them to be involved in SNS reveals that friends, especially old friends, are considered very important to these youths and social networking is a good way of keeping their friendship going. Although the youths do not connect to SNS regularly, having them in their list of friends is considered important to them. As it is a preferred mode as far as friendship is concerned.

However, the respondents strongly believed that they needed to have face-to-face interactions with them from time to time. Social networking sites are also considered an important platform for them to keep abreast with happenings around the world. Some felt that being on SNS also helped them in their language development as they managed to improve their writing to some point. The findings also revealed that social networking was more for academic reasons as they were a need and less in terms of moral support. These youths also reported that SNS played an important role for social support among friends. Youths are aware of the cybercrimes that take place in the SNS and they are careful of the privacy matters especially being on SNS with people they respect like their teachers or lecturers. In conclusion, this research proves that today's youths have become very dependent on social networking sites. Although they claim to spend long hours in SNS, it is not worrying as they seem to know their limits.

On the contrary if they spend a great deal of time online without participating in other useful events or activities it can affect their all-round development. This also limits their face-to-face interaction with people causing them to lack people skills or inter-personal skills. This pattern of keeping friends could contribute to the lack of social and community values. Although we have embraced a borderless world which is considered healthy in terms of knowledge sharing and collaborating, a world without privacy has its drawbacks and may not be healthy. “Whether the Internet is increasing or decreasing social networking could have enormous consequence for the society and for people’s well-being” (Kraut et al., 1998:1017). This research was carried out in the Klang valley with youth in secondary schools and institutions in higher learning. It is recommended that a bigger research be carried out with a multi-informant pool as the findings may show different patterns of youth engagements via social media.

Acknowledgement

This study was supported by a research grant by Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) - SK-2012-005.

REFERENCES

- Boyd,D. 2006. Friends, Friendsters, and MySpace Top 8: Writing community into being on social network sites. *First Monday*, 11(12). Retrieved July 21, 2007 from http://www.firstmonday.org/issues/issue11_12/boyd/
- Boyd, D. M., & Ellison, N. B. 2007. Social Network Sites: Definition, History, and Scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), 210-230.
- Cauce, A. M., Felner, R. D., & Primavera, J. 1982. Social support in high-risk adolescents: Structural components and adaptive impact. *American Journal of Community Psychology*, 10, 417–428.
- Chan K.S. & Cheng H.L. 2004. A comparison of offline and online friendship qualities at different stages of relationship development. *Journal of Social and Personal Relationships*. SAGE Publications. Vol. 21(3): 305–320.
- Dunbar, R.I.M. 2008. Cognitive Constraints on the Structure and Dynamics of Social Networks, *Group Dynamics: Theory, Research and Practice* 12: 7-16.
- Dunbar, R.I.M., Barrett, L. and Lycett, J. 2005. *Evolutionary Psychology*. Oxford: Oneworld Publications.
- Dunbar, R.I.M. 2004. Social Cognition as a Constraint on Social Interaction, *Journal of Cultural and Evolutionary Psychology* 2: 181-194.

- Greenhow, C., and Robelia, B. 2009. Old communication, new literacies: Social network sites as social learning resources. *Journal of Computer Mediated Communication*, 14:1130-1161.
- Gross E.F. 2004. Adolescent Internet Use : What We Expect, What Teens Report. *Applied Development Psychology* 25, 633-649.
- Hartup, W. W. 1989. Social relationships and their development significance. *American Psychologist*, 44, 120-126.
- Haythornthwaite, C. 2005. Social networks and Internet connectivity effects. *Information, Communication & Society*, 8(2), 125-147.
- <http://www.thefreedictionary.com/friendship> Retrieved on 22nd May 2012
- <http://thesocialskinny.com/100-more-social-media-statistics-for-2012/> Retrieved on 16th April 2012
- <http://www.gavick.com/magazine/who-uses-the-most-popular-social-networking-sites.html> Retrieved on 28th April 2012
- Kraut, R. E., Patterson, M., Lundmark, V., Kiesler, S., Mukhopadhyay, T., & Scherlis, W. 1998. Internet paradox: A social technology that reduces social involvement and psychological well-being? *American Psychologist*, 53(9), 1017-1032.
- Ito, M. 2010. Hanging Out, Messing Around, and GeekingOut: Kids Living and Learning with New Media. Cambridge, Massachusetts: The MIT Press.
- Mesch G.S., and Talmud I. 2006. Online Friendship Formation, Communication Channels and Social Closeness. *International Journal of Internet Science* 1(1), 29-44.
- Mikami A.Y. et. al. 2010. Adolescent Peer Relationships and Behavior Problems Predict Young Adults' Communication on Social Networking Websites. *DevPsychol* 46(1), 46-56.
- Mikami A.Y. & Szwedo D.E. 2011. Social Networking in Online and Offline Contexts. *Encyclopedia of Adolescence*. Springer Science and Business Media, LLC.
- Moorman J. and Bowker A. 2011. The University Facebook Experience : The Role of Social Networking on The Quality of Interpersonal Relationships. *The American Association of Behavioral and Social Sciences Journal* (15).

- Muhammad Kamarul Kabilan, Norlida Ahmad & Mohamad Jafre Zainol Abidin.
2010. Facebook: An Online Environment For Learning of English in Institutions Of Higher Education? *Internetand Higher Education* 13: 179–187
- Pahl, R. 2000. On Friendship. Cambridge: Polity Press.
- Turkle, S. 2011. Alone together: Why we expect more from technology and less from each other. New York: Basic Books.
- Wentzel, K. R. 1994. Relations of social goal pursuit to social acceptance, classroom behavior, and perceived social support. *Journal of Educational Psychology*, 86, 173-182.
- Wright, P. H. 1984. Self-referent motivation and the intrinsic quality of friendship. *Journal of Social and Personal Relationships*, 1, 115–130.

Author's Profile:

Pramela Krish, PhD

Associate Professor

Head of Postgraduate Programme

School of Language Studies and Linguistics

Faculty of Social Sciences and Humanities

Universiti Kebangsaan Malaysia.

pramela@ukm.edu.my

Fazilah Idris, PhD

Associate Professor in Ethnic Relations

Pusat Citra

Universiti Kebangsaan Malaysia.

fazilah.idris@gmail.com

KECENDERUNGAN PERSONALITI BELIA DALAM PENULISAN MEDIA SOSIAL

MOHD SHAHREMY IKMAL SHAHBUDIN

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk melihat kecenderungan personaliti remaja dalam penulisan kiriman blog di internet. Informan yang dipilih terdiri daripada remaja perempuan yang aktif menulis dalam kiriman blog dan berusia 19 tahun yang dipilih secara rawak. Dapatkan kajian menunjukkan informan remaja perempuan ini mempunya kelima-lima kecenderungan personaliti iaitu Extraversion, Neuroticism, Agreeableness, Openess dan Conscientiousness. Kelima-lima kecenderungan personaliti yang wujud ini dipengaruhi oleh tema, faktor emosi dan pengaruh dalam penulisan kiriman blog ini. Kajian juga mendapati bahawa personaliti remaja perempuan berubah akibat daripada pengaruh emosi dan faktor lainnya. Dapatkan kajian juga mendapati empat pengaruh faktor yang wujud ialah perlukan ketetapan dan sandaran, bersifat kawalan, dorongan dan risiko dalam personaliti.

Kata Kunci: Personaliti, Blog, Bahasa, Internet dan Remaja

ABSTRACT

This study aims to look at the trend of personality traits in writing blog posts on the internet. Informants were selected consists of active female adolescents who write in blog posts and 19 years old were selected at random. The findings showed that the informant's teenage girls have five personality tendencies ie Extraversion, Neuroticism, Agreeableness, openness and Conscientiousness. These five trends that shape personality is influenced by the theme, emotional factors and influence in the writing of this blog post. The study also found that adolescent girl personality changed as a result of the influence of emotions and other factors. The results also showed four significant factors that influence the needs assessment and backup, control nature, encouragement and risks in personality.

Keywords: Personality, Blog, Language, Internet and Teen

PENGENALAN

Internet kini menjadi salah satu daripada kepentingan dan keperluan dalam kehidupan manusia di seluruh dunia. Jumlah penggunaannya juga semakin meningkat sejak awal terciptanya internet ini. Penggunaannya meningkat dengan wujudnya pelbagai aplikasi yang memudahkan untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Internet di Malaysia berkembang pada tahun 1995. Dalam Laporan Digital, Social & Mobile (2015), Malaysia mempunyai jumlah penduduk sebanyak 30.1 juta, dan daripada jumlah penduduk itu, 20.1 juta adalah pengguna internet iaitu 66 peratus daripada

keseluruhannya. Menurut laporan berkenaan lagi, sebanyak 16.8 juta penduduk atau 55 peratus menggunakan media sosial sebagai komunikasi.

Kini, perkembangan rangkaian sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Blog telah mula memberikan ancaman kepada pengguna internet. Meskipun perkembangan rangkaian sosial ini memberikan kebaikan kepada pengguna internet, keburukannya tetap wujud. Pengaruh negatif ini dilihat wujud melalui komunikasi dalam teks yang digunakan untuk berinteraksi dengan komuniti yang sama dalam penggunaan internet. Dalam kajian yang dijalankan oleh pihak SKMM (2012), menunjukkan yang penggunaan utama pengguna internet di Malaysia adalah komunikasi dalam teks. Jadual 1 di bawah menunjukkan penggunaan utama pengguna internet di Malaysia.

Jadual 1: Penggunaan Internet Mengikut Kegunaan Utama di Malaysia

Penggunaan	2008	2009
Mendapatkan maklumat	94.4	76.9
Berkomunikasi melalui teks	84.7	76.9
Aktiviti waktu lapang	63.5	50.1
Pendidikan	64.5	46.0
Aktiviti kewangan	31.8	27.2
Perkhidmatan Awam	29.2	19.6
Transaksi e-kerajaan	19.8
Urusniaga saham dalam talian	5.9
Lain-lain	0.7	7.6

Namun demikian, akibat daripada penggunaan internet yang berleluasa ini menyebabkan golongan belia yang merupakan pengguna internet tertinggi di Malaysia terdedah kepada ancamannya. Ancaman yang wujud dalam internet adalah seperti penyebaran maklumat negatif, jenayah siber, pornografi dan pengaruh politik. Ancaman yang berlaku ini disebabkan oleh penulisan teks dalam internet yang digunakan oleh pengguna internet. Melalui penulisan teks dalam internet ini, personaliti sebenar belia akan dapat dikenal pasti. Ini telah dibuktikan dalam kajian-kajian terdahulu seperti Amichai-Hamburger (2002) yang membincangkan mengenai setiap kecenderungan personaliti dalam penulisan teks di internet terutamanya dalam kalangan perempuan yang menjadi pengguna paling banyak menggunakan internet.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

- 1) Mengenal pasti kecenderungan personaliti belia perempuan dalam penulisan di internet.

- 2) Mengenal pasti pengaruh terhadap kecenderungan personaliti belia perempuan di internet melalui penulisan blog.

SOROTAN KAJIAN

Kajian-kajian dalam mengenal pasti personaliti individu terutamanya dalam kalangan belia melalui penulisan teks di internet telah dijalankan oleh banyak pengkaji-pengkaji di seluruh dunia. Internet menjadi pilihan dalam kalangan belia kerana telah menyediakan ruang untuk berkomunikasi di antara satu sama lain (Heitner, 2003). Selain itu, internet juga telah membantu golongan belia dengan memudahkan kerja yang dilakukan dengan lebih pantas, fleksibiliti dan pengurusan yang lebih efisyen (Hills & Argyle's 2003; Mohd Amirul Zulkifli, 2011). Oleh yang demikian, akibat daripada perkembangan internet ini telah memberikan kesan terhadap transformasi kehidupan manusia.

Seiring dengan perkembangan internet, rangkaian sosial merupakan medium penting kepada pengguna internet untuk berinteraksi dan berkomunikasi (Glicker, 2010). Rangkaian sosial boleh digunakan untuk bersosial, bertukar maklumat dan melahirkan idea, bertujuan negatif seperti keganasan dan penyebaran bahan pornografi. Berbeza dengan penggunaannya di Malaysia, keutamaan penggunaan rangkaian sosial adalah lebih kepada pendidikan, hiburan, politik dan komunikasi (Mohd Amirul Zulkifli, 2011; Ruzy Suliza Hashim, 2007). Walaupun terdapat pelbagai kegunaan rangkaian sosial ini, kelebihan utama berkomunikasi melalui rangkaian sosial ini adalah kerana penggunaannya lebih pantas berbanding komunikasi lain dalam internet (Abbas dan Singh, 2014).

Berdasarkan kepada perkembangan rangkaian sosial *Myspace* dan *Facebook* ini, kajian-kajian berkaitan rangkaian sosial menjadi pilihan pengkaji-pengkaji di Malaysia kerana perkembangannya yang sentiasa pesat membangun dan menarik perhatian ramai pengguna-pengguna internet di Malaysia (Subrahmanyam & Smahel, 2011; Ruzy Suliza Hashim, 2007; Latiffah Pawanteh & Abd Rahim Samsuddin, 2001). Komunikasi dalam rangkaian sosial ini melibatkan penggunaan teks antara satu sama lain.

Komunikasi melalui teks dapat dilihat dalam kajian yang telah dijalankan oleh Suraya Hamid, Sherah Kurnia, Jenny Waycott dan Shanton Chang (2010), yang melihat penggunaan rangkaian sosial seperti *blog*, *facebook* dan lain-lain sebagai pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar institusi pengajian tinggi. Dalam dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji ini, menunjukkan bahawa melalui interaksi rangkaian sosial memberikan kesan terhadap interaksi dan komunikasi antara komuniti dalam kelompok yang sama. Seterusnya, pengaruh dalam rangkaian sosial ini menjadikan penyampaian dan perkembangan maklumat yang disampaikan lebih pantas dan penerimaannya cepat contohnya seperti dalam *blog*.

Blog merupakan salah satu daripada rangkaian sosial popular dan menjadi

pilihan kepada pengguna internet untuk berkomunikasi (Wang, Xiang & Ma, 2010). Misalnya, berdasarkan kepada sebuah pangkalan data penyelidikan di Amerika Syarikat, sebanyak 12 juta blog dikemaskini setiap hari dan sebanyak 57 juta pembaca membaca kiriman *blog* berkenaan sekurang-kurangnya sekali (*The Pew Internet and American Life Project*, 2006). Dalam kajian Williams dan Jacobs (2004), pengkaji telah melihat potensi *blog* sebagai medium pembelajaran dalam sektor pendidikan tinggi. Kedua-dua pengkaji ini memberikan pandangan bahawa blog adalah medium mudah dalam komunikasi dan secara tidak langsung membantu dalam mewujudkan kolaboratif, perkongsian idea dan perbincangan positif (Hiler, 2002). Bagi pengkaji, populariti utama *blog* adalah melalui interaksi dan perkongsian maklumat yang berkesan kepada pembaca khasnya. Seterusnya pengkaji memberikan pandangan bahawa kiriman *blog* oleh penulis, maklumbalas daripada pembaca adalah luahan pendapat yang bernalas dalam percambahan perbincangan interaksi kalangan penulis dan pembaca (Williams & Jacobs, 2004). Dalam kajian sebelumnya oleh Hiler (2002), mengelaskan *blog* sebagai medium teknologi yang bervariasi dan positif dan juga negatif.

Kajian berkaitan maklum balas dan interaksi melalui laman *blog* telah dikaji oleh Duce dan Lomicka (2008), kedua-dua pengkaji ini melihat kepada reaksi antara penulis blog dan pembaca blog di internet. Pengkaji telah melihat sejauh mana penggunaan blog masa kini dan maklum balas peribadi dalam kalangan penggunaannya. Hasil dapatan kajiannya menunjukkan wujud dua sifat iaitu positif dan negatif yang wujud dalam kalangan pengguna dan pembaca *blog*. Sifat positif dan sifat negatif ini pula dipengaruhi oleh karakteristik pengguna dan pembaca ketika menggunakan laman *blog* sebagai komunikasi.

Ancaman di internet turut berleluasa dalam rangkaian sosial seperti *blog*. Misalnya, dalam kajian oleh Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli (2011), kajiannya berfokuskan kepada ancaman *blog* di Malaysia masa kini. Kajiannya telah merungkaikan sejarah awal perkembangan dunia internet di Malaysia dan seterusnya membawa kepada perkembangan dunia *blog* dalam politik. Menurutnya, titik permulaan *blog* adalah melalui reformasi politik yang dipelopori oleh pemerhati daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang. *Blog* dijadikan medium komunikasi untuk perbincangan dan pandangan yang dilontarkan untuk setiap pengikut setia parti politik di Malaysia. Selain daripada itu, dalam kajiannya juga mendapati bahawa penyampaian maklumat melalui *blog* adalah lebih pantas jika dibandingkan dengan berita di media ekstrim. Melalui dapatan kajian ini, kebebasan bersuara rakyat Malaysia dalam *blog* dan internet tidak terbatas dan mereka bebas untuk melontarkan pandangan, kritikan serta idea terhadap parti-parti politik yang dinaungi tanpa kawalan. Isu-isu utama yang dibangkitkan oleh penulis *blog* berkaitan *blog* adalah lebih kepada isu ketelusan pilhanraya dan hak asasi manusia dalam ekonomi dan sosial di Malaysia.

Sebelum ini, kajian yang sama berkaitan kebebasan bersuara dalam *blog* turut dijalankan oleh Braman (2009), pengkaji telah melihat kaitan antara kewujudan

blog sebagai alat teknologi dan demokrasi di Malaysia. Melalui kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa *blog* adalah tempat untuk perkongsian idea, percambahan minda dan juga sebagai pengaruh kepada pengguna internet di Malaysia. Dalam hal ini, pengkaji menyatakan bahawa pengaruh wartawan media massa yang menulis di laman *blog* lebih pantas menyampaikan berita dan respon yang diterima juga adalah lebih cepat berbanding dengan berita secara fizikal. Justeru, pengkaji dalam kajian ini berpendapat bahawa *blog* dijadikan medium kebebasan yang digunakan untuk bersuara dan meluahkan pandangan dan pendapat tanpa sekatan terhadap dunia politik di Malaysia.

Selain daripada kelebihan interaksi dan komunikasi, laman *blog* juga dilihat wujudnya perbezaan penggunaan antara kedua-dua gender. Misalnya, dalam kajian Ali Salman dan Mohd Safar Hashim (2009) yang dijalankan sebelum ini, pengkaji ini melihat kepada kemampuan pengguna wanita Melayu yang aktif menggunakan internet setiap hari. Kajian penyelidik bertumpu kepada keperibadian dan sikap, faedah dan kesan yang bakal diperolehi oleh wanita Melayu yang menggunakan teknologi internet ini. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa pengguna internet wanita Melayu di Malaysia digunakan secara relevan seperti melayari laman sosial untuk berhubung dengan rakan serta pencarian maklumat untuk kepentingan dirinya sendiri. Oleh yang demikian, penyelidik dalam kajian ini membuktikan yang penggunaan internet dalam kalangan wanita adalah lebih kepada komunikasi.

Seterusnya, kajian yang sama dalam membuktikan tentang keberkesanannya komunikasi melalui internet dan rangkaian sosial juga dilakukan dalam kajian Syed Shah Alam, Paul H.P Yeow dan H.S Loo (2011), melalui kajian empirikal dalam talian internet dan rangkaian penggunaan laman sosial di Malaysia. Hasil dapatan kajian pengkaji menyatakan yang golongan wanita lebih lama mengakses laman sosial di internet berbanding golongan lelaki dewasa. Keputusan kajian penyelidik ini diperolehi melalui kaedah temubual terhadap responden yang dikenalpasti oleh pengkaji. Dalam dapatan kajian pengkaji ini, mendapati yang faktor temujanji atas talian internet dalam komunikasi bergantung kepada faktor masa, penggunaan laman sosial, motivasi dan faktor sampingan yang lainnya. Kesan daripada faktor ini, menyebabkan golongan dewasa ini mencari ruang dan masa untuk melayari internet bagi melengkapkan keperluan dan keinginannya. Implikasi daripada penggunaan rangkaian sosial dalam internet ini, memberikan kesan negatif dan pendedahan kepada pencerobohan makumat peribadi yang sukar dibendung.

Dalam kajian Sharifah Sofiah S.Z., Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong dan Mohd Nizam Osman (2011), melihat kepada ketagihan penggunaan *facebook* dalam kalangan remaja perempuan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan UNITEN. Sampel kajian ini diperolehi melalui 380 orang pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia dan UNITEN yang aktif menggunakan *facebook*. Kajian ini dijalankan menggunakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Dapatan kajian oleh pengkaji-pengkaji ini menunjukkan bahawa, faktor utama kalangan pelajar wanita di Universiti Kebangsaan Malaysia ini menggunakan *facebook*

adalah untuk interaksi sosial bersama rakan, pengisian masa lapang, hubungan komunikasi dan hubungan bersama rakan terdekat. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa pengguna rangkaian sosial seperti *facebook* perlu bijak mengelaskan unsur negatif dalam penggunaan rangkaian sosial ini.

Kesan daripada perbezaan bahasa memberikan kesan kepada makna asal bahasa yang digunakan itu. Misalnya, dalam kajian, telah melihat penggunaan bahasa Inggeris dalam transformasi linguistik dalam *blog* yang menyebabkan wujudnya penggunaan bahasa Inggeris baru. Pengkaji ini telah menggunakan Model Tiga Lingkungan Kachru sebagai panduan untuk melihat penggunaan bahasa Inggeris dalam wilayah negara yang menuturkan bahasa Inggeris. Pengkaji telah menggunakan kaedah fundamental kualitatif dan kuantitatif dalam menganalisis data kajian. Seramai 10 orang penulis *blog* berbangsa Cina berumur 22 hingga 24 tahun dipilih berdasarkan kepada gaya penulisan yang berbeza. Dapatkan kajian yang diperolehi oleh penyelidik melalui *blog* ini menunjukkan bahawa pengguna bahasa Inggeris di dunia memiliki hak untuk membuat penambahbaikan kerana transformasi dalam bidang linguistik sentiasa berlaku masa kini. Selain itu, penyelidik juga menyatakan bahawa remaja Malaysia yang menulis *blog* dengan menggunakan bahasa Inggeris adalah untuk mengungkapkan perasaan mereka dan juga untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan sesama mereka.

Dalam kajian pengkaji ini telah melihat dua buah *blog* milik wanita di Malaysia yang melahirkan idea secara bercanggah melalui penulisan *blog* antara mereka. Menurut penyelidik, *blog* yang ditulis oleh wanita digunakan untuk melahirkan pendapat peribadi kepada umum dengan paparan yang unik dan menarik. Tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik pada tahun 2007, sebanyak 64 peratus pengguna *blog* di Malaysia adalah wanita berbanding penggunaannya oleh remaja lelaki. Hasil daripada kajian ini membuktikan yang wanita lebih menguasai penulisan kiriman *blog* berbanding dengan remaja lelaki.

Hasil daripada paparan mengenai kajian-kajian terdahulu mengenai *blog* ini, jelas menunjukkan yang *blog* memberikan kepelbagaiannya kelebihan dan juga mempunyai kekurangannya sendiri berbanding dengan laman sosial yang lain. *Blog* yang dibina oleh pengguna internet terutamanya dalam kalangan remaja ini turut dibuktikan mempengaruhi personaliti individu yang menggunakaninya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini menggunakan kaedah kajian kualitatif sepenuhnya terhadap seorang sahaja remaja perempuan berusia 19 tahun. Ini kerana pengguna dalam kalangan remaja perempuan adalah paling aktif menggunakan internet di Malaysia. Penyelidik hanya memilih seorang sahaja remaja perempuan untuk dianalisis kerana ingin melihat gaya komunikasi remaja perempuan di internet. Remaja perempuan ini dipilih secara rawak oleh penyelidik bagi melihat personalitinya melalui penulisan kiriman *blog*. Kajian kualitatif ini dipilih kerana

dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji yang akan menentukan apa yang hendak dikaji, dan seterusnya membantu dalam melengkapkan data dengan sumber yang lainnya (Silverman, 2007; Cresswell, 2008). Dalam pendekatan kajian kualitatif ini akan menjawab persoalan kajian yang telah dibina bersesuaian dengan tujuan kajian. Namun demikian, setiap kaedah kajian mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing (Paton, 2002).

Pendekatan kualitatif yang dipilih oleh penyelidik ini berdasarkan kepada pemerhatian, analisis kiriman blog dan analisis data yang telah disaring daripada analisis kiriman *blog* sepanjang tahun 2012. Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan kepada ketetapan penyelidik yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan (Jorgensen, 1989). Justeru, penyelidik memilih kaedah penyelidikan kualitatif ini bagi memahami remaja perempuan dan interaksi pada laman sosial blog yang digunakan (Moleong, 2004; Sekaran, 2000). Selain itu, pemilihan kaedah kajian kualitatif ini berupaya membantu penyelidik memfokuskan kepada cara interpretasi dan pengalaman yang dilalui oleh manusia dalam kehidupan (Holloway, 1997). Penyelidikan kualitatif diperoleh melalui penelitian berhubung kait dengan penyelidikan ilmiah, interpretasi, kajian lapangan, kajian kes, informasi dan etnografi. Selain daripada itu, penyelidikan kualitatif ini dipengaruhi oleh pemikiran manusia yang simbolik maknanya.

Proses penyelidikan memerlukan kaedah kajian dan reka bentuk kajian bagi menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan dalam penyelidikan. Kaedah atau teknik penyelidikan merupakan metodologi penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data (Sekaran, 2000). Pendekatan dan cara penganalisan data perlu dikenalpasti agar bersesuaian dengan objektif kajian yang digariskan kerana kegagalan kaedah pengumpulan data atau metodologi kajian yang sesuai akan menghasilkan maklumat yang kabur dan tidak bersesuaian serta mengakibatkan berlakunya beban maklumat (Mohd Majid, 1990). Bagi Cresswell (2003), penyelidikan kualitatif ini merupakan pendekatan untuk membangun pernyataan pengetahuan berdasarkan kepada perspektif konstuktif misalnya makna-makna yang bersumber daripada pengalaman individu, nilai-nilai sosial sejarah, tujuan membangunkan teori atau berdasarkan kepada perspektif partisipatori misalnya orientasi terhadap politik, isu, kolaorasi atau perubahan. Pendekatan kualitatif ini digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang dibina sesuai dengan tujuan kajian.


Dalam pendekatan ini, penyelidik akan melihat remaja berinterpretasi dalam dunia sosial. Berdasarkan kepada pendekatan ini, penyelidik akan menganalisis data melalui pengumpulan kiriman *blog* oleh remaja perempuan yang aktif menulis kiriman blog dan kemudiannya ditetapkan berdasarkan interpretasi teks dalam teori yang dipilih oleh penyelidik. Menurut Miles dan Huberman (1994), penyelidik menuruti minat informan yang dikaji secara berterusan dan dalam kajian ini, penyelidik menyusuri kiriman *blog* remaja dalam bentuk teks sepanjang tahun 2012. Kiriman teks dalam *blog* ini dipengaruhi beberapa faktor seperti tingkah laku, gaya kehidupan seharian, perhubungan, bahasa dan penggunaan bahasa. Oleh

yang demikian, faktor berkenaan menepati ciri-ciri yang dimiliki oleh remaja ketika berkomunikasi di internet (Hamburger, 2002; Birnbaum, 2000). Faktor-faktor yang wujud ini seterusnya akan menyerlahkan personaliti remaja perempuan ini dalam komunikasinya di internet melalui kiriman *blog*.

DAPATAN KAJIAN


Dalam dapatan kajian ini, diterangkan secara terperinci hasil daripada analisis yang dijalankan oleh penyelidik terhadap kecenderungan personaliti remaja dalam penulisan *blog*. Dapatan kajian yang dijalankan merangkumi daripada latar belakang informan kajian yang berusia 19 tahun, keaktifan penulisan dalam laman sosial iaitu laman *blog* dan penjelasan berkaitan kelima-lima kecenderungan personaliti dengan penulisan kiriman *blog* oleh remaja perempuan ini. Hasil dapatan kajian terhadap keseluruhan kiriman *blog* oleh kedua-dua informan remaja ini menunjukkan perbezaan dalam penulisan *blog* di internet. Rajah 1 di bawah menunjukkan kewujudan tema dalam penulisan kiriman *blog*.

Rajah 1: Kategori Tema Yang Wujud Dalam Penulisan Kiriman Blog



Dilihat daripada Rajah 1 ini, menunjukkan empat tema ini adalah yang menjana idea kepada informan remaja perempuan ini untuk menulis dalam kiriman blognya sepanjang tahun 2012. Kewujudan setiap tema dalam penulisan kiriman blog oleh informan remaja perempuan ini disebabkan oleh pengaruh yang menjadi pencetus kepada idea penulisan setiap kiriman *blog*. Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh penyelidik, wujudnya empat pengaruh terhadap tema penulisan kiriman *blog* informan ini. Pengaruh terhadap tema penulisan ini ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah.

**Rajah 2: Pengaruh Terhadap Penulisan Kiriman Blog
Informan Remaja Perempuan**



Pengaruh terhadap tema dalam penulisan kiriman *blog* informan remaja perempuan ini terdiri daripada empat iaitu rakan, keluarga, diri sendiri dan lain-lain. Kewujudan keempat-empat pengaruh ini seterusnya akan menyebabkan juga setiap penulisan kiriman *blog* informan berlatarkan emosi dalam penulisannya. Dalam Jadual 2 di bawah menunjukkan emosi yang wujud dalam penulisan kiriman *blog* akibat daripada pengaruh terhadap penulisan kiriman *blog* yang dinyatakan dalam Rajah 1 dan Rajah 2 sebelum ini.

Jadual 2: Emosi daripada Pengaruh Penulisan Kiriman Blog

Emosi	Pengaruh
Keterujaan	rakan, diri sendiri
Kegembiraan	diri sendiri, rakan, lain-lain
Ketidakpuasan	rakan, keluarga, lain-lain
Kesedihan	Keluarga, diri sendiri, lain-lain

Keempat-empat emosi yang dianalisis wujud terdiri daripada keterujaan, kegembiraan, ketidakpuasan dan lain-lain. Analisis menunjukkan yang emosi keterujaan dalam penulisan kiriman *blog* adalah akibat daripada pengaruh rakan dan diri sendiri. Bagi emosi kegembiraan, pengaruhnya dalam penulisan hanya disebabkan oleh diri sendiri, rakan dan lain-lain. Seterusnya, bagi ketidakpuasan adalah disebabkan oleh pengaruh rakan, keluarga dan lain-lain. Dan, bagi emosi kesedihan, disebabkan oleh pengaruh daripada keluarga, diri sendiri dan lain-lain.

Hasil daripada kewujudan tema, pengaruh dan emosi terhadap informan remaja perempuan ini melalui penulisan kiriman *blog*, akan turut mempengaruhi personaliti diri informan berkenaan. Dalam penilaian personaliti individu, Teori *Big Five Personality* yang diperkembangkan oleh McCrae dan Costa (1990) adalah teori yang dominan untuk menilai personaliti individu. Dapatkan data kajian berkaitan

personaliti informan remaja perempuan ini berdasarkan daripada personaliti dalam teori ini ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3: Kecenderungan Personaliti Dan Karakteristik
Informan Remaja Perempuan**

Kecenderungan Personaliti	Karakteristik
<i>Neuroticism</i>	kesedihan, kemarahan, tidak beremosi dan gelabah
<i>Extraversion</i>	mudah berinteraksi, menyendiri
<i>Openess</i>	sikap keterbukaan, hubungan persahabatan, pengetahuan mendalam, kreatif.
<i>Agreeableness</i>	menghindari konflik, mengalah, mudah terpengaruh
<i>Conscientiousness</i>	perancangan, perlukan sokongan, kepimpinan

Daripada Jadual 3, menunjukkan yang informan remaja perempuan ini mempunyai kepelbagaiannya karakteristik yang wujud berdasarkan daripada kecenderungan personaliti yang dinyatakan. Dalam kecenderungan personaliti *Neuroticism*, karakteristik yang wujud dalam penulisan kiriman blog sepanjang tahun 2012 ialah kesedihan, kemarahan, tidak beremosi dan gelabah. Seterusnya, dalam kecenderungan *Extraversion*, hanya dua karakteristik yang wujud iaitu mudah berinteraksi dan menyendiri. Bagi kecenderungan *Openess*, karakteristik yang wujud ialah sikap keterbukaan, hubungan persahabatan, pengetahuan dan sikap kreatif. Kecenderungan seterusnya iaitu *Agreeableness* terdiri daripada karakteristik menghindari konflik, mengalah dan mudah terpengaruh. Dan, bagi kecenderungan terakhir iaitu *Conscientiousness*, wujudnya karakteristik seperti perancangan, perlukan sokongan dan kepimpinan.

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kewujudan tema yang dikirimkan oleh informan remaja perempuan ini dalam penulisan kiriman *blog* sepanjang tahun 2012 disebabkan oleh emosi yang mempengaruhi penulisan kiriman *blog*. Tema yang wujud dalam diri informan remaja perempuan ini terdiri daripada ‘aktiviti luaran’, ‘hobi dan minat’, ‘aktiviti pengajian’ dan ‘penulisan keperibadian.’ Pengaruh daripada rakan, keluarga, diri sendiri dan lain-lain menyebabkan perubahan emosi berlaku meskipun dalam penulisan kiriman *blog* tema yang sama. Perubahan emosi ini dapat dilihat dalam penggunaan kata ganti nama diri dalam penulisan kiriman *blog*. Jadual 4 di bawah menunjukkan perkaitan antara kata ganti nama diri dengan emosi yang wujud dalam penulisan kiriman *blog* informan remaja perempuan.

Jadual 4: Perkaitan Kata Ganti Nama Diri dan Emosi dalam Kiriman Blog

Kata ganti nama aku	Emosi
I (saya)	ketidakpuasan, keterujaan, kesedihan ketidakpuasan, kesedihan, kegembiraan.
Saya	keterujaan, kegembiraan
Orang	ketidakpuasan
Along	keterujaan

Penggunaan kata ganti nama diri dalam Jadual 4 ini menunjukkan penggunaannya yang berbeza antara satu sama lain. Dalam penggunaan kata ganti nama diri ‘aku’, keadaan yang tidak memberikan kepuasan kepada informan dihasilkan dalam penulisan kiriman *blog* dengan emosi ketidakpuasan. Emosi ketidakpuasan ini dilihat wujud ketika informan berada dalam konflik diri dan konflik dengan persekitaran. Persekutaran informan terdiri daripada diri sendiri, orang terdekat dan situasi yang dilalui spontan atau tidak spontan. Bagi emosi keterujaan, penggunaan kata ganti diri ‘aku’ adalah lebih kepada sifat kekaguman dan kebanggaan. Dan, seterusnya bagi emosi kesedihan, penggunaan kata ganti nama diri ‘aku’ adalah lebih kepada monolog diri sendirian. Berbeza pula dengan kata ganti nama diri ‘I (saya)’, digunakan dalam penulisan kiriman *blog* emosi ketidakpuasan, kesedihan dan kegembiraan. Dalam emosi ketidakpuasan, kata ganti nama diri I (saya) ini digunakan dalam interaksi dan komunikasi monolog diri yang memberikan kepuasan kepada dirinya sendiri. Penggunaannya juga adalah untuk mendapatkan reaksi dan maklumbalas daripada orang lain. Selain itu, dilihat juga penggunaannya untuk pemberitahuan mengenai keadaan diri informan dan situasi yang dilaluinya untuk dikongsikan. Seterusnya, emosi kesedihan dan kegembiraan digunakan dalam dua situasi berbeza. Bagi emosi ‘kesedihan’, kata ganti nama diri ‘I (saya)’ adalah monolog sendirian dan menceritakan perihal keperibadianya. Dan, bagi emosi kegembiraan, penggunaannya untuk perkongsian penceritaannya adalah daripada rakan, keluarga dan persekitaran. Hal yang sama turut wujud dalam penggunaan kata ganti nama diri ‘saya’ yang menyamai penggunaannya dalam kata ganti nama diri I (saya) yang dibincangkan sebelum ini. Dua lagi kata ganti nama diri ‘Along’ dan ‘Orang’ pula digunakan dalam keadaan yang berbeza. Emosi keterujaan berkaitan penceritaan kekeluargaan menggunakan kata ganti nama diri ‘Along’ sepenuhnya. Penulisan menggunakan kata ganti nama diri ‘Along’ ini juga dilihat bertujuan untuk menarik perhatian.

Hasil daripada gabungan tema, pengaruh dan emosi ini seterusnya akan menentukan personaliti informan melalui penulisan kiriman *blog*. Ini bersamaan dengan pandangan yang diutarakan oleh McCrae dan Costa (1990), yang menyatakan bahawa penulisan melalui personaliti individu adalah sama dengan personaliti diri yang sebenarnya. Dalam kajian yang dijalankan penyelidik ini, personaliti yang

terbentuk dalam internet melalui penulisan kiriman blog ini menyebabkan perubahan identiti melalui penulisan meskipun perlakuan realitinya kekal. Penyelidik melihat melalui kajian ini cenderung untuk bertindak membina identiti sendiri melalui dunia internet yang popular dan maju masa kini. Identiti yang dibina melangkaui kemampuan identiti realiti mereka yang sebenar. Oleh yang demikian, penyelidik mendapati wujudnya empat faktor utama dalam pembentukan identiti kedua-dua remaja yang berlainan gender ini. Penyelidik melihat melalui kajian ini cenderung untuk bertindak membina identiti sendiri melalui dunia internet yang popular dan maju masa kini. Identiti yang dibina melangkaui kemampuan identiti realiti mereka yang sebenar. Oleh yang demikian, penyelidik mendapati wujudnya empat faktor utama dalam pembentukan identiti remaja perempuan ini iaitu:

1) Perlukan Ketetapan dan Sandaran

Dalam konteks ini, penyelidik melihat yang pembinaan identiti berdasarkan personaliti adalah terbuka dan memberikan kesan kepada remaja. Kesan berkenaan wujud melalui keperluan yang tinggi dan kepeluan yang rendah terhadap pengaruh motivasi penggunaan internet dalam membentuk peribadi dan sifat mereka secara terus itu. Hasilnya nanti, remaja yang berlainan gender ini akan terdedah kepada implikasi dan seterusnya mengabaikan konsep yang bercanggah dalam penerimaan maklumat yang sepatutnya diterima oleh mereka. Dalam analisis juga menunjukkan yang kedua-dua remaja ini bersikap keterbukaan melebihi daripada identiti diri mereka yang sebenarnya dan hubungan sosial dan komunikasi berterusan berlaku dalam kedua-dua sifat positif dan sifat negatif secara serentak.

2) Bersifat Kawalan

Dalam ciri bersifat kawalan ini, penyelidik melihat penulisan kiriman *blog* oleh kedua-dua remaja ini wujud hasil daripada faktor luaran dan dalaman, peristiwa yang berlaku secara kebetulan sama seperti mana yang diperkatakan oleh Rotter (1982). Dalam faktor ini, penyelidik melihat yang remaja perempuan lebih berkeyakinan dan berani dalam menulis sesuatu perkara di luar kemampuan dirinya. Dalam peringkat ini, emosi dan ekspresi menjadi penentu utama kepada remaja untuk melahirkan idea dan mempengaruhi personaliti dalam diri.

3) Dorongan

Analisis terhadap penulisan kiriman *blog* oleh remaja perempuan ini dilihat sebagai pencetus kepada pembangunan idea dan tema untuk diri remaja itu sendiri dan orang yang berada di sekelilingnya. Ini membantu remaja yang dianalisis ini untuk membangunkan diri dan seterusnya membentuk keperibadian ke arah yang sifat yang positif daripada sifat negatif.

4) Risiko dalam Personaliti

Dalam personaliti remaja ini, analisis daripada penyelidik menunjukkan terdapat dua dimensi yang mempengaruhi remaja dalam penggunaan internet

dalam penulisan kiriman *blog*. Dua dimensi berkenaan ialah keperluan untuk pengalaman baru yang bakal dan akan dilalui oleh remaja. Ini kerana remaja perempuan ini akan mengalami proses perubahan peringkat usia, dan personaliti yang ada sekarang ini tidak akan kekal. Dalam peringkat usia selain remaja, faktor-faktor lain seperti situasi dan diri remaja itu sendiri menjadi penentu kepada perubahan personaliti remaja perempuan berkenaan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kewujudan internet menyebabkan personaliti individu remaja perempuan berubah akibat daripada pengaruh terhadap penulisannya. Oleh yang demikian, personaliti sebenar remaja perempuan ini adalah berbeza dengan personalitinya melalui penulisan dalam internet. Dalam internet, personaliti individu boleh berubah dan seterusnya bertindak daripada pengaruh terhadap personaliti dirinya. Personaliti remaja perempuan dalam internet berupaya mempengaruhi personaliti diri. Akibatnya, dengan kemajuan internet masa kini, menyebabkan remaja perempuan mempunyai dua personaliti berbeza yang menjadi punca kepada kewujudan sifat dirinya yang positif dan sifat diri yang negatif.

RUJUKAN

- Abbas, S. dan Singh, AK. 2014. Media Industry Trends and Dynamic: The Social Media Boom. The International Conference On Communication (2014) i-Come 2014, UUM, Langkawi Malaysia.
- Ali Salman & Mohd Safar Hashim. 2009. Sustainability of internet usage: A study among Malay women in a sub-urban setting in Malaysia. European Journal of Social Sciences. 9(3), 433-447.
- Amichai-Hamburger, Y. 2002. Internet and personality. Computers In Human Behaviour. 18,1-10.
- Braman, S. 2009. Internet RFCS as social policy: Network design as regulatory policy, Proceedings of the American Society of Information Society and Technology. Dicapai daripada <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/meet.145.v46:1/issuetoc>
- Ducate, L.,& Lomicka, L. 2005. Exploring the blogsphere: Use of web logs in the foreign language classroom. Foreign Language Annals, 38(3), 4-10.
- Glicker, E. A. 2010. The student writer as blogger: A longitudinal case study of a blogger's critical narrative events. (Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan) Indiana University of Pennsylvania, USA.

- Heitner, E. 2003. The relationship between use of the Internet and social development in adolescence. Dissertation Abstracts International, 63, 4371. Find out more from UK Essays here: <http://www.ukessays.com/essays/psychology/journal-of-research-in-personality.php#ixzz3OLbje3Wl>
- Hiler, J. 2002. Blogs as disruptive tech: How weblogs are flying under the radar of the content management giants. Dicapai daripada <http://www.webcrimson.com/blogdisruptivetech.com.htm>
- Holloway, I. 1997. Basic Concepts for Qualitative Research. Oxford. Blackwell Science.
- Jorgensen, D.L. 1989. Participant observation: A methodology for human studies. Applied Social Research Method Series, vol.15. Newbury Park. California. Sage.
- Latiffah Pawanteh & Abdul Rahim Samsuddin. 2001. Internet usage among adolescent: Patterns of an emerging lifestyle in a media landscape, in Rahimah Hashim & Becker, G. (Eds.) Internet Malaysia, (45-60). UKM.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T., Jr. 1990. Industrial psychology. 6th Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd. Majid Konting. 1990. Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Methods in Educational Research). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 599p, 7th. Printing (2004).
- Moleong, J.L. 2004. Metodologi penelitian kualitatif. Bandung. Remaja Rosdakarya.
- Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. 2010. Ironi komitmen terhadap ICT: Ancaman blog di Malaysia. Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication, 27(1), 53-72.
- Patton, M. Q. 2002. Qualitative research and evaluation methods. Ed. ke – 3.Thousand Oaks: Sage Publications.
- Ruzy Suliza Hashim. 2007. Blogs as their own: A story of two Malaysia women bloggers. Journal of language teaching, linguistics and literature. Dicapai daripada ejournal.ukm.my/~3l/~article/~view/~1032/~0
- SKMM. 2012. Dicapai daripada <http://skmm.gov.my>
- Sharifah Sofiah, Siti Zobaidah Omar, Jusang Bolong & Mohd Nizam Osman. 2011. Facebook addiction among female university students. Revista de Administratie Publiazi Politii Sociale, 2(7), 96-109.

- Sekaran, U. 2000. Research method for business; A skill-building approach. Inc., United States of American.
- Silverman, D. 2007. Interpreting Qualitative Data. 3rd ed. London: SAGE Publications
- Suraya Hamid, Sherah Kurnia, Walcot, J. & Chang, S. 2011. Exploring Malaysia studen'sperspectives of online social networking (OSN) use for higher education. Dicapai daripada http://www.proceedings.com.au/isana/docs/2011/paper_Hamid.pdf
- Syed Shah Alam, Paul H.P Yeow & H.S Loo. 2011. An empirical study on online networks sites usage: Online dating sites perspective. International Journal of Business Management. 6(10), 155-161
- The Pew Internet and American Life Project. 2006. Dicapai daripada http://www.pewinternet.org/files/oldmedia/Files/Reports/2006/PIP_Online_Health_2006.pdf
- William, J. B., dan Jacobs, J. 2004. Exploring the use of blogs as learning spaces in higher education sector. Australian Journal of Educational Technology. Dicapai daripada <http://www.ascilite.org.au/ajet20/williams.html>

Profil Penulis:

Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin
Fakulti Pengajian Bahasa Melayu dan Pendidikan
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
ikmalshah@gmail.com

AMALAN ‘BUDI BAHASA BUDAYA KITA’ MELALUI APLIKASI MEDIA SOSIAL

JAMILAH AHMAD & NUR NASLIZA ARINA MOHAMAD NASIR

ABSTRAK

Budi bahasa merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana ia melambangkan peribadi dan sahsiah diri seseorang itu. Namun sayangnya pada masa kini budi bahasa tidak lagi dilihat sebagai elemen penting yang menyempurnakan peribadi seseorang. Peredaran zaman serta perkembangan teknologi semasa menjadi salah satu sebab mengapa amalan budi bahasa seakan dipinggirkan terutamanya oleh golongan belia. Kajian ini dijalankan untuk mencari pendekatan terbaik dalam memperkasakan kembali amalan berbudi bahasa dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial sebagai medium terbaru yang boleh menarik minat golongan ini untuk mengaplikasikan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian ini menggabungkan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dalam mendapatkan data daripada responden yang dikenal pasti. Hasil kajian mendapati, pengetahuan golongan belia terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ adalah tinggi. Manakala, sikap mereka terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ pula adalah baik dan positif. Daripada segi tingkah laku, hasil kajian mendapati ia berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan, media sosial berupaya mendidik golongan belia tentang amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’. Di samping itu, hasil kajian juga mendapati terdapat tiga faktor yang boleh menarik golongan belia terhadap amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ iaitu daripada segi bentuk mesej, sifat mesej serta cara mesej disampaikan.

Kata Kunci: Media Sosial, Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’, Belia, Pendidikan, Malaysia

ABSTRACT

4.08 min bagi item ini dan responden bersetuju sebanyak 44.2% (221) bahawa Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) diperlukan untuk memajukan ekonomi luar bandar dalam menyumbangkan modal kepada para usahawan belia. SME Bank menyediakan pembiayaan kewangan kepada usahawan yang layak dalam urusan pemilikan syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti untuk dilupuskan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Antara syarat kelayakan Syarikat Sendirian Berhad yang berstatus PKS dan memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh SME Bank.

Jadual 26: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	5	1.0	4.17
Kurang setuju	23	4.6	
Tiada komen	57	11.4	
Setuju	214	42.8	
Sangat setuju	201	40.2	
Jumlah	500	100.0	



Rajah 26: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia juga diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar. Sebanyak 42.8% (214) bersetuju dan 4.17 min bagi soalan ini bahawa bantuan modal yang diperlukan dari bank ini. Bank Rakyat menyediakan Skim Jaminan Usahawan Mara (MEGS) kerjasama antara Bank Rakyat dan MARA) yang menawarkan kemudahan pembiayaan untuk perniagaan yang berdaya maju di mana MARA menyediakan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pembiayaan yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada Syarikat PKS.

KESIMPULAN

Aktiviti ekonomi telah menjadi salah satu sumber pendapatan kepada penduduk di luar bandar. Aktiviti ekonomi ini jugalah yang membawa kepada pembangunan ekonomi masyarakat yang hidup dalam kepompong kemiskinan kerana ia dapat memberi peluang pekerjaan dan membawa kepada pembangunan ekonomi belia. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati responden yang mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 434 orang iaitu 86.8% daripada 500 orang responden. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka kurang menceburii bidang ekonomi dalam kehidupan mereka. Persepsi golongan belia terhadap peluang ekonomi luar bandar yang mencatatkan jumlah tertinggi adalah untuk sektor pertanian. Daripada segi bantuan yang diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar pula, pengkaji mendapati bahawa jumlah tertinggi bantuan yang diperlukan daripada pihak kerajaan untuk membangunkan ekonomi luar bandar adalah bengkel/premis dan ruang niaga. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan belia luar bandar mempunyai kekangan pembukaan premis perniagaan. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan modal disebabkan oleh taraf hidup golongan luar bandar rendah dan kos yang diperlukan untuk pembukaan premis ataupun ruang niaga sememangnya memerlukan modal yang besar.

RUJUKAN

- Afifuddin Hj. Omar 1986. Pembangunan Ekonomi Kaum Tani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. 1994. Research design: Qualitative and quantitative approaches. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Mohd Asri Hj. Abdullah 1999. Industri Kecil Di Malaysia. Pembangunan Dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Amin Abdullah 1989. Pemikiran Ekonomi Islam: Suatu Tinjauan Penulisan Semasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abdul Majid 1993. Fokus Ekonomi. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Rustian Kamaluddin 1999. Pengantar Ekonomi Pembangunan. Jakarta, Indonesia: Lembaga Penerbitan Fakultas Ekonomi.

Profil Penulis:

Siti Khariah Mohd Zubir, PhD
Pensyarah Kanan
Kesusasteraan Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
khariah@fbk.upsi.edu.my

Mohd Ra'in Shaari
Pensyarah Kanan
Linguistik
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
mohd.rain@fbk.upsi.edu.my

KEPERLUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT GOLONGAN BELIA ORANG ASLI DI KUALA LIPIS, PAHANG

ASAN ALI G.H., FAUZI HUSSIN, MOHD KHAIRUDIN KASIRAN,
MOHAMAD HELMI HIDTHIIR & MOHD TARMIZI MUSA

ABSTRAK

Salah satu strategi kerajaan dalam usaha meningkatkan akses teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) ialah melalui Medan Info Desa (MID) terutama di kalangan belia yang tinggal jauh di pedalaman. Artikel ini bertujuan menganalisis faktor penerimaan dan penggunaan TMK di kalangan belia Orang Asli di Pos Sinderut, Kuala Lipis Pahang. Seramai 433 (L=208, P=225) belia masyarakat Orang Asli dipilih sebagai responden. Kaedah penyelidikan kuantitatif yang menggunakan soal selidik telah digunakan sebagai alat ukur dalam proses pengumpulan maklumat. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif serta analisis statistik seperti ujian-t dan ANOVA sehalia. Dapatkan kajian menunjukkan kira-kira 64 peratus responden tidak tahu atau kurang mahir menggunakan telefon bimbit berbanding 89 peratus responden yang tidak tahu atau kurang mahir menggunakan komputer disebabkan mereka tidak memiliki peralatan tersebut. Bagaimanapun persepsi responden terhadap kepentingan teknologi maklumat dalam kehidupan mereka sangat tinggi. Kira-kira 76 peratus responden berminat untuk mengikuti latihan komputer jika disediakan secara percuma. Kekurangan kemudahan asas terutamanya elektrik, ramai belia masih tidak tahu membaca dan menulis, serta tingkat pengetahuan berkaitan TMK yang rendah menjadi faktor mengapa penyediaan kemudahan telecenter yang dilengkapi prasarana teknologi maklumat dan komunikasi masih belum sesuai dibangunkan di kawasan ini.

Kata Kunci: Belia, Orang Asli, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

ABSTRACT

One of the government's strategies to enhance ICT access is via Medan Info Desa (MID), especially among the youth who live further inland. This article is intended to analyze the factors of acceptance and the use of ICT among aboriginal youth in post Sinderut, Kuala Lipis, Pahang. A total of 433 (M = 208, F = 225) aboriginal youths were selected as respondents. Quantitative research methods using questionnaires was used as a measuring tool in the process of gathering information. Data were analyzed using descriptive and analytical statistics such as t-test and ANOVA. The findings show that about 64 per cent of respondents did not know, or less adept at using mobile phones compared to 89 per cent of respondents who did not know or less adept at using computers because they do not have the equipment. However, respondents' perceptions on the importance of Information Technology in their lives is very high. About 76 percent of respondents showed interest in training computer if available. One-way ANOVA analysis showed significant mean difference was

significant ($P = 0.01 < 0.05$) related to the perception on the importance of the use of Information Technology by the youth age category. Post hoc tests revealed that aboriginal youth aged between 15-19 years have higher perception on the importance of Information Technology in their daily lives than other age groups of youth. Lack of basic facilities, particularly electricity. Many youths still do not know how to read and write. The low level of knowledge regarding ICT is a factor why the provision of infrastructure facilities equipped telecenter Information and Communication Technologies are not developed in the area.

Keywords: Youth, Aboriginal, Information and Communication Technology (ICT).

PENGENALAN

Dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan Dasar pembangunan Nasional (1991-2000), perancangan pembangunan Orang Asli lebih fokus kepada pembangunan infra-sosial dan meningkatkan kualiti hidup. Pembangunan modal insan termasuk peningkatan akses kepada teknologi maklumat telah mula diberi penekanan sejak era Dasar Pembangunan Wawasan (2001-2010) dan diteruskan dalam Model Ekonomi Baru (2011-2020). Sejak Dasar Pembangunan Nasional yang meliputi Rancangan Malaysia Kelapan (2001 – 2005) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010) salah satu strategi kerajaan dalam meningkatkan akses teknologi maklumat dan komunikasi masyarakat Orang Asli ialah melalui Medan Info Desa (MID). Telecentre merupakan salah satu tumpuan Agenda Teknologi Maklumat Negara (ATMN) iaitu untuk meningkatkan masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan dan dalam masa yang sama merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut kajian Asan dan Devamany (2015) berkaitan kawasan penempatan semula masyarakat Orang Asli di Cameron Highlands dan Kuala Lipis yang meliputi Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK) mendapati pencawang telefon bimbit dan pusat internet merupakan kemudahan awam paling utama yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli, selain klinik, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, kelas tuisyen, pusat internet, lampu jalan dalam kampung, tadika, peti surat dan bengkel kemahiran. Dalam masa yang sama, kadar keciciran dalam kalangan Orang Asli telah terus berkurangan. Kadar keciciran Orang Asli di peringkat sekolah rendah telah berkurang daripada 39.1 peratus pada tahun 2008 kepada 26 peratus pada tahun 2011 dan kementerian menyasarkan kadar ini berkurangan kepada 15 peratus pada tahun 2015 (Mohd Asri 2012).

Dalam masa yang sama, pihak JAKOA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, KEMAS, PERKIM dan Malaysian CARE telah mengadakan program pendidikan untuk golongan dewasa (Kelas Pendidikan Kesejahteraan Keluarga

dan Pendidikan Literasi Fungsian) bagi meningkatkan tahap pendidikan dan mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli (Kamarulzaman & Osman 2008).

Penerimaan dan penggunaan TMK sama ada melalui komputer atau telefon pintar (smartphone) semakin meningkat terutamanya di kalangan golongan belia sama ada di kawasan bandar atau di kawasan luar bandar. Kejayaan projek TMK untuk masyarakat luar bandar ini sangat dipengaruhi oleh tingkat penerimaan dan penggunaan TMK dalam kehidupan sehari-hari mereka. Tingkat penerimaan dan penggunaan TMK ini pula akan dipengaruhi oleh tingkat literasi (pendidikan) dan pendapatan, faktor sosio-budaya, perkakasan TMK, penyeliaan (pengurusan pusat TMK jika ada) dan khidmat sokongan TMK yang disediakan. Walaupun terdapat kajian (Amir 2009) mengenai penerimaan dan penggunaan TMK dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Bukit Lanjan dan Pulau Carey (Selangor), tetapi tiada kajian mengenai kesediaan dan penggunaan TMK di kalangan belia Orang Asli yang jauh di kawasan pedalaman.

KAJIAN LEPAS

Adalah dijangka, proses globalisasi, liberalisasi yang berjalan seiring dengan perubahan struktur ekonomi kearah K-Ekonomi dan TMK tidak memberi manfaat yang ketara kepada penduduk di kawasan pedalaman yang berhadapan dengan masalah jurang digital yang ketara (Asan 2009). Keadaan ini jika tidak diatasi akan membawa kepada masalah ketidakseimbangan antara sektor, bandar - luar bandar dan menyebabkan kadar produktiviti sektor masyarakat terpinggir tidak mampu bersaing dengan sektor utama pembangunan negara (Asan 2004). Bagi mengatur strategi untuk tujuan mengatasi jurang perbezaan digital antara kawasan bandar dan luar bandar satu polisi telah digubal, “National Strategy of Bridging Digital Divide” (NSBDD) telah digubal untuk menangani tiga isu utama penggunaan TMK berkaitan dengan capaian, penggunaan dan meningkatkan nilai tambah TMK.

Oleh kerana sebahagian besar masyarakat di kawasan pedalaman berada dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, telecentre dijangka dapat meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan dan keusahawanan, meningkatkan akses kepada kemudahan asas dan melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu (Asan & Muszafarshah 2012).

Peranan yang dimainkan kerajaan dan agensi setempat sangat penting dalam memantau dan membantu perkembangan telecentre itu sendiri. Ia meliputi bantuan kewangan, kepakaran dan sokongan dasar yang bersesuaian dalam mewujudkan telecentre tersebut. Kerjasama pemegang taruh ini amat penting dari mula perancangan telecentre seperti mengenal pasti keperluan sehingga ke peringkat penilaian telecenter diwujudkan (Bailur, 2007).

Nilai masyarakat setempat akan mempengaruhi penggunaan telecentre. Sokongan dari segi infrastruktur, sokongan program, sokongan keselamatan dan banyak lagi yang dapat membantu perjalanan sehari-hari telecentre tersebut. Dalam konteks perlaksanaan telecentre di Malaysia, komitmen dan sokongan yang kuat dari masyarakat setempat telah terbukti untuk kejayaan perlaksanaan telecentre di Malaysia (Nor Iadah, et. al. 2010; Zahurin et. al. 2009). Kaktangan telecentre juga merupakan salah satu pemegang taruh penting dalam telecentre di mana mereka inilah yang akan mengurus dan merancang aktiviti yang akan dilaksanakan di telecentre tersebut. Mereka ini adalah peneraju kepada latihan dan pemangkin kepada perubahan dalam masyarakat (Balley, 2009; Razak, 2009).

METODOLOGI KAJIAN

Kawasan yang dipilih bagi kajian ini meliputi kampung-kampung Orang Asli di kawasan pendalaman dalam mukim Hulu Jelai daerah Lipis, Pahang. Kawasan ini terletak dalam Parlimen Cameron Highlands, Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelai. Terdapat enam kawasan penempatan Orang Asli dalam daerah Hulu Jelai yang diduduki oleh 1,775 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 9,206. Kawasan penempatan ini boleh dikategorikan kepada tiga iaitu kawasan pinggir bandar, Rancangan Penempatan Semula (RPS) dan Program Penyusunan Semula Kampung (PPK).

Instrumen Kajian

Responden kajian ialah golongan belia di kawasan kajian yang berumur antara 15 hingga 35 tahun. Berdasarkan data JAKOA Lipis (2012) dianggarkan terdapat seramai 800 orang belia di kawasan kajian. Daripada angka ini, seramai 440 orang belia telah dipilih sebagai responden kajian.

Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik secara bersempua dengan golongan belia melalui kerja lapangan di kawasan kajian. Soalan-soalan dalam soal selidik dirangka berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Satu set soal selidik mengandungi 43 soalan. Teknik soal selidik digunakan memandangkan ia mempunyai kelebihan kerana data yang dikumpulkan adalah untuk mengukur sikap atau persepsi responden.

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum pengumpulan data dan kerja lapangan dijalankan, penyelidik telah menghubungi Ibu Pejabat JAKOA di Kuala Lumpur dan mengisi borang permohonan untuk menjalankan kajian di Pos Senderut. Dalam masa yang sama penyelidik telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk mendapatkan maklumat terkini data populasi Orang Asli, maklumat lokasi kampung dengan pihak JAKOA daerah Cameron Highlands dan JAKOA daerah Lipis.

Sebelum kerja lapangan dimulakan, penyelidik akan memaklumkan kepada pihak JAKOA di Cameron Highland berkaitan tentang lawatan pihak

penyelidik ke kampung-kampung yang berkaitan. Setelah tiba di kampung yang berkenaan penyelidik akan menemui Batin, memaklumkan tentang tujuan lawatan dan memperkenalkan pembanci-pembanci yang akan menemu bual para belia di kawasan yang berkenaan.

Kerja lapangan dijalankan oleh penyelidik dengan dibantu oleh seorang 12 orang pembanci yang terdiri daripada anak-anak Orang Asli di kawasan kajian yang berpendidikan minimum Sijil Pelajaran Malaysia. Semua pembanci dilatih dengan tatacara pertanyaan dan proses mengisi borang soal selidik sebelum kerja lapangan dimulakan. Walaupun soal selidik menggunakan bahasa Melayu, pembanci boleh menemu bual responden dalam bahasa Semai atau bahasa Melayu supaya mudah difahami oleh Orang Asli di kawasan berkenaan. Setiap responden (belia) akan di temu ramah selama sekitar 20 minit. Kerja lapangan telah diadakan selama 6 hari. Dalam masa yang sama, pada sebelah malam, penyelidik mengadakan tayangan wayang di Balai Raya Kg Tidol. Tujuan mengadakan tayangan wayang ini ialah untuk menarik golongan belia ke Balai Raya. Sebelum dan semasa tayangan wayang diadakan, penyelidik akan berinteraksi secara tidak formal dengan para belia untuk mendapatkan maklumat-maklumat asas berkaitan TMK di kawasan kajian.

Bagi mendapat maklumat tambahan, kaedah temu bual berstruktur juga dijalankan dengan menemu bual Ketua Isi Rumah (KIR) masyarakat Orang Asli. Proses menemubual KIR bermula pada sekitar jam dua tengah hari dan tamat sekitar jam enam petang. Masa ini dipilih kerana pada sebelah pagi ramai belia keluar bekerja.

Teknik Analisis Data

Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 22.0 digunakan bagi menganalisis soalan-soalan kajian bagi mendapatkan statistik deskriptif maklumat-maklumat yang diperlukan. Kaedah analisis yang digunakan ialah frekuensi, min dan cross-tab. Selain itu, kajian juga menggunakan Ujian-t sampel bebas bagi menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan berkaitan persepsi belia Orang Asli terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kehidupan sehari-hari mereka berdasarkan jantina. Analisis Ujian ANOVA bagi menentukan perbezaan persepsi terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kalangan belia Orang Asli berdasarkan kategori umur.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan demografi responden iaitu jantina dan kategori umur. Daripada seramai 433 orang responden didapati jumlah responden lelaki iaitu seramai 208 orang (48%) dan responden perempuan adalah seramai 225 orang (52%). Jumlah responden berdasarkan jantina adalah hampir seimbang antara lelaki dan perempuan.

Kategori umur belia masyarakat orang asli yang menjadi responden kajian

ini paling ramai adalah antara belia yang berumur 15 hingga 29 tahun. Responden yang berumur antara 15-19 tahun adalah paling ramai iaitu berjumlah kira-kira 39 peratus, diikuti responden yang berumur antara 20 hingga 24 tahun (27%) dan responden berumur antara 25 hingga 29 tahun (19%).

Jadual 1: Demografi Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	208	48.0
Perempuan	225	52.0
Jumlah	433	100.0
Umur		
15 – 19 tahun	167	38.6
20 – 24 tahun	116	26.8
25 – 29 tahun	81	18.7
30 – 34 tahun	43	9.9
35 – 39 tahun	26	6.0

Jadual 2 menunjukkan kelulusan akademik belia orang asli yang menjadi responden kajian. Kelulusan tertinggi belia orang asli kebanyakannya cuma tamat darjah 6 (37%), diikuti mereka yang tamat darjah 3 (12%). Lebih malang lagi ramai kalangan belia orang asli tidak bersekolah (18.7%).

Jadual 2: Kelulusan Akademik Responden

Kelulusan akademik	Frekuensi	Peratus
Tidak bersekolah	87	18.7
Tamat darjah 3	56	12.0
Tamat darjah 6	163	37.0
Tamat tingkatan 3	86	19.2
Tamat tingkatan 5	60	13.2

Faktor Penentu Penerimaan dan Peneriman Teknologi

Jadual 3 menunjukkan penggunaan dan pemilikan peralatan elektronik dalam kalangan orang asli. Kajian mendapati 35 peratus belia Orang Asli memiliki TV, 33 peratus memiliki telefon bimbit. Hanya sejumlah kira-kira 5 peratus sahaja yang memiliki komputer sendiri.

Berdasarkan Jadual 4 didapati kebolehan belia orang asli menggunakan telefon bimbit dan komputer menunjukkan majoriti responden tidak tahu langsung menggunakan komputer (69%) dan telefon bimbit (36%). Hanya sebahagian kecil iaitu kira-kira 17 peratus yang sangat mahir menggunakan telefon bimbit berbanding hanya 4.4 peratus yang sangat mahir menggunakan komputer.

Jadual 3: Penggunaan Dan Pemilikan Peralatan Elektronik

	Mengguna		Memiliki	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Radio	80	16.8	52	13.4
TV	138	28.9	136	35.0
Telefon talian tetap	8	1.7	3	0.8
Telefon bimbit	162	34.0	128	32.9
Telefon pintar	60	12.6	51	13.1
Komputer	29	6.1	19	4.9

Jadual 4: Kebolehan Menggunakan Telefon Bimbit dan Komputer

	Telefon bimbit		Komputer	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Tidak tahu langsung	155	35.8	299	69.0
Tahu sedikit	122	28.2	86	19.9
Mahir	84	19.4	29	6.7
Sangat mahir	72	16.6	19	4.4

Jadual 5 menunjukkan kenapa belia Orang Asli tidak tahu menggunakan telefon bimbit dan komputer. Kebanyakan responden menyatakan mereka tidak tahu disebabkan tidak pernah memiliki telefon bimbit (36%) dan komputer (63%). Alasan mereka adalah kerana harga telefon bimbit mahal (20%) dan harga komputer mahal (13%).

Jadual 5: Sebab Tidak Tahu Menggunakan Telefon Bimbit dan Komputer

	Telefon bimbit	Komputer
	Peratus	Peratus
Tidak pernah ada	35.6	63.4
Tidak berminat untuk ada	14.6	7.3
Tiada kegunaannya	16.0	6.8
Terlalu mahal	19.7	13.3
Lain-lain sebab	14.2	9.2

Jadual 6 menunjukkan kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam kalangan belia orang asli. Kajian menunjukkan kira-kira 32 peratus belia orang asli tidak tahu membaca dalam bahasa Melayu, manakala 70.4 peratus pula tidak tahu membaca dalam bahasa Inggeris. Hanya kira-kira 28 peratus yang fasih membaca dalam bahasa Melayu berbanding 6 peratus yang fasih membaca dalam bahasa Inggeris.

Daripada segi kemahiran menulis pula menunjukkan kira-kira 33 peratus belia orang asli tidak tahu menulis dalam bahasa Melayu berbanding 59 peratus mereka yang tidak tahu membaca dalam bahasa Inggeris. Hanya kira-kira 28 peratus yang boleh menulis bahasa Melayu dengan baik berbanding 11 peratus yang boleh menulis dalam bahasa Inggeris.

Jadual 6: Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Kemahiran membaca	Bahasa Melayu		Bahasa Inggeris	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Tidak tahu membaca	140	32.3	305	70.4
Kurang fasih membaca	98	22.6	88	20.3
Fasih membaca	123	28.4	27	6.2
Sangat fasih membaca	72	16.6	11	2.5
Kemahiran menulis				
Tidak tahu menulis	138	32.9	257	59.4
Boleh menulis huruf	121	27.9	90	20.8
Boleh membina ayat	52	12.0	39	9.0
Boleh menulis dengan baik	122	28.2	47	10.9

Jadual 7 menunjukkan kesediaan belia orang asli untuk menggunakan teknologi. Kebanyakan belia orang asli ingin mengetahui lebih lanjut berkaitan teknologi maklumat (71%) dan mereka sanggup meluangkan masa untuk menghadiri kursus komputer jika ditawarkan (73%).

Jadual 7: Kesediaan Menggunakan Teknologi

	Peratus
Ingin mengetahui lebih lanjut teknologi maklumat	70.9
Sanggup belanja beli telefon bimbit untuk kegunaan	56.1
Sanggup belanja beli telefon pintar untuk kegunaan	51.0
Sanggup belanja beli komputer untuk kegunaan	37.0
Sanggup belanja mempelajari bagaimana menggunakan komputer	40.2
Sanggup belanja untuk anak mempelajari komputer	51.6
Sanggup luangkan masa untuk menghadiri kursus komputer jika ditawarkan	72.8

Jadual 8 menunjukkan minat belia orang asli mengikuti sesi latihan komputer jika disediakan secara percuma. Kajian menunjukkan kira-kira 76 peratus belia orang asli berminat menghadiri latihan menggunakan komputer jika disediakan secara percuma.

Jadual 8: Minat Mengikuti Sesi Latihan Komputer Jika Disediakan Secara Percuma

	Frekuensi	Peratus
Tidak minat	106	24.4
Minat	327	75.6

Kategori belia yang berumur antara 15 hingga 29 tahun didapati lebih berminat mengikuti latihan komputer secara percuma, terutama golongan belia yang berumur antara 15 hingga 19 tahun (30%).

Jadual 9: Tabulasi Silang Antara Umur dan Minat Latihan Komputer Percuma

Umur	Latihan komputer percuma	
	Tidak minat	Minat
15 – 19 tahun	9.2%	29.7%
20 – 24 tahun	6.3%	20.0%
25 – 29 tahun	5.1%	13.9%
30 – 34 tahun	2.9%	7.1%
35 – 39 tahun	1.2%	4.6%

Ujian-t sampel bebas dijalankan bagi menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan berkaitan persepsi belia orang asli terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kehidupan sehari-hari mereka berdasarkan jantina. Hasil ujian dalam Jadual 10 menunjukkan hipotesis nol adalah diterima ($p > 0.05$). Ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan berkaitan persepsi belia orang asli terhadap kepentingan penggunaan komputer berdasarkan jantina. Kedua-dua kumpulan responden (lelaki dan perempuan) menunjukkan persepsi yang sama terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kedua-dua kumpulan ini menyatakan penggunaan komputer sangat penting dalam kehidupan sehari-hari (min bagi lelaki = 3.48, min bagi perempuan = 3.51).

Jadual 10: Analisis Ujian- t Sampel Bebas Perbezaan Min Persepsi Terhadap Kepentingan Penggunaan Komputer dalam Kalangan Belia Orang Asli Berdasarkan Faktor Jantina

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Signifikan
Lelaki	165	3.48	.07	.242	.809
Perempuan	168	3.51	.08		

Berdasarkan dapatan ujian ANOVA sehala dalam jadual 11 menunjukkan terdapat perbezaan min persepsi terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kalangan Orang Asli berdasarkan kategori umur ($p = 0.001 < 0.05$). Dapatan ini telah menolak hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan berkaitan persepsi terhadap kepentingan penggunaan komputer di kalangan remaja Orang Asli berdasarkan kategori umur. Bagi menentukan perbezaan min antara kumpulan umur tersebut, ujian Post-Hoc telah dijalankan seperti dapatan kajian yang ditunjukkan pada Jadual 12 di bawah.

Jadual 11: Analisis Ujian ANOVA Sehala Bagi Menentukan Perbezaan Persepsi Terhadap Kepentingan Penggunaan Komputer dalam Kalangan Belia Orang Asli Berdasarkan Kategori Umur

Umur	Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	20.40	4	5.10	4.65	.001
Dalam Kumpulan	376.59	343	1.09		
Jumlah	396.99	347			

Signifikan pada $p < 0.05$

Jadual ujian Pos Hoc di bawah menunjukkan belia Orang Asli yang berumur 15 – 19 tahun mempunyai persepsi yang paling tinggi tentang kepentingan penggunaan komputer dalam kehidupan sehari-hari berbanding kumpulan-kumpulan umur yang lain. Ini menjelaskan bahawa kumpulan belia yang lebih muda banyak didedahkan dengan penggunaan teknologi seperti penggunaan komputer, khususnya semasa di sekolah menengah. Selain itu, kumpulan belia orang asli yang berumur 20 – 24 tahun pula lebih tinggi persepsi terhadap kepentingan penggunaan komputer berbanding kumpulan belia yang berumur 30 – 34 tahun. Seterusnya kumpulan belia yang berumur 30 -34 tahun pula lebih tinggi persepsi terhadap kepentingan penggunaan komputer berbanding mereka yang berumur antara 35 – 39 tahun. Secara umum dapat disimpulkan bahawa kumpulan umur belia Orang Asli yang lebih muda mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kehidupan harian mereka berbanding kumpulan umur belia yang lebih tua.

Jadual 12: Ujian Post Hoc Perbezaan Min Persepsi terhadap Kepentingan Penggunaan Komputer Berdasarkan Faktor Umur

(I) Kategori Umur	(J) Umur	Perbezaan Min (I – J)	Sig.
15 – 19 tahun	20 – 24 tahun*	.359	.012
	25 – 29 tahun	.199	.209
	30 – 34 tahun**	.789	.000
	35 – 39 tahun	.147	.550
20 – 24 tahun	25 – 29 tahun	-.159	.350
	30 – 34 tahun*	.431	.035
	35 – 39 tahun	-.211	.406
25 – 29 tahun	30 – 34 tahun*	.590	.007
	35 – 39 tahun	-.052	.843
30 – 34 tahun	35 – 39 tahun*	.642	.025

* , ** Signifikan pada 0.05 dan 0.01 masing-masing

KESIMPULAN

Secara umumnya dapatan kajian menunjukkan ramai golongan belia yang tidak tahu menggunakan telefon bimbit dan komputer. Faktor utamanya adalah disebabkan kebanyakan masyarakat belia Orang Asli mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Seramai kira-kira 19 peratus belia Orang Asli di sini langsung tidak bersekolah, manakala secara keseluruhan sebanyak 68 peratus belia pula mendapat pendidikan tertinggi setakat tahun enam sahaja. Kebolehan membaca menjadi faktor penentu kepada persepsi belia Orang Asli terhadap kepentingan penggunaan komputer dalam kehidupan harian mereka. Kira-kira 55 peratus belia Orang Asli tidak tahu membaca dalam bahasa Melayu berbanding 91 peratus yang tidak tahu membaca dalam bahasa Inggeris.

Faktor ekonomi belia Orang Asli juga mempunyai hubungan faktor penerimaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Lebih 90 peratus belia Orang Asli boleh dikategorikan sebagai miskin tegar dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM300, malah 50 peratus belia Orang Asli ini merupakan penganggur. Pendapatan mereka juga tidak menentu kerana asas kepada kegiatan ekonomi keluarga adalah pertanian dan mengambil hasil hutan. Pekerjaan seperti ini adalah pekerjaan bermusim dan tidak mempunyai masa kerja yang tetap. Tambahan pula, bilangan tanggungan setiap keluarga adalah tinggi. Keadaan ekonomi yang sebegini merupakan faktor kelemahan kepada penubuhan telecentre kerana mereka kurang memahami apakah faedah penubuhan telecentre kepada kehidupan harian mereka.

Faktor kesediaan yang agak rendah untuk menerima kemasukan teknologi

maklumat dan komunikasi dalam kehidupan mereka juga agak ketara. Pengetahuan mereka kepada teknologi komputer adalah amat rendah. Lokasi Pos Sinderut ini agak jauh di pedalaman. Walaupun terdapat jalan perhubungan darat, tetapi keadaan jalan yang kecil dan amat sukar untuk dilalui terutama di musim tengkujuh mengehadkan perjalanan mereka. Meskipun terdapat kemudahan asas seperti elektrik, namun ia adalah terhad pada waktu malam sahaja dan tersedia melalui generator yang bergantung sepenuhnya kepada bekalan minyak petrol.

Golongan belia yang masih belajar berpotensi untuk mempelajari teknologi maklumat dan komunikasi ini hanya di luar kawasan kampung atau kediaman mereka kerana terdapat kemudahan dari segi infrastruktur dan tenaga pengajar yang terlatih untuk membantu proses pembelajaran golongan belia masyarakat Orang Asli itu sendiri. Oleh itu, potensi untuk membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi berdasarkan aspek ini amatlah terhad. Pihak yang berwajib haruslah membawa pendekatan lain iaitu menyediakan infrastruktur dan kemudahan supaya golongan belia yang ada sekarang tidak rasa terpinggir dan mendapat pendedahan awal tentang kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan harian mereka.

Berdasarkan faktor-faktor yang dibincangkan di atas, maka kita dapat simpulkan bahawa penubuhan telecentre di Pos Sinderut didapati tidak sesuai selagi segala kelemahan tersebut tidak diatasi. Tahap pendidikan belia Orang Asli perlu ditingkatkan supaya mereka mempunyai kemahiran seperti kebolehan menulis dan membaca, serta peluang untuk mereka mempelajari asas penggunaan teknologi maklumat semasa di sekolah. Kemudahan infrastruktur terutamanya elektrik dan jalan raya berturap menjadi syarat asas kepada penubuhan telecentre di sesuatu kawasan, khususnya di Pos Sinderut.

RUJUKAN

- Amir Zal. W.A. 2009. Nilai Belia Orang Asli Selangor Terhadap Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT). *Journal of Human Capital Development*. Vol. 2 No. 2 July - December 2009. 49-69
- Asan Ali Golam Hassan & Devamany S. Krishnasamy. 2015. Habitat Masyarakat Orang Asli: Impak Program Penempatan Tersusun. Dlm. Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Haryati Shafii. *Habitat Manusia dan Pengurusannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asan Ali Golam Hassan & Muszafarshah Mohd Mustafa. 2012. Income Distribution to Regional Disparities: a Cumulative Causation from Malaysia's Experience. Dlm. Aris Ananta & Rick Barichello (eds). *Poverty, Food, and Global Recession in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Asan Ali Golam Hassan. 2009. Dari Satu Kawasan kepada 1Malaysia. Dewan Ekonomi. September 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. pp.17-20.
- Bailey, A. 2009. Issues Affecting The Social Sustainability Of Telecentres In Developing Contexts: A Field Study Of Sixteen Telecentres In Jamaica. *The Electronic Journals of Information Systems in Developing Countries*, 36(4), 1-18.
- Bailur S. 2007. Using Stakeholder Theory to Analyze Telecenter Projects. *The Massachusetts Institute of Technology Information Technologies and International Development*, Volume 3, Number 3, Spring 2006, 61–80.
- Kamarulzaman, K. & Osman, J. 2008. Educational Policy and Opportunities of Orang Asli: A Study of Indigenous People in Malaysia. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 4(1), 86-97.
- Mohd Asri Mohd Noor 2012. Advancing The Orang Asli Through Malaysia's Clusters of Excellence Policy, *Journal of International and Comparative Education*, 2012, Volume 1, Issue 2. pp90-103.
- Nor Iadah Y., Shafiz Affendi M.Y., Zahurin M.A., Huda I., M. Khairudin K., Zulkhairi M. D., Nor Farzana A.G., Rafidah A.R., Syahida H., & Abdul Razak R. 2010. The Influence of Community Characteristics towards Telecentres Success. *Journal of Computer and Information Science*, 3(2), May, 116 – 120.
- Razak, N.A. 2009, Empowering The Rural Communities Via The Telecentres, *European Journal of Social Sciences* (Vol. 9: Num. 3), pp 425-432.

Profil Penulis:***Asan Ali G.H. PhD***

Profesor

Perancangan & Pembangunan

UTM International Business School (UTM-IBS)

Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur

Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur

asanali@yahoo.com

Fauzi Hussin, PhD

Profesor Madya, Ekonomi Pendidikan

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah

fauzi@uum.edu.my

Mohd Khairudin Kasiran, PhD

Pensyarah Kanan, ICT

Pusat Pengajian Pengkomputeran,

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah

mkasiran@uum.edu.my

Mohamad Helmi Hidthiir, PhD

Pensyarah Kanan, Ekonomi Pembangunan

Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan,

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah

m.helmi@uum.edu.my

Mohd Tarmizi Musa

Pensyarah, ICT

Pusat Pengajian Pengkomputeran,

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah

tarmizi@uum.edu.my

TINGKAHLAKU PROFESIONAL DALAM KALANGAN BELIA MUSLIM DI TEMPAT KERJA

MOHD FARIDZ ISMAIL, ISMI ARIF ISMAIL, HASLINDA AHMAD
& SOAIB ASIMIRAN

ABSTRAK

Ketika berada di fasa kitaran kehidupan belia, kebanyakan belia bekerja dan baru belajar mencari rezeki bagi menampung keperluan sara hidupnya. Perhubungan yang rapat terutama dalam kalangan belia berbeza jantina perlu had tertentu agar ia tidak membawa kepada hubungan intim negatif yang dikhawatir akan membawa kesan buruk kepada individu yang terlibat, malahan kepada organisasi tempat belia tersebut bekerja. Makalah ini bertujuan adalah untuk mencari makna intim profesional dalam kalangan belia Muslim di tempat kerja. Artikel ini membincangkan beberapa persoalan berkaitan intim profesional dalam kalangan belia Muslim di tempat kerja dengan kekangan nilai yang ada. Kesimpulannya, penjagaan batas intim perlu dihormati sejajar dengan garis panduan Islam dan nilai-nilai tatsusila budaya yang diwarisi selama ini. Sehubungan dengan itu, penulis juga mencadangkan beberapa langkah bagaimana belia Muslim dapat mengawal pergaulan mereka daripada terjebak dalam hubungan intim yang membawa kesan yang negatif bukan hanya kepada diri mereka bahkan kepada negara.

Kata Kunci: Intim, Profesional, Belia Muslim, Tempat Kerja

ABSTRACT

During the phase of youth life circle, they work and learn to make their living meet the needs of life subsistence. Close relationships, especially among youth of different gender must have a certain limits so that it does not lead impact to negative intimate relationships, which is feared will bring adverse effects to the individuals involved but also to the organization where he or she works. The aim of this article is to find the meaning of professional intimate among Muslim youth in the workplace. This article discusses some of the issues related to intimate among Muslim young professionals in the workplace with the value constrain. In conclusion, Islamic guidance should be considered as values in the context of professional intimate. Accordingly, the authors also suggest some methods how that the Muslim youth can control their interaction from involved to the negative intimate relationships not only for the youth itself, neither for the nation as well.

Keywords: Intimate, Professional, Muslim Youth, Workplace

PENDAHULUAN


Perhubungan rapat di tempat kerja adalah '*trend*' dan gaya kerja masakini. Budaya kerja yang mencabar pada zaman yang serba maju ini memerlukan pekerja dan kakitangan yang kompeten dan '*talented*' serta pantas dalam melakukan tugas (Nik Mustapha Nik Hassan, 2011). Kakitangan perlu mendapatkan maklumat dengan pantas, mengadaptasikan maklumat tersebut dengan kehendak dan kemahuan semasa agar pelanggan berpuashati dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Suasana ini amat memerlukan kakitangan untuk saling bekerjasama dan membentuk kumpulan kerja yang sangat erat agar dapat memacu organisasi terus maju di zaman yang serba mencabar ini (Maziah Che Yusoff, 2002). Organisasi yang ingin terus maju dan berkembang memerlukan kakitangan yang mempunyai dedikasi dan melaksanakan kerja dengan penuh komitmen mengikut skop kerja yang telah ditetapkan (Hunter, 2002). Melihat kepada '*trend*' dan budaya semasa, pengeluaran tenaga kerja di pasaran dengan jumlah yang ramai, terututama lepasan dari institut pengajian tinggi awam dan swasta samada dari dalam maupun luar negara. Rata-rata golongan mereka terdiri dari belia yang di kategorikan sebagai generasi Y dan bakal menggantikan generasi veteran yang akan bersara (Mustari, 2007). Kebiasaan mereka belia sebegini mempunyai semangat bekerja, ingin menimba pengalaman dan mencerahkan sepenuh tenaga untuk memperuntukan sebahagian masanya di tempat kerja dan kadangkala sehingga larut malam (Ishak Bin Mad Din, 2003). Semangat kerja berpasukan mereka amat kuat dan hubungan bersama rakan-rakan sekerja mereka amat erat. Namun demikian, hubungan yang sangat rapat terutama antara pekerja silang jantina, jika tidak dikawal oleh nilai-nilai agama boleh mengakibatkan gejala hubungan intim negatif bukan sahaja kepada individu malahan juga kepada organisasi serta masyarakat.

Di negara kita contohnya, terdapat banyak kes tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang melibatkan hubungan intim. Utusan Malaysia (2004) seorang pramugara dan pramugari sebuah syarikat penerbangan negara telah ditangkap kerana terlibat dengan perlakuan seksual yang bermula dengan hubungan intim di tempat kerja. Kes tangkapan yang lain juga melibat pasangan artis yang berkhalwat di sebuah pejabat (Utusan Malaysia, 2009). Kes ini menjadi perhatian masyarakat kerana pasangan artis muda tersebut juga bermula dengan bekerja di sebuah syarikat yang sama, mempunyai hubungan intim dan seterusnya terlibat dengan gejala negatif . Kes-kes yang mempunyai kaitan hubungan intim di tempat kerja ini bukan sahaja melibatkan organisasi besar di syarikat swasta, malahan ia juga berlaku pada pada organisasi kerajaan.

Utusan Malaysia (2012) contohnya melaporkan tentang kejadian seorang ketua pengarah di sebuah kementerian telah ditangkap berkhalwat bersama kakitangannya di sebuah hotel di Putrajaya. Begitu juga dengan tangkapan khalwat yang dibuat di Pulau Pinang ke atas seorang Timbalan Ketua Setiausaha sebuah Kementerian di Malaysia bersama pembantu peribadinya (Berita Harian, 2012). Al-Quran banyak menegaskan tentang perlunya perhubungan sesama manusia, apatah

lagi perhubungan silang jantina ini benar-benar dikawal bagi mencegah kesan yang lebih buruk daripada terjadi.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Israa, ayat 32 yang berbunyi:



(Surah Al-Israa; ayat 32)

Maksudnya:

“Janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang jahat (membawa kerosakan)”

Islam amat mementingkan usaha pencegahan diambil diperingkat permulaan sebelum sesuatu yang boleh membuka ruang-ruang keburukan dari berlaku. Ini kerana impak dari pelakuan hubungan intim silang jantina tanpa pernikahan yang sah, adalah lebih besar mudarat dan kesannya kepada sistem sosial dan kekeluargaan. Apatah lagi jika pergaulan intim tanpa batas ini berlaku dalam kalangan muda mudi dan para belia yang sepatutnya menjadi tonggak dan harapan negara. Oleh yang demikian, hubungan intim di tempat kerja ini haruslah pantau agar ia tidak menjadi negatif.

Definisi Intim

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), intim membawa erti persahabatan yang sangat rapat, mesra dan amat karib. Perkataan intim diambil dari perkatan yang berasal daripada perkataan Latin dengan terma ‘intimus’ yang membawa erti perkongsian perasaan yang amat mendalam dengan individu yang paling hampir dengan kehidupan kita, contohnya keluarga terdekat atau sahabat yang paling rapat (Kohlenberg, Kohlenberg & Tsai, 2008). Melalui sudut psikologi pula, hubungan intim memerlukan kepercayaan dan persefahaman, keterbukaan dalam berfikir serta persediaan untuk berkongsi. Ia memerlukan penglibatan individu yang berkenaan untuk bersifat terbuka untuk mendapat sesuatu pengalaman tanpa mempunyai sifat ego (Shanken, 1983). Tim Loven (2006) pula mendefinisikan hubungan intim sebagai sesuatu yang mempunyai beberapa syarat-syarat yang perlu dipenuhi iaitu; a) Kemahuan untuk menjaga kebijakan orang yang kita kasihi bersungguh-sungguh; b) Pengalaman yang sangat manis dengan orang yang kita kasihi; c) Keikhlasan dan memandang tinggi kepada orang yang kita kasihi; d) suka berkongsi dari segi emosi dan perasaan dengan orang yang kita kasihi; e) perasaan gembira jika mendapat sokongan emosi daripada orang yang kita kasihi; f) perhubungan yang sangat rapat dengan orang yang kita kasihi; g) menganggap kehidupan orang yang kita kasihi itu sangat bernilai.

Manakala mengikut Bauminger, Finzi-Dottan, Chason, & Har-Even (2008)

pula mendefinisikan intim sebagai tahap keakraban dengan seseorang yang kita kasih serta tahap keterbukaan dalam perkongsian pengalaman, perasaan serta emosi masing-masing. Dalam pada itu, (Reisman, 1990) pula mendefinisikan intim sebagai keterbukaan seseorang kepada sahabatnya di dalam pendedahan diri dan kehidupan peribadinya contohnya; permasalahan hidupnya, perasaan dan mengambil berat terhadap dirinya selain ia bermaksud suatu proses yang membolehkan seseorang itu merasa difahami, dihormati dan sentiasa diberikan perhatian.

Definisi profesional

Istilah profesional diambil daripada perkataan Inggeris iaitu perkataan ‘profession’ yang membawa erti seseorang individu yang menjadi ahli sebuah profesi dalam sesuatu bidang pekerjaan (The Free Dictionary, 2015). Istilah ini juga menerangkan tentang standard pendidikan dan latihan bagi menyediakan seseorang individu dengan sesuatu pengetahuan dan kemahiran bagi menyiapkan agar ia menjadi pakar di dalam bidang pekerjaannya (Wignjosoebroto, 2013). Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) profesional memberi maksud sesuatu pekerjaan yang ; 1) berkaitan dengan atau segolongan individu yang bergiat dalam bidang profesion seperti perundangan, perubatan, pengurusan, kejuruteraan yang memerlukan kepakaran; 2) pekerjaan tersebut memerlukan asas kemahiran tertentu yang khusus untuk melaksanakannya secara cekap, teratur dan memperlihatkan kemahiran tertentu (Noordegraaf, 2011); 3) Melibatkan pembayaran yang dilakukan sebagai mata pencarian, mendapat bayaran dan mereka memerlukan bimbingan daripada jurulatih pakar. 4) adalah seseorang individu yang mengamalkan sesuatu bidang pekerjaan kerana pengetahuan, kepakaran dan kemahiran sesuatu bidang profesion.

Namun demikian, (Parkan, 2008) pula memberi justifikasi untuk menjadikan seseorang itu layak tergolong dalam golongan profesional, belia sepatutnya mempunyai ciri-ciri berikut seperti: 1) seseorang itu mestilah melalui latihan secara formal, termasuk membangunkan diri mereka dengan sesuatu kemahiran sehingga menjadikannya mahir serta menguasai sesuatu bidang yang diceburi sehingga layak dia dipanggil pakar dan profesional dalam bidang tersebut; 2) Seseorang yang bergelar profesional dijangkakan bukan hanya pakar di dalam sesuatu bidang, namun sepatutnya menyumbang kepada masyarakat serta meneruskan tradisi ini serta orang ramai mengenali beliau disebabkan sumbangannya (Fadillah Mansor, 2007). Oleh itu, seseorang yang bergelar pakar tersebut diharapkan dapat mengemaskini maklumat terbaru dibidangnya serta dapat mengemukakan solusi bagi sesuatu permasalahan yang timbul berkaitan bidangnya; 3) Seseorang profesional selalunya dapat membezakan etika dan prinsip yang dipegangnya dengan tingkah laku beliau. Perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat hendaklah tidak melibatkan kepentingan peribadinya. Oleh yang demikian, sebagai seorang yang profesional, bagi memulakan kerjayanya, biasanya mereka akan mengangkat sumpah serta berikrar dengan bersungguh-sungguh untuk meletakkan pengetahuan yang ada bagi membantu masyarakat dengan tanggungjawab sosial (Yakan, 2005); 4) Sebagai seorang yang bergelar profesional, bagi mendapat penghormatan dan kepercayaan

dari masyarakat, beliau hendaklah sentiasa berpegang kepada etika profesional dibidangnya tanpa mengaitkan dengan kepentingan-kepentingan peribadi; 5) Seseorang yang dianggap profesional, dapat dilihat melalui sikap dan kelakuannya yang sangat ‘passionate’ dan sentiasa bersungguh-sungguh serta bermotivasi dalam tugasnya. Dia dapat merasakan suatu kepuasan apabila telah menyempurnakan dengan baik tugas yang diamanahkan kepadanya.

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa intim profesional bermaksud persahabatan yang sangat rapat, mesra dan amat karib. Hubungan intim memerlukan kepercayaan dan persefahaman, keterbukaan dalam berfikir serta persediaan untuk berkongsi pandangan, ikhlas dan berterus-terang, menjaga kebajikan orang yang kita kasih, suka berkongsi dengan daripada segi emosi dan perasaan dengan orang yang kita kasih. Di samping itu, ia bersikap profesional dan objektif berdasarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipunyainya, menyumbang kepada pembangunan masyarakat atas sumbangannya, berprinsip dalam memberikan perkhidmatannya serta sangat bermotivasi dan sabar dalam melaksanakan tugasnya.

Takrifan belia

Belia ialah mereka yang berada pada usia belia adalah suatu fasa yang amat penting di dalam kehidupan seseorang yang berumur di dalam lingkungan 16 sehingga 40 tahun. Manakala menurut (Yakan, 2005), belia itu sendiri bermakna suatu tenaga yang digunakan untuk Islam dan membangunkan dan memakmurkan muka bumi ini, namun mereka kadangkala digunakan untuk meruntuhkan umat manusia itu sendiri. Manakala mengikut definisi yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia mulai 2015, umur belia adalah di antara 15 tahun sehingga 30 tahun dan tafsiran yang dibuat ini setelah mengambil kira tahap kematangan, faktor sejarah, psikologi, ekonomi, politik serta sosio budaya golongan belia itu sendiri. Sebagai perbandingan, tafsiran umur belia bagi negara-negara lain di dunia mengambil tempoh umur seperti yang berikut : a) Singapura: 15 hingga 30 tahun; b) Brunei Darussalam: 15 hingga 35 tahun; c) Bangladesh: 15 hingga 30 tahun; d) Pakistan: 15 hingga 30 tahun; e) Sri Lanka: 15 hingga 29 tahun; f) Hong Kong: 10 hingga 24 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 2015).

Kepentingan dan Pandangan Islam terhadap Belia

Perbincangan mengenai belia dan generasi muda merupakan suatu perbincangan serius dan memerlukan keprihatinan yang tinggi bagi setiap lapisan masyarakat yang terlibat dengannya. Generasi muda pada mata masyarakat adalah usia yang melambangkan kemudaan, ketangkasan, ketegapan, kegirangan, dan segala kesempurnaan dan keindahan. Belia merupakan pewaris kepada kepimpinan dan kehidupan akan datang. Justeru, keperibadian mereka harus dilentur sebaik mungkin agar keseimbangan rohani, intelek, emosi dan jasmani terbina dengan suburnya (Mustari, 2007). Membangunkan potensi belia adalah tanggungjawab bersama, belia harus dibangunkan keupayaan, disuburkan keintelektualannya, dimotivasikan rangsangan dan kekuatannya agar mereka ada jati diri dalam memacu masyarakat dan negara pada masa hadapan (Rahim, 2007).

Abdullah Nasih ‘Ulwan (1997) berpandangan bahawa golongan belia merupakan golongan yang memikul beban amanah untuk melanjutkan proses pengembangan dakwah dan generasi penerus bagi membangunkan ummah. Peranan belia penting kerana golongan ini adalah pewaris masa depan sesebuah negara dan kepimpinan ummat. Fathi Yakan pula berpandangan (Yakan, 2005) bahawa usia belia seseorang itu ialah usia yang penuh dengan cita-cita yang tinggi dan darah yang gemuruh serta idealisme yang luas. Usia yang memberikan pengorbanan dan yang dapat menebus semula. Usia yang menabur jasa serta memberi kesan kepada emosional dan spiritual seseorang. Mengikut Islam, pada usia belia lah perkiraan Islam untuk mempunyai tanggungjawab dan nilai yang khusus. Hadith Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Al-Hakim dan sanadnya sahih, telah berpesan kepada umatnya agar mengambil lima perkara sebelum datangnya lima perkara iaitu; 1) Usia muda sebelum masa tua; 2) Masa sihat sebelum masa sakit kita; 3) Masa kaya sebelum masa miskin; 4) Masa sihat sebelum masa kematian; 5) Masa lapang sebelum masa sibuk. (Hadith riwayat Al-Hakim dan dikatakan oleh Adz Dzahabiy dalam At Talkish berdasarkan syarat Bukhari-Muslim. Hadith ini dikatakan sahih oleh Syaikh Al Albani dialam Al Jami As Shogir.

Merujuk Al-Quran Surah Al-Kahfi ayat : 10 yang menyatakan masa di peringkat belia adalah masa paling penting bagi seseorang insan. Tidak diragukan lagi bahawa para belia mempunyai peranan yang sangat penting secara umum dalam masyarakat kaum Muslimin secara khusus (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim, 2012).

Belia dan Hubungan Silang Jantina

Perkembangan anak remaja bermula daripada peringkat awal belia ke peringkat dewasa adalah suatu proses yang agak rencam bagi seseorang belia itu sendiri. Pada ketika peningkatan usia ke arah awal pendewasaan pelbagai perubahan yang ketara daripada segi fizikal, emosi dan perasaan berubah dengan agak drastik bermula dari peringkat akil baligh samada pada remaja lelaki maupun pada remaja perempuan (Tahir, 2001; Ardelt, 2002). Pada ketika ini, remaja ingin bebas dari kawalan ibu-bapa dan peranan rakan sebaya menjadi amat penting. Mereka mula memilih rakan-rakan yang mereka ingini dan mereka membentuk satu set imej diri, berkasih secara lebih realistik dan membentuk komitmen (Puteh, 2001). Sebagai salah satu perkembangan dan proses membina jatidiri belia, perhubungan adalah sesuatu yang fitrah di dalam kehidupan manusia. Tanpa berhubung antara satu sama lain, manusia tidak akan dapat meneruskan kelangsungan hidup ini. Dalam adab berhubung ini, menurut Islam, perhubungan makhluk ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu: 1) ‘Hablum minallah’ (Perhubungan makhluk terhadap tuhan penciptanya); 2. ‘Hablum minan-nas’ (Perhubungan manusia sesama manusia); 3) Perhubungan Manusia dengan alam sekitar termasuk tumbuhan dan haiwan ciptaan Allah SWT (Fadhilah, 1996).

Perhubungan Manusia Terhadap Tuhan Penciptanya

Mengenai hubungan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah ini terhadap tuhannya

yang menciptakannya, hendaklah kita patuh dan tunduk akan arahan-arahan Allah SWT dan menyerahkan segala kepatuhan kita kepada tuhan Maha Pencipta sekelian alam ini. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran Surah Al-Imran; ayat 103 yang terjemahannya:-

Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali Allah (Agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan diantara hati-hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka jadilah kamu dengan nikmat-nikmat Islam itu menjadikan kamu bersaudara. Dan kamu dahulu berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu daripada neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.

Dalam ayat tersebut, Allah berkehendakkan kita sentiasa berhubung dengan tali Allah, iaitu berpegang kuat dengan ajaran Islam sebagai agama fitrah. Walau di manapun kita berada di atas muka bumi ini, sentiasalah kita menghubungkan diri kita dengan memegang kuat ajaran-ajaran Islam. Nas Al-Quran tersebut, tidak hanya menyebutkan perintah untuk berpegang teguh, dan tidak hanya menyebutkan bahawa berpegang teguh tersebut tidak ada pilihan kecuali dengan tali Allah. Tali Allah ini bukanlah jalan untuk memecah-belah, dan mencerai-beraikan, namun tali Allah ini adalah jalan kepada kesatuan dan persatuan. Sentiasa berhubung sesama manusia dengan tali silaturahim dengan tujuan hanya senya dalam rangka pengabdian diri kepada Allah SWT, pencipta sekelian alam.

Hubungan Manusia Sesama Manusia

Manusia berhubung dan berkomunikasi di antara satu sama lain untuk hidup. Manusia tidak akan mampu berkeselorongan di atas muka bumi ini. Allah SWT telah menjadikan manusia yang secara fitrahnya terdiri dari pelbagai bangsa dan keturunan serta pelbagai warna kulit, berbeza budaya dan cara berfikir dan semuanya itu adalah untuk manusia saling berkenal-kenalan dan berhubung bagi menyambung silaturahim, berkenal-kenalan dan berkomunikasi serta berhubung antara satu sama lain. Adalah tidak mungkin manusia itu hidup bersendirian tanpa berkomunikasi dengan manusia yang lain. Mereka perlu berhubung, berkomunikasi, menjalankan sistem kehidupan antara sesama manusia seperti berjual-beli dan bermuamalah sesama manusia demi keberlangsungan kehidupan manusia itu sendiri (Cooley, 2009).

Manakala bagi orang-orang mukmin, perhubungan dan persaudaraan serta komunikasi yang terjadi berdasarkan kepada iman dan akidah yang mereka anuti. Dengan kata lain persaudaraan tersebut diikat atas dasar kecintaan kepada Allah SWT sebagai tali pengikat yang paling kuat bagi sesuatu persaudaraan. Mengenai

manusia dan hubungan ini, secara ringkasnya manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang tinggal di atas muka bumi ini, hubungan ini merupakan faktor penting dari sebahagian rantaian kehidupan manusia. Di dalam piramid kehidupan atau tingkatan keperluan kehidupan mengikut teori keperluan Maslow's (Van Fleet, 1973), beliau menyatakan bahawa pada tingkatan keperluan aras yang tiga, manusia memerlukan keperluan sosial ataupun '*social needs*' supaya mereka dapat diterima oleh rakan-rakannya, masyarakatnya dan keluarga yang terdekat dengan kehidupannya. Mereka perlu berhubung antara satu sama lain serta berkomunikasi untuk menatihahkan perhubungan tersebut dapat diterima (McGregor, 1964).

Hubungan Manusia dengan Alam Sekitar Termasuk Tumbuhan dan Haiwan

Kejadian manusia sebagai khalifah di atas mukabumi ini, selain memakmurkan bumi ini dengan kebaikan, manusia juga ditugaskan untuk menjaga hubungannya dengan alam sekitar. Istilah 'memakmurkan alam' ini adalah merangkumi semua aspek kehidupan sama ada hubungan manusia dengan penciptanya, hubungan manusia sesama manusia, juga hubungan manusia dengan alam sekitar keseluruhannya. Justeru, hubungan manusia dengan alam sekitar bukanlah sesuatu pilihan tetapi ia adalah suatu kewajipan yang amat dituntut oleh Islam (Rosmidzatul Azila, 2013). Hubungan manusia dengan alam sekitar termasuk dengan haiwan ini menuntut agar manusia yang telah dianugerahkan kekuatan fizikal serta kekuatan akal fikiran dapat memelihara mukabumi ini daripada sebarang kerosakan. Manusia juga dituntut menjaga alam sekitar ini dari tercemar, membinaaskan pokok-pokok tumbuhan, gunung-ganang yang dijadikan oleh Allah SWT sebagai paksi kepada bumi, sungai-sungai serta lautan yang dapat membekalkan keperluan air kepada manusia serta menjauhkan mukabumi daripada sebarang pencemaran (Ibrahim, 2002)

Belia dan Keperluan kepada Perhubungan Jantina

Zaman belia adalah zaman yang sangat penting di dalam putaran kehidupan seseorang manusia. Pada waktu dan ketika ini, dengan kekuatan fizikal yang paling optimum, semangat yang sedang membara dengan penuh semangat serta kecerdasan akal fikiran yang paling terbaik, merupakan satu fasa yang sangat berharga dan paling penting sekali untuk dimanfaatkan.(Islam, Ibrahim, & Salamah, 2014). Pada fasa ini, apakah lagi bagi peringkat belia yang baru memulakan alam kehidupan bagi mencapai usia kematangan pada fasa permulaan dalam proses membina kehidupan dan membina kerjaya. Secara umumnya pada peringkat ini, seseorang belia tersebut, jika ia bersungguh-sungguh mahukan kejayaan, mereka akan menggunakan segala keupayaannya dan potensi yang ada untuk mempelajari segala ilmu dan kemahiran yang ada bagi membina kerjaya terutama di tempat kerja (Mustari, 2007). Umum mengetahui bahawa pada peringkat belia yang baru menjelaki alam pekerjaan dan ingin membina kehidupan bagi mereka yang bercita-cita tinggi untuk berjaya dalam bidang yang mereka ceburi, mereka akan menggunakan segenap usaha bagi menimba ilmu dan pengalaman bagi memperlengkapkan diri untuk menempa kejayaan di dalam profesion yang mereka ceburi (Friedman, 2007).

Salah satu kaedah untuk mendapat kemahiran di bidang mereka di alam

pekerjaan di tempat kerja, para belia selalunya akan menggunakan kemahiran berkomunikasi dan berhubung sesama pekerja terutama mereka yang telah melalui banyak pengalaman di dalam bidang yang belia tersebut ceburi. Pada saat dan ketika ini, kemahiran komunikasi dan kemahiran perhubungan interpersonal akan sangat membantu seseorang individu belia bagi membangun kerjaya mereka di tempat kerja. Kajian yang dilakukan oleh Carnavale (1988) menunjukkan bahawa seseorang individu itu pada kebiasaananya meluangkan masa komunikasinya di tempat kerja sebanyak 8.4% untuk menulis, 13.3 % untuk membaca, 23% untuk bercakap dan 55% untuk mendengar. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa kemahiran hubungan komunikasi interpersonal dan intra personal, hubungan intim yang profesional dan akrab serta cekap perlu ada pada seseorang pekerja terutama belia bagi memastikan peralihan kemahiran dapat dicapai.

Perkembangan Belia dan Perhubungan dengan Rakan Sebaya

Pada ketika saat peralihan di antara waktu perubahan belia kepada transisi dewasa, jumlah pergantungan kepada ibu-bapa menjadi kurang, manakala mereka lebih mengutamakan pergaulan di antara rakan-rakan sebaya mereka (Demuth, 2004). Manakala Smith (2003) pula mendapat bahawa persahabatan di antara rakan-rakan belia atau kumpulan mereka juga dibahagikan mengikut tahap sosial seseorang belia. Ada ketikanya pada ketika umur peringkat peralihan ini, para belia lebih mempercayai rakan sebaya mereka berbanding dengan keluarga dan adik beradik mereka. Adalah tidak mengejutkan apabila sebahagian faktor pendorong atau faktor motivasi utama belia bertindak adalah kerana lebih mempercayai rakan sebaya mereka dan disebabkan keimbangan terhadap penerimaan rakan sebaya mereka (Hill & Swenson, 2014). Memang terdapat ramai sarjana telah memperakui bahawa rakan sebaya atau rakan sekerja memainkan peranan utama dalam pembentukan tingkahlaku daripada peralihan seseorang belia kepada peringkat dewasa (de Kemp, 2006; Sullivan, 2006). Salah satu faktor yang dikenalpasti di kalangan belia adalah tekanan dari rakan sebaya. Melalui perhubungan rapat mereka bersama rakan sebaya yang mana ia menjadi ikon atau contoh secara tidak langsung ia mempengaruhi cara bertindak, cara bercakap, cara berpakaian dan sebagainya. (Steinberg, 2008) Secara umumnya, kemahiran bersosial dan berkomunikasi mempunyai hubungan dengan rakan- rakan (Shulman, Laursen, Kalman, & Karpovsky, 1997).

Pembelajaran Secara Formal dan Non-Formal Belia di Tempat Kerja

Pembelajaran di tempat kerja adalah suatu gagasan yang menerangkan bagaimana orang dewasa belajar dan ia sangat berbeza dengan pendidikan formal yang di dapat secara rasmi melalui bilik darjah dan berada di dalam suatu yang rasmi. Pada konteks tempat kerja dimana para belia yang baru bermulanya kerjaya mereka dan bercita-cita untuk terus berjaya di dalam kerjaya mereka haruslah mempunyai semangat yang tinggi untuk mendapatkan sebanyak ilmu dan kemahiran agar berjaya di bidang yang diceburi (Eraut, 2004). Bagi merealisasikan matlamat ini, suatu kemahiran yang sangat diperlukan oleh para belia di tempat kerja adalah kemahiran perhubungan dan komunikasi di antara para pekerja. Secara fitrahnya, sesuatu pembelajaran dan perpindahan kemahiran serta pengetahuan itu akan

berlaku jika perhubungan antara pekerja itu berlaku secara intim, akrab dan dalam konteks yang profesional samada pembelajaran secara formal dan informal. (Henry, Morgan, & Hammond, 2010).

Belia yang sedang bekerja di mana-mana institusi pekerjaan merupakan belia yang sedang meningkat dewasa di peringkat pertengahan usia. Pada ketika ini proses pembelajaran masih terus berjalan terutamanya perbelajaran secara informal. Suasana di tempat kerja yang pada kebiasaannya menumpukan kepada soal output atau hasil, kadangkala tidak meletakkan keperluan pembelajaran secara formal bagi peningkatan perkembangan pekerjanya (Graff, Korum, Randall, & Simmons, n.d.). Namun demikian, pekerja yang terdiri dari pekerja muda dan belia haruslah mengambil inisiatif mempelajari kemahiran serta mencedok pengalaman rakan senior mereka di tempat kerja terutamanya melalui perhubungan intim profesional dan pembelajaran non formal. Mengikut kajian yang dilakukan oleh (Hamzah, 1997) yang bertajuk ‘Pendidikan Pengembangan dan Pendidikan non-formal di kalangan belia’ menyatakan bahawa pendidikan non-formal bertujuan untuk mendidik individu yang telah meninggalkan alam persekolahan untuk mereka terus belajar agar mereka berupaya menghadapi perubahan diri dan perubahan sekitaran.

Bagaimana Belia Muslim Dapat Menguruskan Intim Profesional

Secara umumnya, belia terutamanya yang sedang bekerja di tempat kerja dapat mengasah kemahiran komunikasi yang baik dalam intim profesional bersama rakan sekerja mereka. Namun begitu, walaupun intim profesional di kalangan belia ini dianggap membawa impak yang positif kepada pembangunan kakitangan dan prestasi organisasi, adalah lebih baik bagi belia muslim untuk menjaga adab dan tatasusila pergaulan agar belia muslim tersebut dapat menguruskan intim profesional mereka supaya tidak menjurus ke arah yang negatif (Sias, Gallagher, Kopaneva, & Pedersen, 2011). Beberapa langkah yang dicadangkan seperti berikut:

Menjaga Jarak Peribadi Seseorang

Bagi golongan pekerja daripada golongan profesional muda Muslim, menjaga had-had ‘privacy’ atau hak peribadi seseorang rakan sekerja memang sangat diutamakan. Apatah lagi ia melibatkan pergaulan silang jantina adi antara pekerja lelaki dan pekerja wanita. Pekerja kena peka dengan perkara-perkara yang menjadi ‘taboo’ dalam masyarakat Malaysia. Ayat Quran sendiri telah menerangkan tentang had peribadi seseorang yang tidak boleh dicerobohi walaupun ia merupakan rakan rapat kita maupun jiran kita, apatah lagi mereka adalah rakan karib kita di tempat kerja. Firman Allah SWT Surah An-Nur, ayat 27: Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu)”.

Mengenai menjaga had-had peribadi dan ‘privacy’ ini, Islam amat menjaga agar umatnya tidak semudahnya menceroboh had peribadi seseorang, apatah lagi yang melibatkan pergaulan silang jantina. Mengikut (Zarbock, 2011) di dalam (Hall E.T., 1966) yang menyatakan bahawa terdapatnya tiga jarak peribadi yang tersembunyi pada setiap orang dan jarak-jarak tersebut mempunyai maksud tertentu yang membawa maksud kepada tiga kategori iaitu: 1) Jarak Peribadi dan intim – jarak di antara 1.5 kaki ~ 4 kaki ;jarak interaksi di antara rakan yang sangat rapat dengan kita seperti ahli keluarga, pasangan atau sahabat yang paling rapat dengan kita; 2) Jarak Interaksi Sosial - jarak di antara 4 kaki ~ 12 kaki ;Jarak interaksi sosial kita bersama rakan-rakan kita; 3) Jarak Umum atau ‘Public Distance’ – jarak di antara 12 kaki ~ 25 kaki; jarak biasa yang digunakan untuk pengucapan awam. Sebagai pergaulan biasa dan sehari-hari di tempat kerja, mengikut norma dan kebiasaan di negara ini, jarak yang biasa di amalkan ialah jarak interaksi sosial (Karir, 2013).

Menjaga Batas-Batas Pergaulan dengan Rakan Berlainan Jantina

Menjaga batas-batas pergaulan dan sentiasa berhati-hati agar tidak melampaui batasan sosial dan tatasusila agama serta adat ketimuran adalah sesuatu yang amat penting dan menjadi perkiraan dalam pergaulan sehari-hari di tempat kerja. Apatah lagi dengan suasana yang boleh mendatangkan fitnah dan syak-wasangka di kalangan kakitangan bila berlaku suasana yang mengundang fitnah seperti bermesyuarat hanya berdua lelaki dan wanita di tempat yang tertutup dan boleh mendatangkan prasangka orang lain terhadap mereka. Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir bin Samurah berkata; Rasulullah SAW bersabda:

“Janganlah salah seorang dari kalian berdua-duaan dengan wanita, kerana syaitan akan menjadi orang yang ketiganya.
(Hadith Riwayat Ahamd dan Tirmidzi).

Di dalam melaksanakan tugasan dan rutin harian di tempat kerja, adalah tidak menjadi kesalahan jika tugasan itu di buat bersama-sama di dalam satu kumpulan, asal sahaja kita tidak melanggar nilai-nilai yang di ajarkan oleh agama dan melampaui batas-batas dan aturan pergaulan. Namun begitu, walaupun diharuskan untuk bekerjasama dan bekerja di dalam satu kumpulan, nilai asas di dalam Islam terutamanya bagi golongan profesional muda Muslim, wajib mempertimbangkan nilai asas yang dipegang oleh pegangan agama yang seharusnya menjadi panduan dalam neraca pertimbangan kita.

Allah SWT telah berfirman di dalam surah Al-Quran melalui surah An-Nur, ayat 30 yang berbunyi seperti di bawah bagi memperingatkan kepada umat Islam tentang batas-batas pergaulan dan menundukkan pandangan mereka yang harus dijaga bagi mengelakkan bahaya yang lebih besar jika tidak menjaga batas-batas pergaulan di antara lelaki dan wanita. Firman Allah SWT di dalam surah An-Nur, ayat 30 yang bermaksud;

Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah maha mendalam pengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan”.

Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Polisi Hubungan Intim di Tempat Kerja

Polisi atau perlaksanaan sesuatu dasar atau peraturan yang dibuat oleh organisasi hendaklah juga meliputi peraturan berhubung dengan pergaulan sesama kakitangan di tempat kerja apatah lagi pergaulan di antara silang jantina di antara pekerja. Merujuk kepada (Shah & Ching, 2007) yang meminta pihak pengurusan organisasi sama ada di pihak jabatan kerajaan maupun swasta di negara ini agar sentiasa memperingatkan tentang polisi-polisi yang sedia ada dan kakitangan sentiasa diberi ingatan agar pergaulan sesama kakitangan yang berkait dengan hubungan yang menjurus kepada intim negatif hendaklah sentiasa di jauhi. Secara umumnya (Ismail & Azizan, 2004) mengatakan maksud polisi bermaksud suatu keputusan, persefahaman bersama atau perjanjian yang dicapai melalui proses tolak ansur atau melalui proses politik untuk memangkinkan proses perubahan yang dapat memberi kebaikan dan faedah kepada orang ramai yang terlibat. Walaupun demikian (Caldbeck, 2005) berpandangan bahawa polisi untuk kakitangan hendaklah diberikan kepada semua kakitangan dan menjadikannya rujukan terutamanya bila terdapatnya konflik yang berlaku di antara kakitangan dan majikan. Isu yang sama tentang penguatkuasaan polisi daripada pihak organisasi hendaklah diperketatkan bagi mengelakkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada intim negatif daripada terjadi di tempat kerja.

Bibit-bibit yang boleh membawa kesan negatif terhadap hubungan intim hendaklah di elakkan dengan penguatkuasaan polisi bagi mengawal batas-batas hubungan ini. Contohnya, polisi yang meminta agar pekerja lelaki dan wanita tidak dibenarkan untuk meneruskan pekerjaan selepas masa bekerja di pejabat secara berdua-duaan melainkan dengan kumpulan mereka secara beramai-ramai dan tidak mencurigakan. Dengan demikian, gejala negatif berkenaan hubungan intim sekurang-kurangnya dapat dicegah daripada berlaku. Benarlah firman Allah SWT di dalam Al-Quran Surah Al-Israa; ayat 32 Maksudnya:

“Janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang jahat (membawa kerusakan)”.

Sabitha Marican, 2004 mencadangkan melalui polisi yang sedia ada di Malaysia berkaitan hubungan intim yang negatif yang boleh juga mengakibatkan gangguan seksual dan trauma kepada pekerja yang menjadi mangsa, tindakan dan proses pencegahan serta program pendidikan dan peringatan-peringatan haruslah sentiasa diberikan kepada semua kakitangan. Program pendidikan serta penguatkuasaan polisi ini bukan hanya berupaya mencegah malahan dapat

membendung hubungan intim yang negatif daripada terus berlaku di tempat kerja.

Tidak Mengambil Kesempatan atas Kepercayaan yang Diberikan

Kepercayaan adalah sesuatu yang amat berharga yang hanya diberikan kepada seseorang bila kita telah lama mengenali dan mengenal hati budinya. Apakah lagi bagi rakan yang kita kenali dan rapat di tempat kerja. Seseorang akan mengambil masa yang lama untuk membina kepercayaan kepada seseorang sehinggalah kita benar-benar pasti bahawa seseorang itu tidak akan mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan (Reina & Reina, 1999). Seseorang sahabat yang kita rapat dan mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kita selalunya akan memberi komen ikhlas dan jujur pada kita tanpa ada sebarang prejedis (Atkins, 2002). Seorang sahabat yang ikhlas di dalam persahabatannya tidak akan mengambil kesempatan atas persahabatan yang mereka bina terutama bila kepercayaan telah terbentuk. Sebaliknya ia seboleh-bolehnya mahu kehidupan sahabatnya menjadi aman, komunikasi yang sentiasa membawa arah yang positif antara satu sama lain, memberikan ruang untuk memberi komen dan input yang benar walaupun kadang kala ia mempunyai rasa pahit untuk dihadapinya (Post & Walchli, 2014). Ini bermakna, seseorang sahabat yang telah diberi kepercayaan oleh sahabatnya yang lain, tidak mengambil peluang untuk merosakkan kepercayaan tersebut. Di dalam Al-Quran, Allah SWT telah berfirman tentang perihal pentingnya menjaga amanah dan ‘trust’ yang diberikan kepada kita. Firman Allah Surah Al-Anfal; ayat 27; Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman!, Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui (salahnya).”

Salam ayat di atas, Allah SWT telah memperingatkan hambaNya untuk sentiasa menjaga amanah ataupun kepercayaan yang diberikan kepada kita. Kita dilarang untuk mengkhianati amanah yang telah orang lain berikan kepada kita apakah lagi kepercayaan tersebut diberikan oleh sahabat rapat kita di tempat kerja.

Menghadkan Agar Tidak Terlalu Peribadi dengan Pekerja Bawahan

Menghadkan agar tidak terlalu rapat dan peribadi dengan kakitangan bawahan kita terutama dengan kakitangan silang jantina adalah salah satu langkah bagaimana golongan profesional belia muslim agar dapat terus menguruskan hubungan profesional mereka. Sebagai makhluk dan fitrah kejadian manusia, memang secara nalurinya Allah telah menjadikan manusia akan mencari pasangan di kalangan silang jantina di antara mereka (Ulwan, 1997). Namun demikian, Islam mengajarkan agar kita menjaga adab-adab pergaulan bagi mengelakkan bahan yang lebih besar lagi akibat tidak menjaga adab-adab di dalam pergaulan sehingga menatihkan hubungan intim yang negatif (Hussin, 2008).

Misalnya, dalam kerja-kerja di luar waktu pejabat dan kerja lebih masa,

ketua atau pemimpin mengingatkan agar jangan berdua-duaan lelaki dan wanita di suasana sunyi di waktu malam. Jika menyiapkan kerja-kerja yang tertangguh ataupun tender, mereka hendaklah dalam bilangan yang lebih dari dua orang. Semua tindakan ini adalah untuk menjaga kemaslahatan dan mengelakkan perkara-perkara yang mengundang fitnah dan keburukan yang lebih besar akibat dari pergaulan yang tidak dikawal (Prof. Dr Yusuf Al-Qardhawi, 2013). Bagi belia muslim, pegangan agama dan pengamalan Islam hendaklah diperkuuhkan dalam diri sebagai pembenteng dari terlibat dengan perkara-perkara yang membawa kesan negatif bukan sahaja kepada dirinya, malahan kepada organisasi yang dianggotainya. Prinsip ini memang wajib dijaga agar pergaulannya dibatasi dengan nilai akhlak dan pegangan agama yang kukuh bagi mengelakkan perkara-perkara yang buruk dari berlaku (Hadi Kuncoro, 2014). Bagi belia Muslim, persahabatan di tempat kerja juga mempunyai had-had tertentu agar batas-batas pergaulan sentiasa terpelihara.

Menjaga Batas-Batas Agama sebagai Pendinding Pergaulan

Agama diturunkan oleh Allah SWT, sang pencipta segala alam ini sepatutnya dijadikan panduan oleh manusia di dalam memandu kehidupan ini. Di dalam Islam, ia amat menjaga perhubungan yang bebas dan percampuran di antara lelaki dan wanita yang halal bernikah bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar dari berlaku akibat pergaulan yang tidak terkawal (Ainul Bashirah Ismail, 2012). Walaupun begitu, pergaulan di antara lelaki dan wanita yang bukan ‘ajnabi’ di haruskan di dalam bentuk dan suasana yang terkawal dan dapat menghindari dari perkara-perkara yang membawa fitnah yang lebih besar (Prof. Dr Yusuf Al-Qardhawi, 2013). Contohnya, pergaulan itu dibolehkan di dalam konteks mencari ilmu, mencari rezeki dan lain-lain tindakan yang diharuskan di dalam islam. Bagi golongan profesional muda Muslim, pegangan agama dan keyakinan yang kuat terhadap kehendak agama itu sendiri yang mendorong para penganutnya dari terlibat di dalam pergaulan yang tidak dapat dikawal. Pendek kata, pegangan agamalah yang dapat menjadi pendinding dan pengawal bagi profesional muda muslim dari terlibat dalam hubungan intim negatif (Fauziah Ibrahim et al., 2012).

Namun begitu, etika dan moral sahaja tanpa bersandarkan kepada nilai-nilai agama, ia adalah sesuatu yang rapuh dan tidak dapat bertahan lama. Bila hanya nilai moral dan etika sahaja yang kita cuba tanamkan pada para pekerja, ia tidak lebih hanya membincangkan soal apa yang boleh dan apa yang tidak boleh (Zaharah Hussin, 2005). Tetapi bila nilai moral dan etika itu kita sandarkan kepada nilai-nilai kesyumulan agama dan ia melibatkan balasan dosa dan pahala, ia sebenarnya dapat memberi kesan kepada pekerja bahawa kerja buat yang kita semua lakukan, bukan hanya habis di sini sahaja, namun akan diadili oleh mahkamah Allah SWT di akhirat nanti. Oleh yang demikian, profesional muda muslim hendaklah mengukuhkan pegangan agama kerana ianya akan menjadi tunjang bagi mengawal para pekerja belia muslim dari terlibat dengan aktiviti tidak sihat dan negatif. Disamping itu, polisi dari pihak kepimpinan organisasi juga memainkan peranan penting bagi mengawal kakitangan mereka terlibat dengan pergaulan bebas akibat dari hubungan intim negatif di tempat kerja (Coussee, 2009).

RUMUSAN

Sebagai rumusannya, hubungan intim profesional adalah hubungan yang amat akrab, rapat, erat serta intim yang berlaku di kalangan pekerja. Perhubungan erat yang sedemikian rupa adalah suatu yang amat perlu bagi melancarkan komunikasi yang berlaku di dalam organisasi, apatah lagi kebanyakan para sekerja sekarang adalah majoritinya dari kalangan para belia yang terdiri dari generasi Y. Intim profesional ini perlu bagi memudahkan perjalanan organisasi, mengukuhkan pasukan kerja disamping maklumat yang amat pantas diperlukan bagi setiap pihak membuat keputusan dengan pantas sesuai dengan kehendak pelanggan. Namun begitu, di dalam kita asyik dengan mengalakkannya untuk kakitangan bekerja dengan berkesan, tepat dan menjimatkan masa, jangan dilupa bahawa sebagai pekerja terutamanya belia muslim, kita ada tatasusila dan pengangan agama yang wajib dijaga dan dipatuhi agar tidak memandang enteng perkara ini. Justeru itu, peranan para pemimpin organisasi hendaklah memberi kesedaran tentang akibat daripada pergaulan bebas natijah dari perhubungan intim profesional ini jika tidak dikawal, dipantau dengan baik akan membawa akibat buruk bukan sahaja pada individu yang terlibat, namun ia juga akan menjelaskan perjalanan organisasi, serta membawa impak yang negatif kepada masyarakat di sekitarnya. Oleh yang demikian, sudah tentulah para belia perlu dididik akan bahayanya hubungan intim yang negatif di tempat kerja selain penerapan polisi berkaitan hubungan antara kakitangan yang harus di laksanakan agar sebuah masyarakat belia berakhhlak serta pekerja yang kompeten dapat dihasilkan.

RUJUKAN

- Ainul Bashirah Ismail. 2012. Kesalahan Khalwat dan Perbuatan tidak sopan serta hukumnya menurut Islam. *Journal Hadhari, UKM*, 4(2), 65–88.
- Ardelt, M., & Day, L. 2002. Parents, Siblings, and Peers:: Close Social Relationships and Adolescent Deviance. *The Journal of Early Adolescence*, 22(3), 310–349.
- Atkins, K. 2002. Friendship, trust and forgiveness. *Philosophia*, 29(1-4), 111–132.
- Bauminger, N., Finzi-Dottan, R., Chason, S., & Har-Even, D. 2008. Intimacy in adolescent friendship: The roles of attachment, coherence, and self-disclosure. *Journal of Social and Personal Relationships*, 25(3).
- Caldbeck, R. 2005. The Importance of an HR Policies & Practices Strategy | Entrepreneur. HR Policies. Retrieved from <http://www.entrepreneur.com/article/76982>
- Carnavale. 1988. The Skill employers want. Employment and Training Administration. American Society of Training and Development, (Washington D.C.

- Charles Horton Cooley. 2009. Human Nature and the Social Order (9th. ed.). (New York) Schocken Books, Inc.
- de Kemp, R. a. T. 2006. Early Adolescent Delinquency: The Role of Parents and Best Friends. *Criminal Justice and Behavior*, 33(4), 488–510.
- Demuth, S. 2004. Understanding the Delinquency and Social Relationships of Loners. *Youth & Society*, 35(3), 366–392.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015. Makna Intim mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka 2015.
- Douglas M. McGregor. 1964. Human Enterprise.Samford University, Alabama USA
- Eraut,M. 2004. Informal learning in the workplace. *Studies in Continuing Education*, 26(2), 247–273.
- Fadhilah,Z. bte. 1996. Ketuhanan dan Manusia menurut Islam. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, UTM, Kuala Lumpur.
- Fadillah Mansor. 2007. Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Pengurusan Islam. *Pembangunan Modal Insan*, 74, 85–109.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir, & Salina Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 84–93.
- Filip Coussee. 2009. Empowering the powerful: Challenging hidden processes of marginalization in youth work policy and practice in Belgium. *Critical Social Policy*, 29(3), 421–442.
- Graff, R., Korum, K., Randall, S., & Simmons, T. (n.d.). From youth worker professional development to organizational change, (139) (New Direction for Youth Development)
- Hadi Kuncoro. 2014. Arti Pemuda dalam Islam. Fakulti Ushuluddin, Gontor, 1–2.
- Hall E.T. 1966. The Hidden Dimension. Garden City, New York.
- Hamzah, A. 1997. Pendidikan Pengembangan dan Pendidikan Non-Formal di Kalangan Belia. *Youth Development*. (Penerbit UPM, Serdang)

- Henry, P., Morgan, S., & Hammond, M. 2010. Building Relationships through Effective Interpersonal Engagement : A Training Model for Youth Workers, 25–38.
- Hill, E. N., & Swenson, L. P. 2014. Perceptions of friendship among youth with distressed friends. *Child Psychiatry and Human Development*, 45(1), 99–109.
- Hunter, S. 2002. Productive Workplace. *Executive Excellence*, 19, 11. Retrieved from <http://ezproxy.net.ucf.edu/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=buh&AN=5900205&site=ehost-live>
- Hussin, S. 2008. Kesejahteraan dan Kedamaian melalui Pembangunan Modal Insan. *Pembangunan Modal Insan*, 3(4), 1–17.
- Ibrahim, R. 2002. Literasi Alam Sekitar Menurut Paradigma Agama. *Jurnal Pengajian Umum*, 3, 137–148.
- Indra Laksana, Muchaeroni, Syamsu Arramly, U. S. 2007. *Tafsir Quran Al Karim Miracle The Reference*. Bandung: Sigma Publishing.
- Ishak Bin Mad Din. 2003. Faktor-faktor Kerja Berpasukan dan Pengaruhnya kepada Prestasi. *Journal Kemanusiaan*, UTM.
- Ismail, A., & Azizan Asmuni, P. 2004. Pembentukan Polisi Pembangunan. Serdang: IDEAL.
- Karir, P. 2013. Membangun Hubungan Profesional yang Erat □.
- Kementerian Belia dan Sukan. 2006. FAQ akta belia: Putrajaya, Kementerian Belia dan Sukan.
- Kohlenberg, R. J., Kohlenberg, B., & Tsai, M. 2008. *A Guide to Functional Analytic Psychotherapy*, 1–246. Seattle;University of Washington.
- Maziah Che Yusoff. 2002. Pendekatan Strategik Pengurusan Sumber Manusia. *Pengurusan Awam*, 66–73. Kuala Lumpur; Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. Tinjauan kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia). *Al-Tamaddun*. (Vol: 7)
- Mustari, M. I. 2007. Pembentukan nilai dan kecemerlangan bagi melahirkan Generasi Muda yang mampan dalam menghadapi era pasca Modenisme. *Pembangunan Belia*, 4.

- Nik Mustapha Nik Hassan. 2011. *Falsafah Pengurusan Organisasi Mengikut Islam. Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur; IKIM.
- Noordegraaf, M. 2011. Remaking professionals? How associations and professional education connect professionalism and organizations. *Current Sociology*, 59(4), 465–488.
- Pamela Friedman. 2007. Getting Youth to the Workplace. United States; Labor Employment and Training Administration
- Parkan, B. 2008. Professionalism: A virtue or estrangement from self-activity? *Journal of Business Ethics*, 78(1-2), 77–85.
- Post, G. V., & Walchli, S. B. 2014. Social Network Privacy: Trusting Friends. *Journal of Information Privacy and Security*, 10(3), 113–137.
- Prof. Dr Yusuf Al-Qardhawi. 2013. *Halal dan Haram di dalam Islam*. (Zulkiflee Muhamad Al Bakri, Ed.). Kuala Liumpuir: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Puteh, A. Bin. 2001. *Perkembangan dan Pembentukan Remaja menurut Perspektif Islam*. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim, S. A. 2007. *Pengurusan Pembangunan Belia ke Arah Pembentukan Generasi 2057*., 1–9.Putrajaya; Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Reina, D. S., & Reina, M. L. 1999. Trust and Betrayal in the Workplace Building Effective Relationships in Your Organization. *Advance Human Resource Management*, 9(800).
- Reisman, J. M. 1990. Intimacy in same-sex friendships. *Sex Roles*, 23(1-2), 65–82.
- Rosmidzatul Azila Binti Mat Yamin. 2013. *Tanggungjawab Pendidikan Alam Sekitar Jurnal. Alam Sekitar*, (Penjagaan Alam Sekitar), 2013.
- Sabitha Marican, S. A. & M. H. I. 2004. *Strategi Pendidikan dalam Menangani Gangguan Seksual Terhadap Organisasi dan Individu di Tempat Kerja*. Islamic Theology and Philosophy. Kuala Lumpur; Universiti Malaya.
- Shah, I. M. A. D., & Ching, L. A. I. L. E. E. 2007. Gangguan seksual di tempat kerja dan hubungannya dengan tekanan kerja dan kepuasan kerja, 34, 51–63. *Journal Teknologi*.
- Shanken, L. C. 1983. Identity and Intimacy formation in young adults. *Social Change*, 125.

- Shulman, S., Laursen, B., Kalman, Z., & Karpovsky, S. 1997. Adolescent Intimacy Revisited. *Journal of Youth and Adolescence*, 26(5), 597–617.
- Sias, P. M., Gallagher, E. B., Kopaneva, I., & Pedersen, H. 2011. Maintaining Workplace Friendships: Perceived Politeness and Predictors of Maintenance Tactic Choice. *Communication Research*, 39(2), 239–268.
- Smith, A. L. 2003. Peer relationships in physical activity contexts: a road less traveled in youth sport and exercise psychology research. *Psychology of Sport and Exercise*, 4(1), 25–39.
- Sullivan, C. J. 2006. Early Adolescent Delinquency: Assessing the Role of Childhood Problems, Family Environment, and Peer Pressure. *Youth Violence and Juvenile Justice*, 4(4), 291–313.
- Tahir, N. 2001. Teori perkembangan. *Perkembangan Kendiri*. Ipoh; Institut Pendidikan Guru Ipoh.
- Tim Loven. 2006. Intimacy and bonding in pedagogy, *Intimacy and Bonding* (1970), 33–47.
- Ulwan, A. N. 1997. Pendidikan anak-anak dalam Islam - Abdullah Nasih Ulwan. Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura.
- Van Fleet, D. D. 1973. The Need-hierarchy and Theories of Authority. *Human Relations*, 26(5), 567–580.
- Wignjosoebroto, M. 2013. Pengertian profesionalisme. *Profesinal Dan Kemahiran*. Jakarta; Pengajian Dewasa
- Yakan, F. 2005. Generasi muda dan perubahan. *Youth Relationships*, 1–26.
- Zaharah Hussin. 2005. Mendidik Generasi berakhhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. *Pendidikan* 2005, Universiti Malaya, (Masalah Pendidikan), 79–95. Kuala Lumpur; Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Zarbock, S. 2011. The art of physical assessment: crossing personal space. *JAAPA : Official Journal of the American Academy of Physician Assistants*, 24(february), 15.

Profil Penulis:***Mohd Faridz Bin Ismail***

*Institut Pengajian Sain Sosial
Universiti Putra Malaysia
faridzputrajaya@gmail.com*

Ismi Arif Ismail, Ph.D

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan,
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
ismi@upm.edu.my*

Haslinda Ahmad, Ph.D

*Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM
lynn@upm.edu.my*

Soaib Asimiran, Ph.D

*Pejabat Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni,
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.
soaib@upm.edu.my*

PENGLIBATAN JIRAN MUDA DALAM AKTIVITI RUKUN TETANGGA DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

WAN ZUMAIZA WAN MUSTAPHA, SARJIT S. GILL & ISMI ARIF ISMAIL

ABSTRAK

Perpaduan kaum yang wujud di negara ini dikatakan masih bersifat luaran dan belum mencapai apa yang diidamkan oleh semua masyarakat Malaysia, iaitu perpaduan yang berasaskan saling menghormati, bersikap toleransi dan menghargai kepelbagaiannya. Usaha memupuk perpaduan perlu diteruskan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan dan ia perlu ditanamkan dalam jiwa generasi muda yang merupakan bakal pelapis pemimpin negara. Golongan muda perlu mendekati masyarakat melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti kemasyarakatan melalui aktiviti anjuran Rukun Tetangga dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan ke arah pemantapan perpaduan masyarakat peringkat komuniti. Oleh itu, artikel ini membincangkan penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga di Kawasan Rukun Tetangga Daerah Hulu Langat, Selangor. Responden kajian ini ialah seramai 401 Jiran Muda yang berumur di antara 13 hingga 21 tahun yang terdiri dari kaum Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Artikel ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap penglibatan yang sederhana dalam penglibatan aktiviti Rukun Tetangga. Artikel ini juga menunjukkan bahawa tahap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga masih belum mencapai tahap tinggi dan hanya pada tahap sederhana, iaitu 76.5%. Penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga masih kurang memuaskan. Oleh itu, tahap penglibatan mereka boleh dipertingkatkan melalui usaha dan kerjasama Jawatankuasa Rukun Tetangga dan JPNIN.

Kata Kunci: Penglibatan, Rukun Tetangga, Jiran Muda, Toleransi, Perpaduan

ABSTRACT

Ethnicity unity in this country has not achieved the level Malaysia aspired to which is based on mutual respect, tolerance and diversity. The effort to nurture unity must be continued to achieve the objective of unity and must be embedded in our young generation who will be the country future leaders. The youth must bring themselves closer to the community through various community activities. The involvement of Jiran Muda which is based on community activities organised by Rukun Tetangga and JPNIN is another effort to strengthen the community bonding. The aim of the article is to measure the level of involvement of Jiran Muda in activities organised by Rukun Tetangga in the district of Hulu Langat, Selangor. The total number of respondents in this research was 401 youth or Jiran Muda within the age 13 to 21 of Malay, Chinese, Indian ethnicity and Bumiputera or the natives of Sabah and Sarawak. This findings showed that majority of the respondents only attained

average level involvement in Rukun Tetangga activities. It is also found that the level of involvement of Jiran Muda in the Rukun Tetangga activites has not achieve high level and was only average, at 76.5%. The involvement of Jiran Muda in Rukun Tetangga activities is still at unsatisfactory level. The level of involvement can still be enhanced through the efforts and collaboration of Rukun Tetangga Committee Members and JPNIN.

Keywords: *Participation, Rukun Tetangga, Youth, Tolerance, Unity*

PENGENALAN

Perpaduan antara etnik menjadi matlamat pembangunan negara sejak Rancangan Malaysia Kedua (1970-1974) dan matlamat perpaduan sentiasa termaktub dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun negara. Ia kerana perpaduan adalah pemangkin kepada kestabilan sosial dan pembangunan sesebuah negara. Perpaduan juga mencetuskan keharmonian sosial, kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, perpaduan nasional sentiasa menjadi agenda utama untuk memantapkan semangat kekitaan sesama masyarakat yang berlainan latar belakang. Perpaduan yang sedia terjalin perlu diperkuuhkan lagi dengan mewujudkan suasana yang harmoni, progresif dan dinamik.

Persefahaman dan perpaduan antara kaum yang kita capai hari ini masih di tahap sederhana dan usaha perlu diteruskan agar generasi hadapan lebih memahami aspirasi negara untuk muncul sebagai model utama dalam aspek perpaduan dan kerjasama antara kaum (Wan Hashim, 1983). Pelbagai usaha telah diambil untuk mengukuhkan lagi hubungan sosial pelbagai etnik di negara ini serta membina masyarakat yang lebih adil dari segi struktur sosial dan ekonomi. Menyedari tentang pentingnya perpaduan nasional dalam konteks masyarakat berbilang bangsa dan etnik di Malaysia, tercetusnya idea untuk menubuhkan Rukun Tetangga. Pada tahun 1975, Jemaah Menteri telah meluluskan undang-undang menguatkuasakan Rancangan Rukun Tetangga iaitu Peraturan- Peraturan Perlu (Masyarakat Berdikari), 1975 yang bermatlamat supaya masyarakat berbilang kaum berkenalan antara satu sama lain dan mengawal keselamatan kawasan masing-masing (Tun Abdul Razak,1975).

Peranan utama Rukun Tetangga juga daripada aspek penganjuran kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan dan program meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum. Jiran Muda merupakan salah satu dari cawangan di bawah Jawatankuasa Rukun Tetangga yang ditubuhkan bertujuan untuk menarik dan melibatkan golongan remaja dalam aktiviti kejiranan dan pembangunan komuniti. Di samping mewujudkan interaksi di antara rakan sebaya dan penduduk di kawasan kejiranan, tumpuan aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga juga untuk menghindarkan golongan muda terlibat dalam gejala sosial.

Pelbagai usaha serta pendekatan yang telah dibuat oleh pihak Jabatan

Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk menonjolkan peranan Rukun Tetangga di peringkat komuniti serta menggalakkan penglibatan komuniti di kawasan kejiranan dalam aktiviti anjuran Rukun Tetangga seperti melalui program transformasi RT dan penggubalan Akta RT 2012 dan sebagainya. Cawangan Jiran Muda diwujudkan juga untuk memainkan peranan penting dalam membantu Rukun Tetangga untuk mencapai matlamat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Walau bagaimanapun, Jiran Muda masih belum memperlihatkan peranannya dalam membantu RT dari segi menggalakkan interaksi masyarakat setempat dan membantu memberikan latihan yang bersesuaian untuk pembangunan belia dan komuniti. Oleh itu, penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga perlu diberi perhatian dalam usaha menggalakkan Jiran Muda untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti Rukun Tetangga.

Objektif Rukun Tetangga yang dibentuk adalah untuk memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (Shamsul Amri, 2008). Manakala Alias Mohamad (2005) mengemukakan konsep Rukun Tetangga seperti:

1. Membina komuniti dengan menggalakkan penyertaan dan tanggungjawab kepada Rukun Tetangga masing-masing dalam membangunkan komuniti;
2. Menjadi jambatan antara pemimpin dan orang ramai iaitu Rukun Tetangga sebagai platform kepada kedua-dua pihak melalui aktiviti sosial;
3. Meningkatkan keupayaan komuniti untuk menghadapi cabaran perubahan sosial, corak kehidupan dan sistem kekeluargaan;
4. Meningkatkan kualiti kehidupan melalui perkhidmatan sosial
5. Menggalakkan penyertaan yang aktif kalangan ahli dalam menggalakkan ‘Satu Sektor KRT Satu Produk’.

Apabila membicarakan soal pembangunan komuniti, program yang dijalankan perlu menekankan pembentukan dan perencanaan aktiviti-aktiviti yang terancang yang bertujuan untuk membangunkan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik. Pembentukan program atau aktiviti merupakan proses merancang dan melaksanakan siri aktiviti untuk mencapai proses perubahan yang berkesan (Boyle, 1981). Pembangunan komuniti dalam pengertian ini dikaitkan dengan pelaksanaan program yang dilancarkan dengan kerjasama agensi kerajaan ataupun badan bukan kerajaan berbentuk pendidikan tidak formal, yang pada keseluruhannya program tersebut melibatkan pengajur yang membentuk program dengan masyarakat yang menerima program (Haris & Abdul Hadi, 2012).

Salah satu aspek yang penting dalam pembangunan komuniti ialah penglibatan anggota komuniti dalam projek dan program pembangunan yang diadakan adalah mengikut keperluan serta inisiatif komuniti itu sendiri. Ianya merupakan kerjasama secara bersepadu dan menyeluruh melibat semua pihak iaitu komuniti bersama dengan pihak tertentu yang dapat menyediakan dan memberikan

perkhidmatan yang dikehendaki oleh komuniti. Pembangunan komuniti yang mengandungi prinsip demokrasi memberikan peluang kepada rakyat untuk turut serta dan bekerjasama dengan pihak pengajur untuk kemajuan ekonomi serta sosial dalam komuniti. Penglibatan dan kerjasama anggota komuniti dapat melahirkan daya cipta baru dalam komuniti seperti mengekalkan idea-idea yang kreatif, cara menyusun dan membimbing organisasi sosial dengan berkesan (Benny, 2007).

Pemimpin masyarakat merupakan individu penting yang dapat membantu masyarakat untuk menyusun dan merancang program berdasarkan kehendak semasa masyarakat (Killacky & Karam, 1993). RT memainkan peranan penting dalam penyusunan serta pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat serta menggalakkan penglibatan daripada pelbagai lapisan umur serta pelbagai etnik. Kajian Meor Azam (2010) menunjukkan hubungan dan penglibatan secara berterusan menerusi pelaksanaan aktiviti mampu mengintegrasikan Jiran Muda dalam komuniti kejiranan dan penyertaan Jiran Muda dalam aktiviti mentransformasikan mereka sebagai ahli komuniti yang komited ke arah memperkasakan institusi kejiranan. Klein (2006) menyatakan bahawa pembangunan diri generasi muda lebih berkesan dengan agensi atau organisasi yang berkaitan dengan komuniti di kawasan kediaman mereka. Rukun Tetangga merupakan organisasi yang memainkan peranan secara langsung dalam membangunkan diri Jiran Muda khususnya di kawasan kejiranan serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Rabushka (1969), Sanusi Osman (1982), Shafiee Bohari et al (1994) dan Tan Min Nee (1999) menunjukkan Rukun Tetangga (RT) daripada aspek kejiranan dalam satu-satu kawasan akan melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan etnik untuk memungkinkan berlakunya proses kenal-mengenal, interaksi dan perpaduan (Mohd Taib, 2007). Mohd Taib (2009) menyatakan konsep Program RT iaitu yang melibatkan masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu Cina, India dan Pribumi yang mempunyai kepelbagaian agama, budaya, bahasa dan adat resam masing-masing menjalankan pelbagai aktiviti bagi mewujudkan perpaduan kaum. Ini bermakna bahawa Rukun Tetangga diwujudkan untuk memupuk amalan budaya setempat dengan menjalankan pelbagai aktiviti ke arah mewujudkan perpaduan serta pembangunan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

Aspek penglibatan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pembangunan terutama dalam konteks pembangunan komuniti. Menerusi penglibatan, komuniti dapat membentuk keupayaan mereka dan membina pendayaupayaan komuniti. Penglibatan komuniti disepadukan dengan usaha pihak kerajaan (United Nation, 1960) bagi tujuan mensejahterakan komuniti. Penglibatan dilihat sebagai satu proses dan ia bersifat berterusan. Penglibatan sebagai satu proses boleh dilihat pada peringkat membuat keputusan, melaksana, menikmati faedah dan

juga menilai sesuatu program atau projek (Cohen & Uphoff, 1980).

Rahnema (2007) menekankan peranan aktif komuniti mesti berlaku atau digerakkan secara sedar dan bebas/sukarela, bukan seperti yang kerap berlaku dengan komuniti yang diminta atau dilibatkan dalam kegiatan atau pada peringkat projek tertentu sahaja sebagai memenuhi syarat “penyertaan komuniti”. Penyertaan komuniti secara sedar bererti komuniti seharusnya memahami tujuan dan kemungkinan kesan-kesan dan implikasi penyertaan mereka. Penyertaan atau penglibatan aktif dan inisiatif komuniti merupakan suatu mekanisme utama dalam proses pemerkasaan di mana komuniti itu sendiri mesti terlibat, bergerak dalam keseluruhan proses kerja, bukan selaku pemerhati/ penerima atau ikut serta dalam hal-hal tertentu sahaja (Azizan, 2013). Sebagai sukarelawan komuniti pula, mereka harus mempunyai minat dan keprihatinan terhadap komuniti mereka dan sedia berkongsi dengan rela hati, ikhlas, dan tanpa mengharapkan ganjaran material (Azimi Hamzah & Turiman Suandi, 1996).

Mohd Fazli (1999) menjalankan kajian berkaitan penglibatan remaja dalam program Jiran Muda (JM) mendapat sejumlah besar remaja terlibat dalam kegiatan JM disebabkan pengaruh ahli keluarga yang terlibat secara langsung dengan kegiatan Rukun Tetangga di kawasan berkenaan. Kajian mendapat kerjasama antara golongan dewasa dan belia di kawasan kejiranan melahirkan kemesraan antara ibu bapa dan anak-anak selain mewujudkan kekuatan sosial melalui kesepadan yang kukuh dalam institusi keluarga, kejiranan dan masyarakat (Ianni, 1996).

Berdasarkan kajian Haslinda Hashim dan Regina Abdullah (2009), mengenai penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar mendapat bahawa tahap penglibatan komuniti tersebut adalah amat rendah. Ia disebabkan oleh faktor kekurangan maklumat yang disalurkan kepada komuniti, komuniti tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dan juga faktor ketelusan dalam membuat keputusan. Didapati bahawa faktor penglibatan di tahap sederhana, ada kemungkinan sekiranya maklumat tentang aktiviti Rukun Tetangga khususnya untuk Jiran Muda ini disebar luaskan kepada komuniti akan dapat menarik minat golongan muda supaya turut terlibat dan dapat meningkatkan lagi tahap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT.

Ini disokong dengan kajian Meor Azam (2010) tentang keberkesanannya organisasi Jiran Muda di Kawasan Rukun Tetangga Taiping, Perak yang menunjukkan bahawa melalui pengetahuan mampu menarik minat Jiran Muda untuk mendekati dan menyertai organisasi Jiran Muda dan penyertaannya meningkatkan pengetahuan mengenai peranan dan hala tuju organisasinya. Walau bagaimanapun responden Jiran Muda memberikan maklum balas bahawa kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terutama melibatkan aspek perlantikan, geran peruntukan, pembangunan dan kebajikan Jiran Muda (Meor Azam, 2010).

Menurut Asnarulkhadi & Fariborz (2009), proses penglibatan dalam pembangunan komuniti diperkasakan dengan kemampuan membuat perubahan berdasarkan keperluan sendiri dan setelah mengetahui masalah yang dihadapi. Individu perlu berinteraksi dan mempengaruhi antara satu sama lain, menggerakkan dan menguruskan berdasarkan apa yang ditentukan, melakukan dan mengambil tindakan menyeluruh untuk menyelesaikan masalah bagi mencapai matlamat yang ingin dicapai. Oleh itu pemerkasaan penglibatan dalam aktiviti perpaduan melalui penglibatan ahli komuniti perlu berdasarkan kemampuan individu sendiri untuk membuat perubahan berdasarkan keperluannya dan masalah yang dihadapi melalui interaksi dengan komuniti dan melaksanakan aktiviti ke arah penyelesaian masalah dan mencapai apa yang disasarkan.

Dalam konteks aktiviti ke arah perpaduan, matlamat yang ingin dicapai ialah untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum di komuniti Rukun Tetangga melalui aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga. Proses untuk mencapai matlamat tersebut tidak dapat dicapai sekiranya masalah yang dihadapi individu sebagai ahli komuniti tetapi tidak dikongsi dengan ahli komuniti, sokongan dan komitmen ahli komuniti juga diperlukan untuk memperkasakan komuniti secara menyeluruh melalui penglibatan dalam pembangunan komuniti dan pemerkasaan individu juga menyumbang kepada pemerkasaan seluruh komuniti (Kieffer, 1984).

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah penyelidikan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik. Penyelidikan deskriptif digunakan untuk memperihalkan sesuatu situasi atau fenomena secara sistematik. Kajian ini adalah merupakan kajian lapangan yang bertujuan untuk mengetahui penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga, maka reka bentuk kajian yang dipilih ialah berbentuk kajian tinjauan. Kaedah tinjauan ini dipilih kerana kajian tinjauan mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek (Piaw, 2006). Menurut (Noraini Idris, 2010), kajian tinjauan sangat berguna apabila berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung.

Kajian ini dijalankan di Kawasan Rukun Tetangga di daerah Hulu Langat, Selangor. Lokasi kajian ini dipilih kerana bersesuaian keadaan masyarakat multi-ethnic di kawasan ini. Selain faktor pemilihan lokasi melibatkan kawasan Rukun Tetangga daerah Hulu Langat yang terbanyak di Selangor, iaitu sebanyak 197 Rukun Tetangga dan aktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti Rukun Tetangga yang melibatkan Jiran Muda, iaitu sekurang-kurangnya 30 aktiviti setiap bulan. Negeri Selangor mempunyai jumlah Rukun Tetangga yang terbanyak di Semenanjung Malaysia, iaitu sebanyak 882 Kawasan Rukun Tetangga. Jumlah cawangan Jiran Muda daerah Hulu Langat juga adalah terbanyak iaitu sebanyak 83 cawangan. Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada 401 orang Jiran Muda (13-21 tahun) terpilih di daerah Hulu Langat terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan bumiputra Sabah dan Sarawak yang merupakan sampel bagi mewakili populasi

belia di Negeri Selangor. Penentuan sampel responden pula adalah berdasarkan formula pengiraan Krejcie dan Morgan (1970).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Taburan Keseluruhan Demografi Responden Jiran Muda di Kawasan Rukun Tetangga Daerah Hulu Langat

Item	(n)	Peratusan(%)
Umur		
13-15	188	47
16-18	173	43
19 -21	40	10
Jantina		
Lelaki	229	57.1
Perempuan	172	42.9
Etnik		
Melayu	362	90.3
Cina	1	0.2
India	26	6.5
Bajau	2	0.5
Iban	1	0.2
Murut	1	0.2
Tiada jawapan	8	2.0
Agama		
Islam	361	90
Buddha	1	0.2
Hindu	26	6.5
Kristian	2	0.5
Tiada jawapan	11	2.7
Tahap Pendidikan		
UPSR	153	38.2
PMR	138	34.4
SPM	94	23.4
STPM	3	0.7
SIJIL KEMAHIRAN	8	2.0
DIPLOMA	5	1.2

Berdasarkan Jadual 1, responden kajian ini terdiri dari yang berumur 13-21 tahun. Umur responden dibahagikan kepada tiga kelas umur iaitu, 47% (188) responden berumur dalam lingkungan 13-15 tahun, diikuti 43% (173) berumur dalam lingkungan 16-18 tahun dan 40% (40) berumur dalam lingkungan 19-21

tahun. Majoriti responden kajian ini berusia antara 13-15 tahun manakala responden yang paling sedikit dalam lingkungan umur 19-21 tahun. Manakala daripada segi taburan jantina, secara umumnya, majoriti jantina responden kajian ini ialah dalam kalangan golongan lelaki iaitu seramai 229 orang bersamaan (57.1%). Manakala responden perempuan pula adalah seramai 172 iaitu (42.9%).

Taburan daripada segi etnik menunjukkan etnik Melayu adalah yang paling ramai iaitu sebanyak 90.3% (362) dan diikuti dengan kaum India sebanyak 6.5% (26 orang), kaum Cina 0.2% (1), terdapat juga kaum dari Sabah iaitu Bajau 0.5% (2), dan dari Sarawak iaitu Iban 0.2% (1) dan Murut 0.2% (1). Taburan kaum kajian ini menunjukkan bahawa majoriti etnik Melayu terlibat dalam aktiviti anjuran JPNIN. Taburan mengikut agama pula secara umum, majoriti responden hasil kajian adalah beragama Islam iaitu 90% (361), diikuti 0.2% (1) beragama Buddha, 6.5% (26) beragama Hindu dan 0.5% (2) beragama Kristian serta 2% (11) tidak mengisi jawapan. Manakala tahap pendidikan responden pula majoriti mempunyai tahap pendidikan responden ialah UPSR iaitu sebanyak 38.2% (153 orang) diikuti dengan PMR 34.4% (138 orang), SPM 23.4% (94), STPM 0.7% (3), Sijil Kemahiran 2.0% (8) dan Diploma 1.2% (5).

Jadual 2: Ahli Jiran Muda

Jantina	n	Peratusan (%)
Ahli	334	83.3%
Bukan Ahli	67	16.7%
Jumlah	401	100.0

Majoriti responden kajian ini iaitu 83.3% (334) menjawab mereka ahli Jiran Muda manakala 16.7% (67) menjawab mereka bukan ahli Jiran Muda. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden yang tidak mengetahui mereka adalah Jiran Muda, ini merujuk kepada Pekeling Rukun Tetangga iaitu semua remaja lingkungan umur 13-21 tahun di Kawasan Rukun Tetangga ialah ahli Jiran Muda dan keseluruhan responden dari Kawasan Rukun Tetangga daerah Hulu Langat.

Jadual 3: Tempoh Penglibatan dalam Aktiviti RT

Bulan	n	Peratusan (%)
1 – 12	237	59.1%
Lebih dari 12	164	40.8%
Jumlah	401	100.0

Majoriti responden kajian iaitu 59.1% (237) telah melibatkan diri dalam Jiran Muda dalam tempoh 1 hingga 12 bulan. Manakala 40.8% (164) terlibat dalam Jiran Muda lebih dari 12 bulan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden masih baru melibatkan diri dalam aktiviti Rukun Tetangga.

Jadual 4 : Penglibatan Jiran Muda dalam Aktiviti Rukun Tetangga (RT)

Jantina	n	Peratusan (%)
Galakan RT	154	38.4%
Bukan Galakkan RT	247	61.6%
Jumlah	401	100.0

Majoriti responden kajian iaitu 61.6% (247) tidak mendapat galakkan dari RT untuk terlibat dalam aktiviti Jiran Muda. Manakala 38.4% (154) menjawab mendapat galakkan daripada pihak RT. Ini menunjukkan RT masih belum memainkan peranan sepenuhnya untuk menggalakkan Jiran Muda terlibat dalam aktiviti Rukun Tetangga. Oleh itu, RT perlu lebih prihatin untuk memberikan dorongan derta galakan kepada golongan muda untuk terlibat dalam aktiviti yang dijalankan oleh RT.

Jadual 5: Inisiatif Penglibatan dalam Aktiviti RT

Jantina	n	Peratusan (%)
Diri Sendiri	43	10.7%
Orang Lain	358	89.3%
Jumlah	401	100.0

Jadual berikutnya pula menunjukkan bahawa orang lain yang turut memberikan galakkan kepada mereka seperti rakan-rakan, keluarga lebih memainkan peranan yang tinggi dalam menggalakkan Jiran Muda untuk terlibat dalam aktiviti Rukun Tetangga iaitu 89.3% (358). Manakala 10.7% (43) yang terlibat atas kehendak diri sendiri. Ini menunjukkan semangat sukarela untuk terlibat dalam aktiviti Rukun Tetangga masih di tahap rendah dan perlu dipertingkatkan lagi.

Jadual 6 : Tahap Penglibatan Keseluruhan Jiran Muda

Tahap	Bil. Responden	Peratus
Rendah	60	15%
Sederhana	305	76.5%
Tinggi	34	8.5%
Tidak menjawab	1	0.2%
Jumlah	401	100.0%

Secara keseluruhannya penglibatan responden dalam aktiviti Rukun Tetangga adalah pada tahap sederhana 76.5% (305), manakala 15% (60) di tahap rendah dan hanya 8.5% (34) pada tahap tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga belum mencapai tahap

tinggi walaupun tahap persepsi Jiran Muda tentang nilai perpaduan adalah tinggi iaitu 89%. Ini menunjukkan bahawa Jiran Muda masih kurang terlibat dalam aktiviti Rukun Tetangga. Menurut kajian Indeks Belia Malaysia (2008) menunjukkan bahawa keterlibatan belia dalam kerja-kerja sukarelawan ialah sebanyak 67.4% pada tahun 2008. Terdapat peningkatan golongan muda dalam daya saing kesukarelaan pada tahun 2015 iaitu 67.9 pada tahun 2015 (Indeks Belia Malaysia, 2015). Walau bagaimanapun peratusan peningkatan tersebut masih pada tahap kurang memuaskan dan perlu ditingkatkan melalui peningkatan semangat perpaduan dalam kalangan golongan muda untuk memberikan sumbangan sukarela untuk komuniti.

Asnarulkhadi (2003) mengemukakan tentang pentru kejayaan usaha pembangunan komuniti bergantung kepada penyertaan komuniti termasuk penglibatan dalam menggubal rancangan, membuat keputusan, mengambil bahagian dalam pelaksanaan, menikmati faedah penglibatan serta membuat penilaian dalam aktiviti yang disertai. Aspek penglibatan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pembangunan terutama dalam konteks pembangunan komuniti. Menerusi penglibatan, komuniti dapat membentuk keupayaan mereka dan membina pendayaupayaan komuniti.

Penglibatan Jiran Muda juga dilihat mengambilkira faedah yang diperoleh sama ada dalam bentuk kebendaan atau bukan kebendaan yang mampu meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kebolehan seseorang termasuklah yakin kebolehan sendiri (Chrislip, 1995), selain yakin boleh menguasai kehidupan (Arai & Pedlar, 1997), beroleh pengetahuan dan kecekapan (Masschelein & Quaghebeur, 2006). Oleh itu, Jiran Muda masih tetap terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh RT. Sekiranya semua aspek yang dinyatakan di atas terutama meningkatkan keupayaan dan kemampuan individu terutama dalam menguasai kehidupan diberi penekanan dalam aktiviti RT, ia juga akan memberi impak yang lebih positif dan meningkatkan penglibatan Jiran Muda ke tahap yang lebih tinggi.

Jadual 7 : Tahap Penglibatan Mengikut Jantina

Jantina	n	Peratusan (%)
Lelaki	229	57.1%
Perempuan	172	42.9 %
Jumlah	401	100.0%

Berdasarkan tahap penglibatan mengikut jantina pula tidak menunjukkan perbezaan yang ketara antara penglibatan remaja lelaki dan remaja perempuan. Walau bagaimanapun remaja lelaki menunjukkan penglibatan di tahap yang lebih tinggi berbanding perempuan iaitu sebanyak 57% (229) manakala penglibatan remaja perempuan iaitu sebanyak 42.9% (172).

Jadual 8 menunjukkan tahap penglibatan mengikut etnik menunjukkan majoriti penglibatan kaum Melayu adalah tinggi iaitu 90.3% (362) iaitu hampir

keseluruhan penglibatan adalah melibatkan kaum Melayu. Manakala yang kedua tertinggi iaitu kaum India tetapi masih di tahap yang rendah iaitu 6.5% (26) manakala kaum Cina pula hanya 1 orang (0.2%). Kedudukan tahap penglibatan daripada etnik lain yang sangat rendah ini amat mengecewakan dan menunjukkan hanya remaja kaum Melayu sahaja yang terlibat secara dalam aktiviti anjuran RT dan JPNIN. Sehubungan dengan itu, langkah pro aktif yang sewajarnya perlu diambil oleh pihak RT dan JPNIN untuk melibatkan kaum lain menyertai aktiviti dan program anjuran RT. Indikator ini juga menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh pihak RT dan JPNIN kurang menarik minat kaum lain untuk turut serta melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan oleh RT khususnya di Kawasan RT.

Jadual 8 : Tahap Penglibatan Mengikut Etnik

Etnik	n	Peratusan (%)
Melayu	362	90.3
Cina	1	0.2
India	26	6.5
Bajau	2	0.5
Iban	1	0.2
Murut	1	0.2
Tiada maklumat	8	2.0
Jumlah	401	100.0%

Mohd Taib (2009) menyatakan konsep Program Rukun Tetangga iaitu yang melibatkan masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu Cina, India dan Pribumi yang mempunyai kepelbagaiaan agama, budaya, bahasa dan adat resam masing-masing menjalankan pelbagai aktiviti bagi mewujudkan perpaduan kaum. Ini kerana Rukun Tetangga diwujudkan untuk memupuk amalan budaya setempat dengan menjalankan pelbagai aktiviti ke arah mewujudkan perpaduan serta pembangunan masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Artikel ini menunjukkan kaum Melayu lebih ramai yang terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh RT walaupun tujuan RT diwujudkan ialah untuk mengeratkan perpaduan pelbagai kaum dan etnik.

Oleh itu, hasrat untuk melibatkan semua kaum dan etnik dalam aktiviti anjuran RT masih belum mencapai matlamatnya berdasarkan responden kajian ini yang majoritinya berbangsa Melayu. Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan penglibatan, strategi pembangunan komuniti memerlukan keputusan dibuat bersama-sama dengan komuniti setempat atau sekurang-kurangnya maklumat dan cadangan diperolehi daripada komuniti (Wates, 2000).

KESIMPULAN

Keseluruhan artikel ini menunjukkan penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT berada pada tahap sederhana dan masih mempunyai ruang untuk meningkatkan

lagi penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti RT ke tahap yang tinggi melalui sebaran maklumat, galakan, dorongan serta bimbingan daripada semua pihak terutama pihak RT dan JPNIN. Selain memberikan peluang kepimpinan organisasi RT yang melibatkan Jiran Muda diasah sebagai pemimpin generasi akan datang yang secara aktif akan terlibat secara langsung daripada peringkat awal perencanaan aktiviti RT. Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, penglibatan Jiran Muda terhad hanya mengambil bahagian dalam pelaksanaan dan tidak terlibat dalam menggubal perancangan aktiviti, membuat keputusan serta penilaian. Walau bagaimanapun Jiran Muda memperoleh faedah yang positif dalam mengikuti aktiviti anjuran RT. Pihak RT juga disarankan supaya melibatkan Jiran Muda dalam perancangan program pada peringkat awal, selain pandangan serta cadangan Jiran Muda juga perlu diberi pertimbangan dalam memilih aktiviti yang bersesuaian yang mampu menarik minat golongan muda. Aktiviti RT juga perlu mengambilkira aspek pembangunan belia positif sebagai rujukan untuk menepati keperluan golongan muda serta seiring dengan perkembangan semasa.

Secara keseluruhan artikel ini juga menunjukkan penglibatan Jiran Muda yang majoritinya melibatkan etnik Melayu walaupun aktiviti RT menggalakkan penglibatan pelbagai etnik dan agama dalam aktiviti RT. Oleh yang demikian, usaha untuk menarik minat etnik lain untuk melibatkan diri dalam aktiviti RT perlu dilakukan untuk mengimbangi penglibatan yang tidak hanya tertumpu kepada etnik tertentu sahaja tetapi mampu memberikan peluang kepada semua etnik untuk bersama-sama memberikan cadangan serta berganding bahu melibatkan diri dalam aktiviti RT yang merupakan usaha murni ke arah pemupukan perpaduan nasional. Selain usaha meningkatkan tahap perpaduan nasional perlu dikoordinasikan secara sistematik antara semua pihak dan tidak hanya meletakkan tanggungjawab sepenuhnya ke atas RT dan JPNIN.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia kerana membiayai geran penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Alias Mohammad. 2005. Managing Rukun Tetangga in a Multicultural Society. Dlm. Muhammad Kamarul Kabilan & Zaharah Hassan (pnyt.) Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society Promoting National Unity and the Practice of Noble Values, hlm.115-120. Serdang: Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Arai, S. M., and Pedlar, A. M. 1997. Building communities through leisure: citizen participation in a healthy communities initiative, *Journal of Leisure Research*, 29 (2), 167-182.

- Asnarulkhadi Abu Samah & Fariborz, A. 2009, "Empowerment as an Approach for Community Development in Malaysia", *World Rural Observation*, 1 (2), 63-68.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2003. *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang, Selangor: Percetakan Selaseh Sdn Bhd.
- Azizan Bahari. 2013. *Bekerja dengan Komuniti*. Kuala Lumpur: Qarya.
- Azimi Hamzah dan Turiman Suandi. 1996. Isu dan cabaran dalam pembangunan belia: beberapa pemerhatian penting. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan.
- Azimi Hamzah. 2007. *Ciri Komuniti Progresif*. Kertas Kerja Seminar Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Pekan, Pahang.
- Benny Thomas Vivian. 2007. Pengaruh Sikap dan Motivasi Terhadap Komitmen Ahli Dalam Pelbagai Aktiviti Rukun Tetangga di Kawasan RT Taman Sri Jelok, Kajang, Selangor. Unpublished Thesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Boyle, P. G. 1981. *Planning Better Programs*. New York: McGraw-Hill.
- Chrislip, D. 1995. Pulling together - creating a constituency for change. *National Civic Review*, Winter, 21-29.
- Cohen, J.M., and Uphoff, N. 1980. "Participation's Place in Rural Development: Seeking Clarity through Specificity" *World Development*, 8, 213-235.
- Haslinda Hashim dan Regina Abdullah. 2009. Penglibatan Komuniti dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika*, 77, 41-67.
- Haris Abd Wahab. 2007. *Penglibatan Masyarakat Tani dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Iaani, & Francis, A. J. 1996. The caring community as a context for joining youth needs and program services. *The Journal of Negro Education*, 65 (1), 71-91.
- Indeks Belia Malaysia. 2008. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Indeks Belia Malaysia. 2015. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

- Kieffer, C. 1984. 'Citizen Empowerment: A Development Perspective, in Rappaport, J., Swift, C. and Hess, R. (eds), *Studies in Empowerment: Steps Toward Understanding and Action*, New York: Haworth, 9-36.
- Killacky, J & Karam-Gillet-Karam, Rosemary. 1994. Pathways to tomorrow: a conversation about community-based programming. *Journal of Community Development Society* 25 (1):110-122.
- Klein, J. D., Sabaratnam, P., Matos, A. M., Smith, S. M., Kodjo, C., Lewis, K., et al. 2006. Development and factor structure of a brief instrument to assess the impact of community programs on positive youth development: The Rochester Evaluation of Asset Development for Youth (READY) tool. *Journal of Adolescent Health*, 39 (2), 252-260.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Masschelein, J., and Quaghebeur, K. 2006. Participation Making a Difference? Critical Analysis of the Participatory Claims of Change, Reversal, and Empowerment Interchange, 37(4), 309-33.
- Meor Azam Meor Harun. 2010. Penilaian keberkesanan organisasi Jiran Muda dalam Kawasan Rukun Tetangga di Taiping, Perak. Unpublished Latihan Ilmiah. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Fazli Sabri. 1999. Penglibatan golongan remaja dalam program Jiran Muda. Unpublished Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Taib Dora. 2009. Keberkesanan Program Rukun Tetangga dalam Memupuk Perpaduan dan Integrasi Nasional. *Jurnal Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional*, 1(1):33-47.
- Noraini Idris (Pnyt). 2010. Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M)
- Piaw, C. Y. 2006. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Rabushka. 1969. "Integration in a Multi-Racial Institution.: Ethnic Attitudes among Chinese and Malay Students at the University of Malaya", Race, No.1 Julai.
- Rahnema, Majid 1997. "Participation", in Wolfgang Sachs (ed.) *The Development Dictionary. A Guide to Knowledge as Power*, New Delhi: Orient Longman Limited.

- Sanusi Osman, 1989. *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafiee Bohari et al. 1994. *Kajian Kejiraninan di Kalangan Penduduk Kawasan Rukun Tetangga Balairaya Kuching Sarawak*. Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2008. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Tan Min Nee. 1998/1999. *Reaksi Penduduk Terhadap Skim Rukun Tetangga: Satu Kajian Kampung Sembulan Lama*. Unpublished thesis. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Tun Abdul Razak Hussien. 1975. *Ucapan-Ucapan Tun Haji Tun Abdul Razak Hussien*. Jilid 2. Kuala Lumpur. Arkib Negara Malaysia.
- United Nation. 1960. *Community Development and Economic Development: A Study of the Contribution of Rural Community Development Programmes to National Economic Development in Asia and Far East*, Economic Commission for Asia and the Far East, Bangkok.
- Wan Hashim Wan Teh, 1983. *Race Relations in Malaysia*, Petaling Jaya: Heinemann Educational Books.
- Wates, N. 2000. *The Community Planning Handbook*. London: Earthscan.

Profil Penulis:

Wan Zumaiza Wan Mustapha, BSc

Calon Master Pembangunan Komuniti

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

wanzumaiza@jpnin.gov.my

Sarjit S. Gill, PhD

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Merangkap

Ketua Kluster Keharmonian Sosial

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

sarjit@upm.edu.my

Ismi Arif Ismail, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia (UPM)

ismi@upm.edu.my

PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

SKOP

Malaysian Journal of Youth Studies ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang menarik minat para sarjana, terutamanya daripada segi kandungan dan pendekatannya. Jurnal ini diterbitkan oleh sebuah Lembaga Editorial yang bebas, terdiri daripada Felo Adjung IYRES. Selain itu, para sarjana dari luar negara turut dilantik untuk menganggotai Lembaga Penasihat Jurnal ini.

PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

Malaysian Journal of Youth Studies menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Dua salinan manuskrip, ditaip selang dua baris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Ketua Editor, Malaysian Journal of Youth Studies, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Aras 10, Menara KBS, 62570, Putrajaya Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting berserta dengan salinan fail soft copy dan hard copy. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan tiga (3) naskhah salinan *Malaysian Journal of Youth Studies*.

FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang memerihalkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan.

Semasa ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman yang berasingan daripada teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah di tanda dengan jelas. Semua ilustrasi ini harus dirujuk dan di nombor secara berturutan sebagai rajah. Semua ilustrasi hendaklah sama ada dilukis dengan jelas menggunakan dakwat kekal, difotograf dalam bentuk hitam putih atau warna dan dicetak di atas kertas yang bermutu atau dalam bentuk imej digital dan disediakan dalam bentuk *camera-ready*.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan *The Chicago Manual of Style* (University of Chicago Press).

HAK CIPTA

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta yang sedia ada. Penulis juga membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

PROSES PEWASITAN

Sesebuah manuskrip akan dinilai dan diwasitkan oleh Lembaga Editorial. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip didasarkan kepada saranan ahli-ahli lembaga ini. Sesebuah manuskrip akan dinilai berdasarkan kesesuaiannya dengan *Malaysian Journal of Youth Studies* sumbangannya kepada disiplin ilmu, kejituhan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

GUIDE TO CONTRIBUTORS

SCOPE

Malaysian Journal of Youth Studies is refereed journal committed to the advancement of youth studies. The journal publishes articles whose content and approach are of interest to a wide range of scholars. *Malaysian Journal of Youth Studies* is published by an autonomous Editorial Board of Institute for Youth Research Malaysia. In addition, distinguished scholars from local and foreign universities have been appointed to serve on the Advisory Board of the journal.

SUBMISSION PROCEDURE

The journal publishes manuscripts written in the Malay language, while submissions in English are also accepted. Manuscripts submitted to the journal for publication should be original contributions and must not have been previously published or be under consideration by any other publications.

Two copies of the manuscript, typed with double spacing on A4 paper, should be submitted to the Editor-in-Chief, Malaysian Journal of Youth Studies, Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth & Sports Malaysia, Level 10, KBS Tower, 62570, Putrajaya Malaysia. The manuscript should be accompanied by a short biographical note about the authors.

An author(s) whose manuscript has been accepted for publication will be required to send a hard copy as well as a soft copy and hard copy of the final, edited version of the manuscript. While a manuscript is under consideration, be sure to inform the editor of any change in address. Three (3) hardcopies of the journal will be given to the corresponding author of the published manuscript.

FORMAT AND STYLE

The title of a manuscript should be concise, descriptive and preferably not exceeding 15 words. The manuscript must include an abstract, describing its main points, in English and Malay of within 150-200 words including key word of at least five (5) words.

All illustrations, including figures, charts and graphs, must be labeled and supplied on pages separate from the texts. The desired placement in the text should be clearly indicated. These illustrations should be referred to and numbered serially as figures. All illustrations should be clearly drawn in permanent ink or photographed in sharp black and white or color and reproduced in the form of high-contrast glossy prints or digital images and provided in camera ready form.

References in the text should be denoted by giving the name(s) of the author(s) with the year of publications in parenthesis. All alphabetically ordered references list should be included at the end of the manuscript. All references cited in the text must appear in the reference list. Authors are responsible for the accuracy and completeness of all information in the reference. Manuscripts must conform to the references guidelines in The Chicago Manual of Style (University of Chicago Press). The reference style adopted should be consistent throughout the manuscript.

COPYRIGHT

It is the author's responsibility to ensure that his or her submitted work does not infringe any existing copyright. Furthermore, the author indemnifies the editors and publisher against any breach of such a warranty. Authors should obtain permission to reproduce or adapt copyrighted material and provide evidence of approval upon submitting the final version of a manuscript.

REVIEW PROCESS

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. Decisions regarding the publication of a manuscript will be based on the Board's recommendations. The manuscript will be evaluated based on its appropriateness for Malaysian Journal of Youth Studies, contribution to the discipline, cogency of analysis, conceptual breadth, clarity of presentation, and technical adequacy. To ensure that manuscripts are evaluated solely on their merit, the author's identity is concealed from referees during the review process. Manuscripts submitted by members of the journal's Editorial Board are subjected to the same review procedure.

BORANG PESANAN/ORDER FORM



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA
MALAYSIA (IYRES)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
ARAS 10, MENARA KBS
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA, MALAYSIA
TEL: 03-8871 3705/3790
FAKS: 03-8871 3342
EMAIL: info@iyres.gov.my
<http://www.iyres.gov.my>

Mohon bekalkan judul berikut kepada pihak kami.

Kindly supply Malaysian Journal of Youth Studies to us.

Judul/Title	Kuantiti/ Quantity	Harga/ Price (RM)	Jumlah/ Total
Jurnal Pembangunan Belia Malaysia Bil. 1 2008		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 1 2009</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies (Edisi Khas: Belia dan 1Malaysia) Bil. 2 2010</i>		25.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 3 2010</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 4 2011</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 5 2011</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 6 2012</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 7 2012</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 8 2013</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 9 2013</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 10 2014</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 11 2014</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 12 2015</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 13 2015</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 14 2016</i>		20.00	
RM			

Bayar wang tunai/bank draf/wang kiriman atas nama/*Make your cash/bank draft/money orders payable to Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.*

Nama Pemesan/Customer :

Alamat/Address :

Jabatan/Syarikat/Department/Company :

Jawatan/Position :

Tandatangan/Signature :

Disertakan/Attached : wang tunai/bank draf/kiriman wang/cash/bank draft/money order no:

..... /RM





Malaysian Journal of Youth Studies Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat menyurat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:

Executive Editor/ Editor Kerja

Malaysian Journal of Youth Studies

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Email: malaysianyouth@iyres.gov.my

<http://www.iyres.gov.my>

Pembangunan Ekonomi Belia Luar Bandar

Siti Khariah Mohd Zubir & Mohd Ra'in Shaari

Keperluan Teknologi Maklumat Golongan Belia Orang Asli di Kuala Lipis, Pahang

Asan Ali G.H., Fauzi Hussin, Mohd Khairudin Kasiran, Mohamad Helmi Hidthiir & Mohd Tarmizi Musa

Tingkahlaku Profesional dalam Kalangan Belia Muslim di Tempat Kerja

Mohd Faridz Ismail, Ismi Arif Ismail, Haslinda Ahmad & Soaib Asimiran

Penglibatan Jiran Muda dalam Aktiviti Rukun Tetangga di Daerah Hulu Langat,

Selangor

Wan Zumaiza Wan Mustapha, Sarjit S. Gill & Ismi Arif Ismail

Published by/diterbitkan oleh

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (TYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Website: <http://www.tyres.gov.my>

